

BAB 1 :
PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan.

Tajuk kajian yang dipilih ialah “*Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU) UiTM Kelantan kampus Machang : Kajian pendekatan dan program dakwah terhadap pembangunan akhlak mahasiswa*”. Sebagai salah seorang kakitangan CITU UiTM Kelantan, Pengkaji merasa terpanggil untuk memilih tajuk ini sebagai kajian kerana ia berkait rapat dengan tugas hakiki.

Pemilihan tajuk kajian ini dibuat adalah untuk mengenal pasti sejauh mana sambutan mahasiswa terhadap pendekatan dan program dakwah yang dilaksanakan oleh CITU UiTM Kelantan, mampu membangunkan akhlak mahasiswa di UiTM Kelantan kampus Machang. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk melihat apakah masalah yang dihadapi oleh pihak CITU dan juga mahasiswa menyertai program dakwah CITU.

CITU menggunakan pendekatan dakwah seperti mana yang telah disarankan Allah dalam al-Quran, iaitu surah al-Nahl : ayat 125. Pendekatan dakwah yang dimaksudkan ialah melaksanakan program dakwah CITU dengan menggunakan pendekatan mengajak secara berhikmah serta nasihat yang berkesan, memberikan contoh teladan yang baik dan mengadakan perbincangan, forum serta penerangan yang berkesan.

Program dakwah CITU di UiTM Kelantan kampus Machang merupakan program yang disusun atur oleh pihak CITU bertujuan untuk meningkatkan sahsiah dan nilai akhlak yang baik di kalangan mahasiswanya. Kajian ini dilakukan memandangkan banyak kepentingan yang bermakna, sumbangan yang bermanfaat kepada semua pihak.

1.2 LATAR BELAKANG MASALAH.

Pada hari ini, banyak pihak membicarakan tentang kemerosotan akhlak golongan remaja.¹ Beberapa permasalahan remaja yang begitu membimbangkan pada akhir-akhir ini mula meresahkan ibu bapa dan guru, yang melihat perubahan sikap serta tingkah laku mereka.² Saban hari di kaca televisyen atau surat khabar memaparkan masalah sosial masyarakat Malaysia yang kian meningkat teutamanya di kalangan remaja muslim. Remaja Islam zaman sekarang benar-benar berada dalam bahaya.³

Masalah akhlak dan kebejatan sosial di kalangan remaja ataupun mereka yang bergelar mahasiswa di institusi pengajian tinggi (IPT) bukanlah satu fenomena baru.⁴ Masalah ini berlaku di mana-mana saja, sejak zaman dahulu hingga kini.⁵ Masalah ketandusan akhlak adalah suatu fitrah yang memerlukan kepada usaha untuk meningkatkan potensi diri dan membangunkan akhlak mereka.⁶ Fenomena pembunuhan, kecurian, mat rempit, pembuangan bayi, anak haram semakin berleluasa.

Imām al-Ghazālī menjelaskan bahawa akhlak itu adalah gambaran tentang keadaan atau suasana yang terdapat di dalam diri atau kejiwaan yang sudah mantap dan sebatи.⁷ Akhlak juga bermakna keadaan atau suasana yang sebatи dan munculnya perbuatan secara senang tanpa berfikir dan membuat apa-apa pertimbangan.⁸ Kesucian akhlak bersifat sejagat.⁹ Akhlak yang baik merupakan tingkah laku baik yang lahir dari

¹Fatimah Azzahra, *Pendidikan Remaja dari sudut Islam* (Petaling Jaya : Penerbitan Pinang, 1995), 2.

²Zulpan Nasution, *Menangani Masalah Remaja Islam* (Kuala Lumpur : Al-Hidayah Publishers, 2000), 1.

³Abdul Halim Uwais, *Problem remaja masakini dan penyelesaiannya menurut Islam* (Kuala Lumpur : Pustaka Syuhada, 1998), 13.

⁴Idris Zakaria, *Pemikiran Islam tentang Kehidupan* (Shah Alam : Marwilis Publisher & Distributors Sdn. Bhd, 1989), 118.

⁵Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, *Akidah dan Isu Sosial : Tonggak Unggul Penyelamat Insan* (Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2010), 36.

⁶Asmawati Desa et al., *Menjana Modal Insan Cemerlang* (Kajang : Tinta Image Sdn. Bhd, 2009), 140-142.

⁷al-Ghazālī, Abū Ḥamīd Muḥammad bin Muḥammad, *Iḥyā ‘Ulūm al-Dīn* (Mesir : al-Dār al-Misriyyah al-Lubnāniyyah, t.t), 59.

⁸Zakaria Stapa, *Islam dan Cabaran ke Arah Kecemerlangan Ummah* (Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM), 1999), 95.

⁹Tajul Arifin Nordin dan Nor Aini Daud, *Pendidikan dan Pembangunan Manusia* (Bangi : Al Syabab Media, 2002), 4.

pancaran hati yang baik. Ia sama seperti hasil tanaman yang berguna kepada manusia.¹⁰

Manusia dijadikan oleh Allah SWT sebagai khalifah untuk memperhambakan diri kepadaNya.¹¹Pada asasnya, khalifah ditugaskan dengan dua tugas utama iaitu mendirikan agama (*iqāmah al-dīn*) dan memajukan bumi serta memakmurkannya ('imārah al-ard).¹² Kedua-dua tugas tersebut melengkapkan matlamat hidup manusia di dunia ini iaitu untuk memperhambakan diri kepada Allah SWT dengan melaksanakan yang disuruh dan meninggalkan yang dilarang bagi mendapat keredhaaNya¹³

Oleh itu, penerapan nilai-nilai murni perlu disemai sejak kecil lagi untuk mengelakkan berlakunya masalah dalam pembangunan akhlak.¹⁴ Kepincangan pendidikan akhlak dalam sistem pendidikan negara hari ini juga sedikit sebanyak menyumbang kepada masalah akhlak di kalangan mahasiswa.¹⁵Sistem pendidikan sekular pada hari ini tidak mampu melahirkan mahasiswa yang berakhlak mulia.¹⁶

Belajar di universiti atau menara gading memang menjadi cita-cita semua orang. Mereka harus merasa beruntung jika dapat menggunakan masa muda untuk belajar dan mencari ilmu dunia dan akhirat.¹⁷Mahasiswa di universiti kebanyakan berusia di akhir remaja dan mula berada di ambang dewasa. Rata-rata usia mereka antara 21-23 tahun, walaupun sebilangan lagi berusia antara 30-40 tahun. Malah, berusia 48 tahun ke atas.¹⁸

¹⁰Ab.Aziz Mohd Zin, *Psikologi Dakwah* (Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM), 1999), 235-236.

¹¹Ab.Aziz Mohd Zin et al., *Dakwah Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur : Universiti Malaya, 2006), 65.

¹²Ab.Aziz Mohd Zin, *Strategi Dakwah Dalam Sirah Nabi SAW* (Kuala Lumpur : Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012), 7.

¹³Mohd Radhi Ibrahim, *Akidah dan Pembangunan Tamadun* (Nilai : Kolej Universiti Islam Malaysia, 2006), 75.

¹⁴Abdul Ghafar Don et al., *Dakwah Dan Pengurusan Islam di Malaysia : Konsep dan Pelaksanaan*, dalam *Pengurusan Dakwah di Kalangan Remaja* ed. Idris Ahmad (Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000), 141.

¹⁵Ahmad Redzuwan Mohd Yunus, *Gejala Sosial Dalam Masyarakat Islam : Punca dan Penyelesaian* (Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2003), 18.

¹⁶Haslinda Abdullah, *Belia dan Pembangunan Modal Insan* (Serdang : Universiti Pertanian Malaysia, 2009), 7.

¹⁷Amina Hj Noor, *Ciri-Ciri Remaja Muslim* (Kuala Lumpur : Dinie Publishers, t.t), 55.

¹⁸Sulaiman Masri, *Panduan Belajar di Universiti* (Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2002), 5.

Mahasiswa adalah aset yang penting bagi sesebuah negara.¹⁹ Mereka adalah bakal mewarisi tampuk pemerintahan negara kita suatu hari nanti.²⁰ Apa saja yang berlaku kepada mereka akan memberikan impak kepada masa depan negara.²¹ Sekiranya kita berjaya menyediakan acuan akhlak yang baik, maka lahirlah bakal pemimpin negara yang berpegang teguh kepada aqidah yang benar, ibadah yang sahih dan akhlak yang mulia.²²

Atas kesedaran inilah, maka pihak Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU) UiTM Kelantan kampsus Machang, menjadikan faktor akhlak sebagai strategi pembangunan insan dalam dakwahnya. Masalah yang berlaku di kalangan mahasiswa memerlukan satu perhatian yang serius dari semua pihak bagi menanganinya secara bersama dan tidak hanya meletakkan tanggungjawab ini di bahu CITU. Secara umumnya, masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan kerja dakwah ialah pendakwah, jentera dakwah, sasaran dan musuh dakwah.²³

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Berpandukan kepada tajuk kajian yang telah dipilih, Pengkaji merumuskan beberapa masalah kajian yang membawa kepada persoalan seperti berikut :-

- 1) Siapakah mahasiswa dan apakah peranan mereka?.
- 2) Bagaimanakah akhlak mahasiswa dan bagaimana membangunkan akhlaknya?.
- 3) Apakah program dan pendekatan dakwah yang digunakan dalam pembangunan akhlak mahasiswa?.

¹⁹Sidi Gazalba et al., *Dakwah Islamiah Malaysia Masa Kini* (Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia, 1993), 80.

²⁰Ab.Aziz Yusof, *Pembangunan Modal Insan Teras Pendidikan Negara* (Sintok : Universiti Utara Malaysia, 2009), 373-374.

²¹Syamsul Bahri Andi Galigo, *Anjakan Paradigma Dakwah Dalam Menghadapi Pelampau Agama*, (Nilai : Kolej Universiti Islam Malaysia, 2006), 43.

²²Ahmad Fazullah Mohd Zainal Abidin et al., *Modal Insan : Konsep, Aplikasi & Isu-Isu Kontemporari Dalam Cabaran Pemerksaan Tamadun Insan* (Kuantan : Universiti Malaysia Pahang, 2007), 13.

²³Ab.Aziz Mohd Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah* (Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, 1997), 135.

- 4) Sejauh manakah program dan pendekatan dakwah yang dilakukan oleh universiti mampu membangunkan akhlak mahasiswa?.
- 5) Apakah masalah-masalah yang dihadapi dalam usaha membangun akhlak mahasiswa?.
- 6) Bagaimanakah penerimaan mahasiswa terhadap program dan pendekatan dakwah yang dilakukan oleh universiti dalam membangun akhlak mahasiswa?.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Sebenarnya, tujuan utama Pengkaji rasa terpanggil untuk melakukan kajian ini adalah untuk mencapai objektif-objektif berikut :-

- 1) Memahami program dan pendekatan dakwah dalam pembangunan akhlak terhadap mahasiswa.
- 2) Mengenal pasti program dan pendekatan Pusat Pemikiran & Kefahaman Islam (CITU) dalam pembangunan akhlak mahasiswa UiTM Kelantan kampus Machang.
- 3) Mengenal pasti masalah pelaksanaan program dan pendekatan Pusat Pemikiran & Kefahaman Islam (CITU).
- 4) Mengenal pasti penerimaan mahasiswa terhadap pendekatan dakwah Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU).

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui sejauh mana penerimaan mahasiswa terhadap pendekatan dan program dakwah yang dilaksanakan oleh Pusat Pemikiran & Kefahaman Islam (CITU). Penerimaan mereka dapat diketahui dengan melihat kepada keberkesanannya dalam membangunkan akhlak mahasiswa UiTM Kelantan Kampus Machang.

Di atas kesedaran itulah, Pengkaji merasakan bahawa pengkajian secara menyeluruh (walaupun tidak sempurna) haruslah dilakukan bagi tujuan melihat kaedah terbaik untuk berdakwah kepada mahasiswa. Program dakwah di UiTM Kelantan kampus Machang merupakan program yang dirancang oleh pihak CITU bertujuan untuk meningkatkan lagi sahsiah dan nilai-nilai moral di kalangan mahasiswanya. Kajian ini dilakukan memandangkan banyak kepentingan yang akan didapati hasil daripada penemuannya antaranya :-

- 1) Kepentingan kajian kepada pihak universiti, semoga Pengkaji selepas ini dapat melakukan kajian yang lebih mendalam dalam rangka membantu pihak pengurusan universiti membentuk keperibadian mahasiswa yang cemerlang akademik dan mempunyai akhlak terpuji.
- 2) Kepentingan kajian kepada pihak CITU, semoga dapatan kajian tentang sambutan mahasiswa terhadap program dan pendekatan dakwahnya dapat dijadikan panduan untuk meningkatkan lagi prestasi program yang diadakan.
- 3) Kepentingan kajian kepada masyarakat, semoga dapatan kajian terhadap masalah dakwah CITU dan mahasiswa dalam program dakwah dapat membantu masyarakat menyelesaikan masalah kepincangan akhlak remaja dan gejala sosial
- 4) Kepentingan kajian kepada ibu bapa, semoga dapatan kajian mengenai keberkesanan pendekatan dakwah CITU boleh dijadikan panduan ibu bapa agar dapat menggunakan ketiga-tiga pendekatan dakwah terhadap anak-anak mereka.

1.6 SKOP KAJIAN

Dalam menjalankan kajian ini, Pengkaji telah menetapkan beberapa batasan kajian : -

1. Kajian ini terbatas kepada mahasiswa pengajian diploma secara sepenuh masa yang menyertai program dakwah Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam

(CITU), di UiTM Kelantan kampus Machang.

2. Kajian ini terbatas kepada dakwah CITU dalam konteks program pembangunan akhlak tanpa mengkaji dakwah CITU dari aspek akademik kepada mahasiswa.
3. Kajian ini terbatas kepada program dakwah Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU) UiTM Kelantan kampus Machang dari tahun 2010 hingga 2012.

1.7 DEFINISI TAJUK

Penggunaan istilah dalaman sesuatu kajian perlulah digariskan secara konkret dan terperinci mengenai maksud tertentu bagi mengelak kekeliruan dan salah faham yang boleh berlaku kelak. Maka di sini, digariskan beberapa perkataan yang mungkin akan menimbulkan kekeliruan.

1.7.1 CITU :

CITU adalah singkatan kepada *Centre for Islamic Thought and Understanding*, iaitu Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam.²⁴

1.7.2 UiTM :

UiTM adalah singkatan kepada Universiti Teknologi MARA.²⁵

1.7.3 Pendekatan:

Pendekatan berasal dari perkataan dekat iaitu perihal (perbuatan dsb) mendekati atau mendekatkan. Ia juga bermaksud kaedah (cara, langkah-langkah) yang diambil

²⁴Ibrahim Abu Bakar et al., “Pembangunan Pengajaran Tinggi Islam di Malaysia,” dalam *Pengalaman UiTM dalam Pelaksanaan Kursus Pendidikan dan Tamadun Islam*, ed. Muhamad Rahimi Osman dan Ghazali Sulaiman (Nilai : Universiti Sains Islam Malaysia, 2008), 197.

²⁵*Ibid.*, 197.

bagi memulakan dan melaksanakan tugas (mengatasi masalah dll). Pendekatan perbuatan mend_i atau men_kn.²⁶ Perbuatan mendekati atau mendekatkan.²⁷

1.7.4 Program

Program ialah rancangan yang menentukan dasar-dasar yang akan dijalankan (dalam pembangunan negara, perekonomian dan lain-lain).²⁸

1.7.5 Dakwah

Dakwah kegiatan menyeru dan menyakinkan orang lain supaya menerima sesuatu kepercayaan.²⁹

1.7.6 Pembangunan :

s.v bangun. Membangkitkan seseorang dari tidur, membina, membuat, mendirikan: membuat supaya maju, berkembang, membuat supaya wujud, timbul sesuatu perasaan.³⁰ Pembangunan ialah usaha membangunkan, memajukan, mengembangkan kampung, bandar, negeri dan lain-lain.³¹ perihal membangunkan, pembinaan.³²

1.7.7 Akhlak :

Akhlik adalah gambaran tentang keadaan atau suasana yang terdapat di dalam diri atau kejiwaan yang sudah mantap dan sebatи.³³

1.7.8 Mahasiswa :

Noresah Baharom et al., memberikan maksud mahasiswa sebagai pelajar (penuntut) di universiti.³⁴ Dr Rohi Baalbaki menyatakan bahawa mahasiswa sebagai pelajar

²⁶*Kamus Bahasa Melayu* (Kuala Lumpur : Crescent New (KL) Sdn. Bhd, 2008), 169, entri “dekat”.

²⁷*Kamus Perwira* (Selangor : Penerbitan Daya Sdn. Bhd, 1998), 292, entri “pendekatan”.

²⁸*Kamus Dewan*, ed. ke-4 (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 1233, entri “program”.

²⁹*Ibid*, 305, entri “dakwah”.

³⁰Noresah bt Baharom et al., *Kamus Dewan*, 678.

³¹Kelana C.M et al., *Kamus Perwira*, 104.

³²Adli Hj Yacob et al., *Kamus Bahasa Melayu*, 61.

³³al-Ghazālī, Abū Ḥamīd Muḥammad bin Muḥammad, *Iḥyā ‘Ulūm al-Dīn*, 59.

yang belajar di universiti.³⁵ Jonathan Crowther et al., mentakrifkan mahasiswa sebagai seorang yang berumur 16 tahun ke atas, yang sedang menuntut ilmu di universiti atau kolej.³⁶ Penuntut atau pelajar di pusat pengajian tinggi.³⁷ Pelajar lelaki di universiti³⁸. Penuntut universiti berumur antara 18 hingga awal 40 tahun.³⁹

1.8 KAJIAN LITERATUR

Setelah sorotan perpustakaan dan pengumpulan data dibuat, didapati terdapat beberapa kajian hampir sama dengan tajuk disertasi ini telah dibuat sebelum ini. Kajian tersebut dibuat pada peringkat disertasi dari Universiti Malaya (UM). Pengkaji akan membicarakan tentang kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan pendekatan dakwah, program dakwah dan pembangunan akhlak. Pengkaji telah menemui beberapa disertasi mengenai pendekatan dakwah antaranya :

Nasrudin Sidi (2010) di dalam disertasinya yang bertajuk *Pendekatan dakwah Ismail Lutfi Japakiya : Kajian tentang tarikan dakwahnya di Selatan Thailand*.⁴⁰ Antara tujuan kajian ini ialah untuk mengkaji realiti sebenar masyarakat Islam di Selatan Thailand, mengenal pasti pendekatan dakwah Ismail Lutfi serta faktor yang menjadi tarikan kepada sasaran dalam dakwahnya dengan memfokuskan kepada usaha dakwah yang dilaksanakan oleh Ismail Lutfi Japakiya di tiga wilayah Selatan Thailand sahaja iaitu Pattani, Yala dan Narathiwat. Kekuatan kajian tersebut terletak kepada Pengkaji memberi tumpuan kepada dua aspek utama iaitu pendekatan dan faktor tarikan dakwah.

³⁴ Noresah bt Baharom et al., *Kamus Dewan*, 975.

³⁵ *al-Mawrid al-Muyassar*, (Beirut : Dār al-Ilm li al-Malayin, 1997), 291, “entri pelajar universiti”.

³⁶ *Oxford Advance Learners Dictionary*, (Oxford : Oxford University Press, 1995), 1187.

³⁷ Adli Hj Jacob, *Kamus Bahasa Melayu*, 745, “entri mahasiswa”.

³⁸ Kelana C.M et al., *Kamus Perwira*, 1396, “entri mahasiswa”.

³⁹ Roslin Syamsuri, *Arus Kebangkitan Ramaja Muslim* (Batu Caves : Pustaka Ilmi, 1996), 31.

⁴⁰ Nasruddin Sidi, “Pendekatan dakwah Ismail Lutfi Japakiya : Kajian Tentang Tarikan Dakwahnya Di Selatan Thailand” (disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2010).

Di dalam kajian beliau, Pengkaji melihat dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor tarikan dakwah Ismail Lutfi kepada masyarakat Islam di Selatan Thailand dapat dilihat dari tiga aspek utama iaitu dari aspek personalitinya seperti kelulusan akademik, akhlak dan kecerdikannya, keduanya ialah aspek isi penyampaian di mana faktor tarikan utamanya ialah tafsir al-Quran dan ketiganya aspek gaya persembahan mesej dengan faktor tarikan menggalakkan berbuat baik dan mengingati nikmat Allah SWT.

Mohd Rusdi Mansor (2004) menulis dalam disertasinya bertajuk *Pendekatan dakwah Rasulullah SAW di Mekah: Kajian tentang pelaksanaannya di Institusi-Institusi dakwah Perlis*.⁴¹ Antara tujuan kajian ini ialah untuk melihat sejauh mana metode dakwah Rasulullah SAW diaplikasikan oleh institusi dakwah di Perlis dalam pendekatan dakwah mereka kepada masyarakat bukan Islam. Ia juga bertujuan mengemukakan metode dakwah yang terbaik dan sesuai berdasarkan metode dakwah Rasulullah SAW untuk dilaksanakan di Negeri Perlis.

Pengkaji dalam hasil kajiannya, menegaskan bahawa untuk memastikan dakwah yang dilakukan bertepatan dengan kehendak Allah SWT, para pendakwah perlu memastikan diri mereka sentiasa mengikuti pendekatan dakwah yang dilakukan oleh Rasulullah SAW. Justeru, medan dakwah terhadap masyarakat bukan Islam di Perlis memerlukan kesungguhan dari semua pihak yang terlibat dengan institusi Islam. Didapati pendekatan dakwah oleh institusi Islam di Perlis lebih banyak tertumpu kepada masyarakat Islam sahaja.

Apabila Pengkaji meneliti kedua-dua disertasi di atas, didapati terdapat beberapa perkaitan dengan tajuk disertasi yang sedang dikaji. Pengkaji lebih memfokuskan kepada pendekatan dakwah CITU terhadap mahasiswa sedangkan Nasrudin Sidi memfokuskan pendekatan dakwah yang dilakukan oleh Ismail Lutfi Japakiya.

⁴¹Mohd Rusdi Mansor, “Pendekatan dakwah Rasulullah SAW di Mekah: Kajian Tentang Pelaksanaannya di Institusi-Institusi Dakwah Perlis” (disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004).

Manakala, Mohd Rusdi Mansor pula mengkaji pelaksanaan pendekatan dakwah Rasulullah di Mekah dengan melihat sejauh mana pengalikasiannya di Negeri Perlis.

Disertasi berkenaan program dakwah dibuat oleh Zulkifli bin Yusoff di bawah tajuk “*Program Dakwah Majlis Sukan Negara Malaysia*”.⁴² Antara tujuan kajian ini ditulis adalah untuk menelusuri sejarah perkembangan dakwah yang dijalankan di Majlis Sukan Negara (MSN) serta meneliti reaksi atlet dan anggota Majlis Sukan Negara (MSN) terhadap program dakwah serta menilai keberkesanannya dari sudut kefahaman dan penghayatan Islam.

Hasil penemuan dalam kajian beliau, didapati bahawa kajian beliau memfokuskan kepada program dakwah yang dilaksanakan di Majlis Sukan Negara (MSN), iaitu sebuah badan organisasi sukan, sedangkan kajian yang dilakukan Pengkaji adalah menjurus kepada pendekatan dan program dakwah Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), iaitu sebuah entiti Pusat Islam di UiTM. Sudah tentulah sasaran dakwahnya juga berbeza.

Munir Md Amin dalam disertasinya bertajuk Program dakwah Masjid di daerah Gombak : Suatu Kajian tentang keberkesanannya,⁴³ menjelaskan antara tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mengenal pasti program dakwah masjid di daerah Gombak dan untuk mengetahui kefahaman serta penghayatan masyarakat terhadap program yang dilaksanakan oleh masjid-masjid di daerah Gombak.

Adapun, disertasi berkaitan dengan pembangunan akhlak ditulis oleh Hajar Opir (2006) bertajuk *Metodologi Pembangunan Akhlak Di Kalangan Pelajar Sekolah*

⁴²Zulkifli Yusoff, “Program Dakwah Majlis Sukan Negara Malaysia” (disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2005).

⁴³Munir Md Amin, “Program Dakwah Masjid di Daerah Gombak : Suatu Kajian Tentang Keberkesanannya” (disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2006).

*Menengah : Kajian Khusus Di Sekolah Menengah Islam al-Amin Gombak, Selangor.*⁴⁴

Tujuan kajian ini mengenal pasti metode yang digunakan dalam pembangunan akhlak menurut perspektif Islam dan maklumbalas responden terhadap penggunaan metode pembangunan akhlak.

Setelah diteliti disertasi beliau, hasil kajian daripada maklumbalas soal selidik sama ada dalam kurikulum dan ko-kurikulum menunjukkan bahawa metode atau kaedah pembangunan akhlak mempengaruhi watak dan peribadi pelajar ke arah nilai dan budaya positif. Dapatan ini juga seiring dengan laporan prestasi disiplin sekolah mencatatkan peratusan yang sangat rendah terhadap pelanggaran kesalahan peraturan sekolah iaitu kategori berat 1%, (5 orang) dan kategori ringan 2% (10 orang).

Mohd Mazli Haji Mohd Ani (2004), menulis disertasi bertajuk “*Pentadbiran Organisasi Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) : Analisis Pencapaiannya Terhadap Pembangunan Akhlak Tentera Malaysia*”. Antara tujuan kajian ini mengenal pasti peranan yang dimainkan oleh KAGAT dalam organisasi ketenteraan di Malaysia dengan memfokuskan kajiannya terhadap pencapaian semasa KAGAT dalam membangunkan akhlak warga tentera.⁴⁵

Pengkaji mendapati, hasil kajian beliau ialah usaha yang telah dibuat oleh pihak KAGAT untuk membangunkan akhlak warga tentera melalui didikan dan tunjuk ajar menampakkan keberkesanannya. Ini dapat dibuktikan dengan perbezaan yang amat ketara terhadap kehidupan warga ketika sebelum dan selepas tertubuhnya KAGAT. Lebih mengagumkan apabila 98.9% daripada responden melahirkan kesudian secara peribadi menyokong usaha dakwah KAGAT.

⁴⁴Hajar Opir, “Metodologi Pembangunan Akhlak Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah : Kajian Khusus Di Sekolah Menengah Islam al-Amin Gombak, Selangor” (disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2006).

⁴⁵Mohd Mazli Haji Mohd Ani, “Pentadbiran Organisasi Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) : Analisis Pencapaiannya Terhadap Pembangunan Akhlak Tentera Malaysia” (disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004).

1.9 METODOLOGI PENYELIDIKAN

Cohen dan Manion (1996) mentakrifkan metodologi sebagai pendekatan yang digunakan dalam penyelidikan pendidikan bagi mengumpul data.⁴⁶ Menurut Noorzan Mohd Noor, penyelidikan ialah suatu kajian untuk mencari jawapan secara tersusun dan sistematis.⁴⁷ Sulaiman Masri menyatakan bahawa penyelidikan ialah proses penghasilan dan penambahan pengetahuan tentang manusia, alam dan sebagainya.⁴⁸

Perkataan “Penyelidikan” dan “Kajian” tidak dibezakan pengertiannya walaupun ada setengah pihak yang memaksudkan “Penyelidikan” sebagai kajian yang datanya dibentuk sendiri dengan menggunakan kaedah pengumpulan yang dirancang manakala “Kajian” pula merujuk kepada kajian yang memanipulasi data yang sedia ada.⁴⁹ Penyelidikan juga adalah satu proses untuk mencari dan mendapat pengetahuan atau ilmu.⁵⁰ Penyelidikan, cara mengetahui dirinya, masyarakatnya dan negaranya.⁵¹

Penyelidikan ialah cara teratur bagi mendapatkan ilmu dan ilmu yang diperoleh melalui penyelidikan berbeza daripada ilmu yang diperoleh secara spontan.⁵² Penyelidikan juga dijalankan untuk mencari jawapan kepada suatu persoalan yang sebelum ini belum ada.⁵³ Ramai Penulis dan Pengkaji telah melakukan kajian penyelidikan menemui beberapa strategi dalam bidang penyelidikan sains sosial, antaranya metode kualitatif dan kuantitatif.⁵⁴

⁴⁶Othman Mohamed, *Penulisan Tesis dalam bidang Sains Sosial Terapan* (Serdang : Penerbit Universiti Pertanian Malaysia, 2001), 26.

⁴⁷Noorzan Mohd Noor, *Writing Research and Thesis Proposal : Guidelines and Examples* (Shah Alam : UPENA UITM, 2010), 1.

⁴⁸Sulaiman Masri, *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan* (Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2003), 1.

⁴⁹Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah : Amalan Dalam Pengajaran Islam* (Shah Alam : Kamil & Shakir Sdn. Bhd, 2009), 7.

⁵⁰Azhar Harun & Nawi Abdullah, *Metodologi Penyelidikan Ekonomi dan Sains Sosial* (Singapura : Thomson Learning, 2004), 1.

⁵¹Samsudin Rejab et al., *Panduan Menulis Tesis* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa & Pustaka, 1982), 1.

⁵²Tiun Ling Ta, *Panduan Asas Penyelidikan Sosioekonomi* (Pulau Pinang : Universiti Sains Malaysia, 1995), 1.

⁵³Idris Awang, *Kaedah Penyelidikan : Suatu Sorotan* (Shah Alam : APIUM Intel Multimedia and Publications, 2001), 1.

⁵⁴Alan Bryman, *Social Research Methods* (Oxford : Oxford University Press, 2008), 21.

Ahmad Sunawari Long menyatakan bahawa metodologi penyelidikan sebagai kaedah yang digunakan untuk mengumpul data dan menganalisis data.⁵⁵ Fazlur Rahman Faridi telah menyatakan bahawa kaedah penyelidikan yang menggunakan pendekatan saintifik mempunyai kelemahan-kelemahan tertentu yang meletakkan dasarnya kepada tanggapan realiti yang salah.⁵⁶

Metode Kajian

Metode kajian menjelaskan kaedah pengumpulan data dan analisis data. Biasanya metode kajian, terdiri daripada kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Metode kajian menjelaskan kaedah pengumpulan data dan analisis data. Sesuatu penyelidikan yang dilakukan itu tidak semestinya memerlukan semua jenis metodologi yang ada bahkan mencukupi dengan beberapa metodologi yang sesuai bagi mendapatkan laporan penyelidikan yang mantap dan sempurna.⁵⁷ Di antara metodologi yang digunakan di dalam penyelidikan yang dilakukan ini ialah :-

1.9.1 Metode Pengumpulan Data

Pengumpulan data terbahagi kepada dua iaitu kajian perpustakaan seperti penggunaan dokumen-dokumen yang berautoriti misalnya manuskrip, fail rekod dan sebagainya. Manakala kajian lapangan seperti temu bual, soal selidik, dan observasi. Penekanan hendaklah dibuat bagi menjelaskan kewajaran dan merit kaedah yang digunakan itu dalam kajian berkenaan.⁵⁸

⁵⁵Ahmad Sunawari Long, *Pengenalan Metodologi Pengajian Islam* (Bangi : Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006), 42.

⁵⁶Zakaria Bahari et al., Pengurusan Ilmu, Ekonomi dan Pembangunan Berteraskan Islam, dalam *Ke Arah Pembinaan Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam*, ed. Muhammad Syukri Salleh (Penang : Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2011), 5.

⁵⁷Mohd. Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), 60-63.

⁵⁸Penulis tidak diketahui, *Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam*, (Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam, 2001), 15.

1) Metode Kajian Perpustakaan

Data-data ini boleh didapati daripada tempat-tempat yang banyak menyimpan sumber-sumber primari dan sekunder. Tempat yang paling sesuai bagi tujuan tersebut ialah Perpustakaan. Antara perpustakaan yang dikunjungi Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur dan Nilam Puri, Perpustakaan Za'aba Universiti Malaya, Perpustakaan Tun Seri Lanang UKM, Perpustakaan UIAM Gombak, Perpustakaan USIM Nilai, Perpustakaan Awam Islam Kuala Lumpur, Perpustakaan UiTM Kelantan dan Perpustakaan Awam Kelantan.

Ahmad Sunawari Long menyatakan bahawa kajian perpustakaan merupakan kajian terhadap dokumen sama ada buku, jurnal, disertasi atau tulisan akhbar berkenaan tajuk yang dikaji sebelum penyelidikan dijalankan.⁵⁹ Mohd Sheffie Abu Bakar menjelaskan bahawa kajian perpustakaan ialah teknik bagi seseorang Penyelidik mendapatkan data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod.⁶⁰ Data-data yang diperlukan oleh Penyelidik dalam penyelidikan ini antaranya berbentuk primari dan sekunder. Data primari yang bersumberkan kepada Al-Quran, hadith, disertasi dan tesis. Data sekunder seperti artikel jurnal, kertas kerja persidangan dan seminar, serta buku ilmiah.

2) Metode Kajian Lapangan

Menurut Akara dan Lane (1983), Kajian lapangan dapat dijalankan hanya dalam situasi apabila fenomena yang hendak dikaji berlaku secara semula jadi. Metode ini dianggap teknik mengkaji sesuatu perlakuan secara semula jadi dalam sesuatu latar tertentu yang biasanya melibatkan kedua-dua aspek, kuantitatif dan

⁵⁹Ahmad Sunawari Long, *Pengenalan Metodologi Pengajian Islam*, 105.

⁶⁰Mohd Sheffie Abu Bakar, *Metodologi Penyelidikan Untuk Ekonomi Dan Bidang-Bidang Berkaitan* (Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1991), 41.

kualitatif.⁶¹ Penyelidikan kuantitatif⁶² berkait rapat dengan kaedah saintifik. Penyelidikan kualitatif⁶³ tidak begitu sesuai diterapkan dalam semua masalah dalam sains sosial.⁶⁴

Kajian lapangan juga merupakan strategi penyelidikan yang paling sesuai untuk meneroka bidang kajian. Tujuan dan strategi di sini untuk mengetahui secara mendalam keadaan sebenar kumpulan atau kejadian tertentu.⁶⁵ Data-data yang diperoleh daripadanya seperti metode temu bual, soal selidik, observasi dan sebagainya.⁶⁶

1.9.2 Sumber Data

Sumber data menjelaskan sumber dari mana data-data berkenaan diperolehi. Sumber data boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu sumber primari dan sumber sekunder.⁶⁷ Data merupakan pemungutan sebilangan pencerapan.⁶⁸ Data primari ialah data yang diperolehi melalui pemerhatian, soal selidik, interview secara langsung, ujian makmal dan kerja-kerja lapangan. Data sekunder ialah data-data yang diperolehi dari bahan bertulis yang dihasilkan oleh orang lain seperti buku-buku, jurnal atau laporan.⁶⁹

Sumber primari ialah sumber yang ada kaitan secara langsung dengan keadaan yang dikaji termasuk temu bual, observasi dan seumpamanya. Sumber primari lain ialah laporan, autobiografi, diari, fail, artifak, tesis, minit mesyuarat, catatan pengembala dan karya asal seseorang penulis kalau sekiranya penulis berkenaan atau zamannya yang dikaji. Manakala sumber sekunder ialah sumber yang ada perantara di antara keadaan

⁶¹Tiun Ling Ta, “*Panduan Asas Penyelidikan Sosioekonomi*”, 35.

⁶²Penyelidikan Kuantitatif ialah berkait rapat dengan kaedah saintifik dan cuba membuat generalisasi berdasarkan nilai yang dapat diukur dengan jelas. *Ibid.*

⁶³Penyelidikan Kualitatif ialah prosedur penyelidikan yang menghasilkan data deskriptif, iaitu maklumat dalam bentuk tulisan, perkataan, dan pemerhatian yang dihasilkan oleh penyelidik sendiri. *Ibid.*

⁶⁴*Ibid.*

⁶⁵Sulaiman Masri, *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan*, 20.

⁶⁶Penulis tidak diketahui, *Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam*, Universiti Malaya, 15.

⁶⁷Idris Awang , *Kaedah Penyelidikan : Suatu Sorotan*, 75.

⁶⁸Amir Hussin Baharuddin, *Kaedah Kuantitatif : Suatu Pengenalan* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989), 30.

⁶⁹Azhar Harun & Nawi Abdullah, *Metodologi Penyelidikan Ekonomi dan Sains Sosial*, 20.

atau pengalaman yang dikaji seperti ulasan, makalah dan juga buku-buku ilmiah.⁷⁰ Bagi mendapatkan data-data dalam kajian ini, Pengkaji menggunakan beberapa metode :

a) Metode Temu bual

Temu bual digunakan untuk memperoleh maklumat berkenaan fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak mengikut keperluan persoalan kajian.⁷¹ Penyelidik boleh menyoal responden secara lisan dan bersemuka disebut temu bual.⁷² Biasanya tujuan utama temu bual ialah mendapatkan maklumat tertentu yang khusus daripada responden sasaran. Temu bual perlu mengikut cara yang boleh menjamin kerjasama sepenuhnya daripada responden, keseragaman menginterpretasikan soalan oleh pihak kedua, jawapan yang tepat dan tidak *bias* daripada responden.⁷³

Temu bual akademik ialah interaksi sosial antara penemu bual dengan yang ditemu bual bertujuan untuk mendapatkan sebanyak mungkin maklumat dan tidak ada unsur hiburan atau paksaan.⁷⁴ Temu bual ialah pengkaji akan menyoal responden secara lisan dan berhadapan dengannya.⁷⁵ Justeru, melalui metode temu bual dalam kajian ini ialah menemubual beberapa informan untuk membantu mengukuhkan lagi hasil kajian.

Pengkaji mengadakan sesi temu bual dengan beberapa orang yang terdiri daripada mahasiswa UiTM Kelantan kampus Machang yang menyertai program dakwah CITU untuk mendapatkan maklumbalas mereka terhadap kefahaman yang diperolehi, penceramah-penceramah untuk mendapatkan komen mereka tentang maklumbalas responden terhadap program yang dilaksanakan dan pihak penganjur program tersebut untuk mengetahui kepentingan program kepada mahasiswa UiTM.

⁷⁰*Ibid.*

⁷¹Mohd. Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, 59.

⁷²Sulaiman Masri, *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan*, 62.

⁷³Tiun Ling Ta, *Panduan Asas Penyelidikan Sosioekonomi* , 43.

⁷⁴Idris Awang, *Kaedah Penyelidikan : Suatu Sorotan* , 71.

⁷⁵Azhar Harun & Nawi Abdullah, *Metodologi Penyelidikan Ekonomi dan Sains Sosial*, 67.

Antara tujuan temu bual diadakan adalah untuk mendapatkan pandangan dan maklumbalas mereka terhadap program dakwah dan pendekatan dakwah CITU. Selain itu, untuk mengetahui isu yang timbul seperti ketidakseimbangan gender menghadiri program dakwah CITU. Begitu juga dengan isu maklumbalas responden mengenai program yang tidak mendapat sambutan dipengaruhi latar belakang pendidikan agama.

Pengkaji sempat menemubual seramai 37 orang penemubual dengan kekerapan temu bual bergantung kepada isu yang dikemukakan. Ada di kalangan mereka yang ditemu bual hanya sekali, ada dua kali dan ada juga sebanyak tiga kali. Temu bual ini diadakan untuk mengukuhkan hasil kajian kerana disokong oleh maklumat yang diperolehi dari mereka yang terlibat dalam program dakwah secara langsung dan tidak langsung.

b) Metode Pemerhatian (observasi)

Metode observasi ialah suatu pemerhatian yang dilaksanakan ke atas satu keadaan yang telah dikenalpasti hasil dari satu perancangan yang teliti. Pemerhatian ini akan menghasilkan satu deskripsi terperinci tentang keadaan berkenaan bagi membolehkan penyelidik memahaminya secara mendalam. Observasi merupakan kaedah pengumpulan data yang paling objektif kerana penyelidik menyaksikan sendiri subjek kajiannya tanpa perantaraan.⁷⁶

Pemerhatian merupakan salah satu jenis kaedah soal selidik yang digunakan untuk memungut data kajian.⁷⁷ Ia digunakan untuk merekod tingkah laku dan interaksi responden dalam kajian yang dijalankan.⁷⁸ Pengkaji akan membuat observasi serta penelitian terhadap pendekatan dakwah CITU dan akan memerhati secara khusus keadaan mahasiswa UiTM Kelantan yang mengikuti program CITU. Selain itu,

⁷⁶Idris Awang, *Kaedah Penyelidikan : Suatu Sorotan*, 74.

⁷⁷Mok Soon Sang, *Penyelidikan dalam Pendidikan : Perancangan dan Pelaksanaan Penyelidikan Tindakan* (Puchong : Penerbitan Mutimedia Sdn. Bhd, 2010), 300.

⁷⁸Rosinah Edinin, *Penyelidikan Tindakan Kaedah Dan Penulisan* (Kuala Lumpur : Freemind Horizons. Sdn. Bhd, 2011), 2 : 52.

Pengkaji juga akan turut serta dalam program CITU untuk melihat tingkah laku responden.

Metode ini juga digunakan untuk melihat realiti mahasiswa di UiTM Kelantan. Metode pemerhatian ini bertujuan untuk mengumpulkan data serta maklumat dengan lebih jelas. Ia juga akan menolong Pengkaji untuk mendapatkan jawapan yang lebih telus dan gambaran awal proses analisis secara tepat semua maklumat yang dikumpulkan. Beberapa sesi observasi yang bertujuan untuk melihat dari dekat situasi dan suasana ketika program berlangsung. Sesi pemerhatian ini dilaksanakan di kawasan UiTM Kelantan kampus Machang yang menjadi tempat berlangsungnya program.

c) Metode soal selidik

Selain daripada menggunakan kaedah metode temu bual dan observasi, kaedah mengedarkan borang soal selidik juga digunakan dalam kajian ini. Soal selidik sangat penting bagi mengukuhkan lagi maklumat dan data kajian. Soal selidik diertikan sebagai rangkaian soalan yang distrukturkan berasas pembolehubah-pembolehubah⁷⁹ yang dikenal pasti untuk menghasilkan sejumlah data bagi menjelaskan masalah yang dikaji.⁸⁰ Soal selidik merupakan kaji selidik yang merupakan pengganti diri penyelidik.⁸¹

Borang soal selidik ialah borang atau jadual yang mengandungi soalan-soalan tentang masalah yang sedang dikaji untuk mendapatkan data jenis primer.⁸² Item-item soal selidik dihasilkan dengan menggunakan bahasa yang mudah, selaras dengan tahap

⁷⁹ *Pembolehubah* adalah sama maksudnya dengan angkubah dan *varibale* yang merujuk kepada ciri, sifat atau nilai yang berbeza pada entiti yang menjadi subjek atau responden kajian seperti jantina, umur, ukuran tinggi rendah, pendapatan, pendidikan, pekerjaan atau sebagainya. Lihat Idris Awang, *Kaedah Penyelidikan : Suatu Sorotan*, 76.

⁸⁰ *Ibid.*

⁸¹ Mokhtar Ismail, *Kaedah Penyelidikan Kuantitatif dalam Pendidikan* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2011), 64.

⁸² Mohd Ariff Hussein, *Kaedah Penyelidikan Gunaan Dalam Bidang Ekonomi* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), 58.

responden, elakkan soalan yang sukar, soalan dwi maksud, soal selidik yang terlalu panjang, elakkan soalan yang kabur, soalan yang berarah dan item yang negatif.⁸³

Dalam kajian ini, Pengkaji membentuk satu set borang soal selidik menggunakan ukuran dalam bentuk skala likert (1,2,3,4,5) yang bertujuan untuk mendapatkan pandangan responden dan persepsi tentang penerimaan terhadap program dakwah, pendekatan dakwah CITU dan masalah yang dihadapi dalam program tersebut.

Ada 4 bahagian dalam soal selidik dirangka untuk mendapatkan maklumat iaitu yang berkaitan dengan diri responden seperti latar belakang, penerimaan mahasiswa terhadap program dakwah, pendekatan CITU dalam pembangunan akhlak mahasiswa dan masalah yang dihadapi dalam program tersebut.

Misalnya soalan pada Bahagian A mengenai profil demografi responden. Pengkaji telah membentuk soal selidik untuk mengetahui latar belakang responden bagi mendapatkan data-data yang berkaitan dengan jantina, umur, pendidikan menengah, pekerjaan ayah atau penjaga, pendapatan gaji bulanan, asal tempat tinggal, program dan semester pengajian.

Manakala pada Bahagian B pula, Skala yang digunakan dalam soalan bahagian ini ialah skala Likert lima point seperti di bawah yang berkaitan dengan penerimaan responden terhadap program dakwah CITU. Sebanyak 15 soalan dikemukakan dalam bahagian ini.:

- i. Tidak pernah (tidak mendapat sambutan)
- ii. Jarang-jarang (jarang-jarang mendapat sambutan)
- iii. Sederhana (mendapat sambutan yang sederhana)
- iv. Kerap (mendapat sambutan yang kerap)
- v. Sangat kerap (sangat mendapat sambutan)

⁸³Rosinah Edinin, *Penyelidikan Tindakan Kaedah Dan Penulisan*, 49-50.

Namun, dalam Bahagian C, Skala yang digunakan dalam soalan bahagian ini ialah skala Likert lima point seperti di bawah ialah soalan untuk mengetahui penerimaan pendekatan CITU di kalangan responden. Bahagian ini, mengandungi 15 soalan.

- i. Sangat tidak setuju (sangat tidak berkesan)
- ii. Tidak setuju (tidak berkesan)
- iii. Sederhana (sederhana berkesan)
- iv. Setuju (berkesan)
- v. Sangat setuju (sangat berkesan)

Akhirnya pada Bahagian D, Skala yang digunakan dalam soalan bahagian ini ialah skala Likert lima point seperti di bawah iaitu soalan berkaitan dengan masalah yang dihadapi oleh responden ketika menyertai program dakwah CITU di UiTM Kelantan kampus Machang. Pengkaji mengemukakan 15 soalan dalam bahagian ini untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan masalah yang dihadapi responden:

- i. Sangat tidak setuju (sangat tidak bermasalah)
- ii. Tidak setuju (tidak bermasalah)
- iii. Sederhana (sederhana masalah)
- iv. Setuju (masalah)
- v. Sangat setuju (sangat bermasalah)

Bagi menyediakan alat kajian soal selidik, penyelidik perlu mengambil beberapa perhatian iaitu ciri-ciri soal selidik yang baik mestilah sesuai dengan responden, format alat kajian yang sistematik, arahan yang jelas, surat dan dokumen sokongan disertakan bersama alat kajian serta ujian rintis juga perlu dijalankan sebelum soal selidik

berkenaan digunakan.⁸⁴ Borang soal selidik yang diedarkan mengambil kira aspek berikut :-

a) Populasi dan Sampel Kajian

Populasi ialah satu kumpulan perkara yang mengandungi unsur, objek, individu atau ciri-ciri yang dipertimbangkan dalam suatu kajian yang ingin diambil kesimpulan oleh penyelidik.⁸⁵ Misalnya, populasi dalam kajian ini ialah melibatkan semua mahasiswa di UiTM Kelantan.

Sampel kajian pula ialah satu kumpulan kecil atau suatu *subset* yang diambil daripada populasi. Dengan kata lainnya, sebahagian daripada populasi yang dicerap oleh penyelidik.⁸⁶ Sampel kajian adalah responden-responden kajian yang dipilih untuk mewakili sesuatu populasi. Saiz sampel kajian bergantung kepada populasi dan merancang reka bentuk kajian yang digunakan. Bilangan sampel kajian daripada populasi ditentukan menggunakan perisian *Sample Saiz Calculator by Raosoft*.⁸⁷

Bagi mendapatkan sampel yang sesuai, perisian *Sample Saiz Calculator by Raosoft* digunakan untuk menetapkan bilangan sampel atau responden. Populasi kajian untuk 6020 orang mahasiswa UiTM Machang (lelaki : 1993, perempuan : 4027), sehingga sesi kemasukan Sem 1, Sesi Sept 2012/2013, didapati sampel kajian yang diperlukan adalah seramai 362 orang. Lokasi dan sampel tersebut dipilih berdasarkan kepada kaedah seperti pemilihan mahasiswa UiTM berdasarkan kepada kaedah *purposive sampling*.⁸⁸

⁸⁴Mohd Najib Abdul Ghafar, *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan* (Skudai : Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2003), 111.

⁸⁵Azhar Harun & Nawi Abdullah, *Metodologi Penyelidikan Ekonomi dan Sains Sosial*, 52.

⁸⁶Mohd Najib Abdul Ghafar, *Penyelidikan Pendidikan* (Skudai : Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 1999), 37.

⁸⁷“Vovici”, dikemaskini 2 Januari 2012, dicapai 10 Julai 2012, <http://www.raosoft.com/samplesize.html>.

⁸⁸Purposive Sampling ialah sampel-sampel dipilih berdasarkan ciri-ciri sampel yang dikehendaki oleh penyelidik sesuai dengan objektif dan matlamat kajian. Lihat Ahmad Sunawari Long, *Pengenalan Metodologi Pengajaran Islam*, 69.

Ini dilihat berdasarkan ramainya bilangan peserta dalam program CITU. Pemilihan sampel bagi mahasiswa yang menyertai progam CITU adalah berdasarkan kaedah rawak mudah.⁸⁹ Pemilihan pelajar baru sem 1,adalah berdasarkan *purposive sampling*. Sampel bagi pelajar semester 2 - semester 4 berdasarkan kaedah rawak mudah. Sebanyak 400 set borang soal selidik telah diedarkan oleh pengkaji. Borang soal selidik telah diedarkan di sekitar kawasan UiTM seperti di bilik kuliah, kafeteria, perpustakaan dan di Pusat Islam.

Dalam tempoh seminggu Pengkaji telah mengumpul semula borang soal selidik untuk dianalisis. Daripada 400 set borang soal selidik yang diedarkan hanya sebanyak 380 sahaja yang lengkap diisi dengan sempurna. Sampel dalam kajian ini dipilih secara rawak mudah yang terdiri daripada mahasiswa yang menyertai program dakwah CITU di UiTM Kelantan kampus Machang. Dengan menggunakan perisian *Sample Saiz Calculator by Raosoft* seramai 362 daripada 6020 orang mahasiswa telah terpilih.

b) Ujian Rintis.

Ujian rintis adalah untuk mengesahkan item-item soal selidik oleh pakar dan menentukan kebolehpercayaan dengan menggunakan ujian *alfa cronbach*. Data daripada soal selidik dikumpulkan daripada responden dan dianalisis menggunakan perisian SPSS untuk menentukan indeks nilai kebolehpercayaan iaitu *alfa cronbach*. Tujuannya supaya soal selidik berkenaan mempunyai kebolehpercayaan dan kesahan yang tinggi.⁹⁰

Sebelum borang soal selidik diedarkan kepada responden, satu ujian rintis (*pilot test*) dijalankan kepada mahasiswa UiTM Kelantan kampus Kota Bharu untuk memastikan kesahan dan kebolehpercayaan (*reliability*) borang soal selidik. Kajian

⁸⁹Persampelan Rawak Mudah ialah kaedah persampelan berasaskan hukum kebarangkalian yang paling mudah dan sering diamalkan dalam kaedah persampelan yang berasaskan hukum kebarangkalian lain. Lihat Tiun Ling Ta, *Panduan Asas Penyelidikan Sosioekonomi*, 62.

⁹⁰Rosinah Edinin, *Penyelidikan Tindakan Kaedah Dan Penulisan*, 50.

rintis dilakukan ke atas 30 orang responden yang belajar di UiTM Kelantan kampus Kota Bharu. Kajian rintis juga dilakukan ke atas sampel yang sejenis dengan sampel kajian sebenar. Hasil daripada kajian rintis ini akan membolehkan pengkaji mengenal pasti kelemahan instrumennya dan mengetahui di mana kekuatannya.⁹¹

Kesahan adalah perkara yang penting bagi sesuatu ujian. Kesahan sesuatu alat kajian bergantung kepada jenis pembolehubah yang dikaji.⁹² Ujian yang tidak sah untuk sesuatu perkara yang diukur itu tidak akan memberikan apa-apa makna. Sebaliknya, maklum balas yang diperolehi melalui ujian yang tidak sah itu boleh membawa akibat yang buruk.⁹³

Untuk memastikan kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik beberapa semakan telah dibuat. Peringkat pertama soal selidik ini disemak dan dibincangkan dengan penyelia dan pensyarah yang berkaitan. Seterusnya pengkaji meminta bantuan pensyarah di Fakulti Sains Komputer & Matematik UiTM Kelantan, Prof Madya Dr Jusoh Yacob, Dr Zainudin Awang, Encik Omar Kairan dan Encik Norazam Nafi untuk menyemak semakan struktur dan kesesuaian item soal selidik supaya selaras dengan tujuan dan matlamat penyelidikan.

Sebelum borang soal selidik diedarkan di tempat kajian, Pengkaji melakukan kajian rintis ke atas 30 orang mahasiswa UiTM Kelantan kampus Kota Bharu yang menyertai program dakwah CITU. Berdasarkan kajian rintis tersebut beberapa item soal selidik telah diperkemaskan lagi bagi memastikan item-item tersebut jelas dapat difahami oleh responden.

⁹¹Idris Awang, *Kaedah Penyelidikan : Suatu Sorotan*, 62.

⁹²Khalid Johari, *Penyelidikan Dalam Pendidikan : Konsep & Prosedur* (Petaling Jaya : Prentice Hall, 2003), 66.

⁹³Abu Bakar Nordin et al., *Penaksiran Dalam Pendidikan Dan Sains Sosial* (Tanjung Malim : Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2008), 220.

1.9.3 Prosedur Kajian

Setiap kajian mempunyai cara dan proses pentadbirannya yang tersendiri.⁹⁴

Pentadbiran kajian merangkumi segala aspek cara dan proses kajian dijalankan. Proses ini termasuk pemilihan alat kajian, pemilihan subjek, pemilihan saiz sampel, pemilihan tempat untuk kajian dijalankan, pemilihan ketepatan masa yang paling sesuai untuk menjalankan kajian. Banyak lagi perkara-perkara lain yang perlu diambil kira bagi menghasilkan dapatan kajian yang dapat mengurangkan aspek *bias*⁹⁵ dalam kajian.⁹⁶

Setelah mendapat kebenaran Rektor Kampus UiTM Kelantan, Pengkaji ke UiTM Kelantan kampus Machang untuk membuat tinjauan dan mengedarkan borang soal selidik dengan memberi penjelasan tentang cara mengisi borang soal selidik. Soal selidik ini telah diedarkan kepada responden di sekitar kawasan kajian seperti di kafeteria, perpustakaan, bilik kuliah, Pusat Islam dan di beberapa kawasan dalam kampus UiTM Kelantan kampus Machang.

Pengkaji juga memberikan penerangan tentang tujuan dan cara mengisi soal selidik tersebut supaya item-item yang terkandung di dalam soal selidik ini dapat difahami dengan jelas. Misalnya Pengkaji telah memberi beberapa tempoh tertentu supaya diisi oleh responden dan sebelum Pengkaji mengumpulkannya kembali. Kemudian Pengkaji meminta semula borang soal selidik yang telah lengkap diisi.

1.9.4 Metode Analisis Data.

Data yang telah diproses haruslah dianalisis untuk membolehkan mendapatkan keputusan bagi masalah yang dikaji.⁹⁷ Pengkaji perlu mengubah struktur data kepada

⁹⁴Deobold .B, *Memahami Penyelidikan : Satu Pengenalan*, terj. Abdul Fatah Abdul Malik dan Mohd Majid Konting (Serdang : Penerbit Universiti Pertanian Malaysia, 1993), 127.

⁹⁵Mokhtar Ismail, *Pentaksiran Pendidikan* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009), 221.

⁹⁶Othman Mohamed, *Penulisan Tesis dalam bidang Sains Sosial Terapan*, 29.

⁹⁷Mohd Sheffie Abu Bakar, *Metodologi Penyelidikan Untuk Ekonomi Dan Bidang-Bidang Berkaitan*, 87.

maklumat.⁹⁸ Apabila membincangkan analisis data, selalunya kaedah induktif dan deduktif dijelaskan⁹⁹:-

a) Metode Induktif

Metode induktif juga dikenali sebagai induktif-generatif, penyelidik mengumpulkan maklumat secara berterusan bagi menjelas atau menghurai fenomena yang dikaji. Penyelidik bermula dengan data yang terhad dan berasingan dan secara generatif terus mengumpul dan menelitinya sehingga persoalan yang dikaji menjadi jelas.¹⁰⁰ Metode Induktif ini digunakan dalam bab 2 dan bab 3.

b) Metode Deduktif

Metode deduktif bermaksud penyelidik menggunakan teori atau gagasan fikiran yang ada atau dibentuknya sendiri berdasarkan pemikiran atau pengalaman tertentu untuk melihat fenomena yang berlaku. Pergerakannya dari yang bersifat umum menuju kepada yang lebih khusus iaitu apa yang digagas atau diteorikan dengan keadaan yang sebenar berlaku dalam situasi yang dikaji.¹⁰¹ Metode deduktif digunakan dalam bab 2 dan bab 3.

c) Metode Komparatif

Metode komparatif merupakan aktiviti utama dalam proses analisis data. Ini termasuk membandingkan sumber data untuk menentukan sumber yang boleh dipertanggungjawabkan, fakta untuk menentukan yang sahih dan lebih sahih, kaedah untuk mencari kaedah yang paling tepat, teori untuk menentukan teori yang paling sesuai, pendapat untuk mencari pendapat yang paling berdasas,¹⁰² Dengan metode inilah

⁹⁸Zainudin Hj Awang, *Research Methodology and Data Analysis* (Shah Alam : UiTM Press, 2012), 40.

⁹⁹Idris Awang, *Kaedah Penyelidikan : Suatu Sorotan*, 82.

¹⁰⁰*Ibid.*

¹⁰¹*Ibid.*, 83.

¹⁰²*Ibid.*, 102.

pengkaji dapat membuat kesimpulan. Metode perbandingan ini digunakan dalam bab 2,3,4, dan 5.

d) Metode Analisis Statistik Deskriptif

Kajian ini menggunakan reka bentuk deskriptif. Kajian deskriptif digunakan bagi menghuraikan taburan pola penyesuaian iaitu penyesuaian keseluruhan, akademik sosial, personal emosional dan penyesuaian komitmen.¹⁰³ Data-data yang diperolehi daripada borang soal selidik dimasukkan ke dalam komputer dan diproses menggunakan perisian program SPSS¹⁰⁴versi 17.0. Kemudian data dianalisis melalui statistik deskriptif.¹⁰⁵

Justeru, kajian deskriptif ini digunakan bagi menghuraikan taburan sambutan program dakwah dan pendekatan CITU terhadap pembangunan akhlak mahasiswa UiTM Kelantan kampus Machang. Kekerapan dan peratusan digunakan bagi mendapatkan gambaran demografi responden. Manakala taburan kekerapan, peratusan, nilai min setiap item dan purata min tentang penerimaan dan sambutan terhadap program dakwah CITU.

Di akhir kajian, Pengkaji menyediakan laporan penyelidikan. Di antara kriteria bagi menilai kualiti laporan penyelidikan kuantitatif ialah meliputi tajuk penyelidikan, abstrak, pernyataan masalah, soalan kajian, ulasan perpustakaan, reka bentuk kajian, instrumen kajian, prosedur kajian, analisis data dan hasil kajian.¹⁰⁶Bagi mendapatkan

¹⁰³Othman Mohamed (2001), *Penulisan Tesis dalam bidang Sains Sosial Terapan*, 27.

¹⁰⁴SPSS ataupun *Statistical Package for the Social Sciences* merupakan satu siri program kecil atau subprogram yang membolehkan pengiraan statistik dan beberapa jenis analisis data dilakukan terhadap data penyelidikan. Lihat Tiun Ling, *Panduan Asas Penyelidikan Sosioekonomi*, 78.

¹⁰⁵*Statistik Deskriptif* ialah satu angka tunggal yang boleh digunakan untuk memperihalkan sesuatu taburan data atau nilai-nilai pengamatan. Lihat Azhar Harun & Nawi Abdullah, *Metodologi Penyelidikan Ekonomi dan Sains Sosial*, 82.

¹⁰⁶Lim Chong Hin, *Penyelidikan Pendidikan : Pendekatan kuantitatif dan kualitatif* (Shah Alam : Mc Graw-Hill Malaysia Sdn. Bhd, 2007), 288-290.

maksud ayat-ayat al-Quran, Pengkaji menggunakan *Tafsir Fi Zilal al-Quran*¹⁰⁷ Sayyid Qutb dan diterjemahkan oleh Dato' Yusoff Zaki sebagai panduan.

1.9.5 Kesimpulan

Dalam bab ini, Pengkaji menjelaskan pendahuluan dan latar belakang masalah. Selain itu, dikemukakan isu-isu dan masalah terhadap akhlak mahasiswa. Dari masalah kajian ini, maka timbulah persoalan siapakah mahasiswa, apakah peranan mereka, bagaimanakah akhlak dan pendekatan terbaik membangunkan akhlak mereka serta sejauh manakah program yang dilaksanakan oleh universiti mampu membangun akhlak mereka? Sebagai salah seorang kakitangan CITU di UiTM Kelantan, Pengkaji merasa terpanggil untuk membuat kajian mengenai pendekatan CITU terhadap pembangunan akhlak mahasiswa. Antara objektif kajian mengenal pasti pendekatan dan program dakwah CITU dalam pembangunan akhlak mahasiswa serta melihat sejauh manakah penerimaannya. Seterusnya, batasan kajian memfokuskan kepada sambutan mahasiswa yang terlibat dalam program yang diadakan dengan melihat kepada pendekatan CITU dan penghayatan akhlak di kalangan mahasiswa serta masalah program. Definisi tajuk dinyatakan bagi menjelaskan istilah-istilah yang terdapat dalam kajian ini. Beberapa sorotan kajian literatur juga dibuat terhadap tajuk disertasi Pengkaji yang terdahulu. Akhirnya, dijelaskan juga tentang prosuder kajian yang menjelaskan tentang bagaimana kajian ini dijalankan dari mula sehingga akhir kajian.

¹⁰⁷Sayyid Qutb, *Tafsir Fi Zilalil Quran*, terj, Yusoff Zaki Hj Yacob (Kota Bharu : Pustaka Aman Press Sdn. Bhd, 2000).

BAB 2 :

PEMBANGUNAN AKHLAK MAHASISWA DAN PROGRAM DAKWAH

2.1 AKHLAK DALAM ISLAM.

2.1.1 Pengenalan.

Allah menciptakan manusia berserta dengan tabiat semula jadi atau naluri individu dan sosial, ia tidak boleh hidup berseorangan, bahkan saling memerlukan antara satu sama lain.¹⁰⁸ Umat Islam hari ini perlu menjadikan sejarah yang lampau sebagai pengajaran dan iktibar, jika tidak sejarah akan berulang.¹⁰⁹

Sejarah telah menyaksikan bahawa antara sebab yang membawa kemusnahan dan kehancuran sesuatu bangsa ialah akibat daripada kerakusan manusia dan hilangnya nilai-nilai kemanusiaan serta akhlak dalam kehidupan. Kejatuhan dan kelemahan umat Islam disebabkan oleh beberapa faktor yang besarnya ialah faktor akhlak.¹¹⁰

Al-Quran berkali-kali menegaskan bahawa kebinasaan sesuatu bangsa atau kaum itu hakikatnya adalah akibat daripada kecuaian manusia tentang permasalahan akhlak.¹¹¹ Keruntuhan nilai akhlak dalam sesebuah masyarakat bukan sahaja menjadi punca kemusnahan masyarakat. Manusia kini menjadi makhluk yang amat gelojoh dan tamak serta bersifat kebendaan melulu tidak lagi menghiraukan nilai moral dan akhlak.¹¹²

Islam menyeru supaya umatnya menyuruh kepada kebaikan dan melarang dari melakukan kejahatan.¹¹³ Semua ajaran dan amalan Islam bermuarakan kepada akhlak.

¹⁰⁸Md Saleh Hj Md @ Hj Ahmad, “Pengaruh Budaya Tempatan dalam Menentukan Kredibiliti Qadi/Hakim” (Kertas Kerja, Seminar Hukum Islam Semasa III Peringkat Kebangsaan 2000, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 5 Disember 2000), 2.

¹⁰⁹Muhammad Asri Yusoff, “Bahaya Syiah kepada Aqidah, Syariah, Akhlaq, Ummah dan Negara” (Kertas Kerja, Seminar Bahaya Syiah, Darul Kauthar, Kota Bharu, 16 Julai 2003), 2.

¹¹⁰Ismail Hj Abd. Halim, Pembangunan Akhlak Bersepadu (Tanggungjawab Bersama)”, (Kertas Kerja Seminar Pembangunan Akhlak Dari Perspektif Islam, Kompleks Haji Kelana Jaya, 21 September 1999), 7.

¹¹¹Asmawati Suhid, *Pendidikan Akhlak dan Adab Islam* (Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2009), vii.

¹¹²Ismail Ibrahim, *Isu Islam Semasa* (Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2004), 78.

¹¹³Siti Fatimah Abdul Rahman, *Ke Arah Negara Maju Berdasarkan Sistem Nilai* (Kuala Lumpur : Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 1993), v.

Syariat menggariskan tingkah laku perbuatan yang bernilai akhlak. Dengan suruhan-suruhannya syariat membina akhlak yang positif. Dengan larangan-larangannya ia menjauhkan nilai negatif pada akhlak.¹¹⁴

Imām al-Ghazālī menjelaskan bahawa pengertian *amar ma'aruf, nahi mungkar* ialah sebarang daya usaha secara perseorangan atau kolektif untuk menggalakkan manusia melakukan kebajikan sama ada kebaikan tersebut berbentuk ibadat khusus kepada Allah SWT atau penunaian ibadat umum iaitu segala ibadat yang berhubung dengan hubungan manusia dan hubungan manusia dengan alam.¹¹⁵

Menurut perspektif Islam, ketinggian dan kemuliaan tamadun manusia berkait rapat dengan ketinggian akhlak, bukan setakat kemajuan sains dan teknologi canggih yang dibanggakan. Malah, akhlak merupakan salah satu tunjang atau asas tamadun Islam kerana ia memainkan peranan yang tersendiri dan mengutamakan nilai-nilai kebaikan.¹¹⁶

Persoalan mengenai akhlak dan pembentukan sahsiah peribadi adalah suatu tajuk yang ditangani oleh manusia sejak mula wujudnya nilai tamadun di kalangan umat manusia di muka bumi ini. Menurut Ibn Khaldun, turun naiknya sesebuah negara mahupun tamadun adalah banyak bergantung kepada sejauh mana umatnya memegang nilai-nilai akhlak yang tinggi.¹¹⁷

Umumnya masyarakat telahpun menyedari persoalan akhlak merupakan topik yang perlu diberikan perhatian serius, apakah di sekolah rendah dan menengah, di institusi pengajian tinggi (IPT),¹¹⁸ mahupun lain-lain institusi masyarakat sama ada

¹¹⁴Haron Din, *Manusia dan Islam* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002), 3 : 343.

¹¹⁵Amairah Hj Sufian dan Zahiroh Hussain, *Islam Konsep Dan Dakwah* (Sintok : Universiti Utara Malaysia, 1995), 154.

¹¹⁶Mustafa Daud, *Beberapa Aspek Pemikiran al-Maududi* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998), 35.

¹¹⁷Mustafa Kamil Ayub, *Menangani Cabaran Membina Kecemerlangan Tamadun Ummah* (Petaling Jaya : Budaya Ilmu Sdn. Bhd, 1994), 81.

¹¹⁸Institusi Pengajian Tinggi ialah pusat pendidikan dan penyelidikan. Ia berfungsi sebagai pusat pemangkin ilmu dalam pengajaran dan penyelidikan. Lihat Zulkifli Hj Yusoff, "Peranan Institusi Pengajian Tinggi dalam Kelangsungan Pengajian Hadith" (Kertas Kerja, Seminar Kebangsaan Hadis dan Isu-Isu Semasa, Kolej Islam Selangor Darul Ehsan (KISDAR), 13 Mac 2004), 2.

dipunyai oleh orang perseorangan, swasta serta kerajaan. Di IPT walaupun arus dan semangat Islam bertiup kuat namun krisis moral tetap berlaku di kalangan mereka yang tidak bertanggungjawab. Masalah yang timbul adalah berkisar di sekitar masalah mahasiswa seperti tayangan video lucah, khawat dan zina.¹¹⁹

Justeru, pendidikan akhlak amat penting diajar kepada anak-anak sejak di peringkat *mumaiyiz* hingga ke akil baligh apabila segala tuntutan syarak terpikul di bahu mereka. Jatuh bangunnya sesuatu bangsa atau umat berdasarkan kepada darjat akhlaknya.¹²⁰ Antara tujuan pendidikan akhlak ialah untuk membiasakan diri supaya bersifat terpuji, menjauhi sifat-sifat keji, menanam rasa kemanusiaan yang mulia, mengelakkan diri daripada meniru gaya orang musyrik yang tidak berakhhlak.¹²¹

Pendidikan merupakan elemen terpenting dalam proses tumbuhbesaran dan kematangan seseorang yang dapat melahirkan generasi yang berguna dan berakhhlak mulia. Dalam konteks pendidikan Islam, pendidikan hendaklah berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah yang berteraskan kepada tauhid. Kegagalan meletakkan nilai ini ke dalam sistem pendidikan Islam akan menyebabkan kegagalan dalam membentuk sahsiah.¹²²

2.1.2 Definisi Akhlak.

Dalam menyatakan takrif dan istilah akhlak, ia tidak harus dilihat secara *superficial* (luaran semata-mata), yang dibatasi hanya aspek lahiriah semata-mata.¹²³ Dari segi bahasa : akhlak bermakna kejituan dalam menilai atau kebijaksanaan.

¹¹⁹Saat Sulaiman, *Remaja Positif* (Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2007), i.

¹²⁰Ghazali Darusalam, *Pedagogi Pendidikan Islam* (Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2001), 296.

¹²¹Yūsuf al-Qaraḍawī, *al-Imān wa al-Hayāh* (Kaherah : Maktabah al-Wahbah, 1990), 200.

¹²²Suzalie Mohamad, *Memahami Isu-Isu Pendidikan Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur : Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 2003), i.

¹²³Muhammad Zaki Abd al-Salam Mubarak, *Al-Akhłāq ‘inda al-Ghazālī* (Kaherah : Dār al-Syabab, 1970), 7.

Kamus Muhiṭ menjelaskan bahawa akhlak bermakna perwatakan, tabiat, maruah dan agama.¹²⁴

Istilah akhlak berasal daripada bahasa Arab yang diambil daripada perkataan “*Khuluq*” yang boleh didefinisikan sebagai perangai atau tingkah laku, tabiat, kepercayaan, pegangan atau agama. Akhlak merupakan perangai, tabiat, maruah dan agama yang mempamerkan gambaran atau rupa batin seseorang.¹²⁵ Akhlak juga merupakan tingkah laku manusia yang ada sejak kelahiran seseorang.¹²⁶

Menurut al-Mawdūiy, akhlak ialah sebarang tingkah laku baik yang telah menjadi adat kebiasaan sesuatu masyarakat¹²⁷ Ia juga diberi pengertian sebagai perangai atau tabiat kerana ia dimiliki oleh individu sejak kecil lagi. Ia sebagai satu gambaran daripada keadaan dalam diri yang telah sebat, yang daripadanya lahir tingkah laku yang mudah dicerna tanpa memerlukan pengulangan.¹²⁸ Akhlak ialah suatu sifat yang berkait rapat dengan sifat maknawiyyah dalam diri, tetapi menjurus kepada tingkah laku.¹²⁹

Martabat manusia terletak pada ketinggian akhlaknya,¹³⁰ Menurut al-Tabarī, akhlak yang mulia ialah adab yang tinggi. Ibn Abbās pula menyatakan akhlak itu adalah di atas deen yang agung iaitu Islam.¹³¹ Muḥammad Sayyid Tanṭawī dalam kitabnya, *al-Aqīdah wa al-Akhlaq* berpendapat bahawa akhlak Islam merupakan bukti perutusan

¹²⁴ Abdul Ghani Shamsuddin dan Norhashimi Saad, “Pembangunan Akhlak Ummah : Ke Arah Perspektif Islam” (Kertas Kerja, Seminar Kebangsaan Pembinaan Akhlak dari Perspektif Islam, Kompleks Haji Kelana Jaya, 21 September 1996), 2.

¹²⁵ Asmawati Suhid, Akhlak Islam dalam *Pendidikan Moral. Teori dan Amalan Moral*, ed. Abd. Rahman Md Aroff (Serdang : Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2004), 48.

¹²⁶ Zakaria Stapa, *Islam dan Cabaran ke Arah Kecemerlangan Ummah* (Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM), 1999), 95.

¹²⁷ Mustafa Daud, *Beberapa Aspek Pemikiran al-Maududi*, 25.

¹²⁸ Ghazali Darussalam, *Dinamika Ilmu Akhlak Islamiyah*, (Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 1997), 18.

¹²⁹ Haron Din & Sobri Salamon, *Masalah Pendidikan Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur : Hizbi Sdn. Bhd, 1980), 45.

¹³⁰ Tajul Arifin Nordin dan Nor Aini Daud, *Pendidikan dan Pembangunan Manusia* (Bangi : Al Syabab Media, 2002), 4.

¹³¹ Saïd ‘Abd al-‘Azîm, *Khuluq al-Muslim* (Iskandariyah : Dâr al-Imân, 2004), 6.

Nabi Muhammad SAW adalah untuk memperbaiki akhlak.¹³² Akhlak memberi maksud keperibadian, sahsiah, tingkah laku yang telah menjadi adat kebiasaan.¹³³

Menurut al-Kindi, seperti yang terdapat dalam kitabnya, tidak ada dalam genggaman kami hari ini satu kitab yang *Jāmi'*(lengkap) perbahasan tentang akhlak, sebaliknya beliau hanya mengungkap pendapat ahli falsafah Yunani iaitu Plato dan Aristotle yang mengatakan bahawa akhlak itu ialah permata daripada permata-permata Allah, ia adalah cahaya daripada cahaya-cahayaNya.¹³⁴

Ibn Tufail, yang merupakan ahli falsafah Islam menyatakan bahawa akhlak mulia adalah salah satu matlamat daripada matlamat untuk mendapat kebaikan.¹³⁵ Akhlak ialah sifat yang menjadi kebiasaan dalam kehidupan seseorang, secara fitrah sama ada seseorang itu melazimi untuk melakukan kebaikan atau keburukan.¹³⁶ Sesebuah masyarakat tidak akan maju sekiranya tidak memiliki akhlak yang terpuji.¹³⁷

Aḥmad Amin dalam *Kitāb al-Akhlaq* menyatakan akhlak yang baik merupakan petunjuk jalan yang benar kepada kehidupan manusia.¹³⁸ Antara tujuannya ialah untuk memperolehi kebahagiaan hidup di dunia dengan menjadi kehidupan di akhirat adalah yang terbaik dan berkekalan.¹³⁹ Di antara sifat-sifat orang yang beragama itu baik akhlaknya, dan makna akhlak dari segi bahasa ialah fitrah, khalifah semulajadi.

Terdapat banyak manfaat yang diperolehi dengan akhlak yang mulia, seperti umat yang berakhhlak mulia dapat mengelakkan berlaku hilang ketamadunan dan

¹³²Muhammad Sayyid Ṭanṭawī, *al-Aqīdah wa al-Akhlaq* (Kaherah : Huqūq al-Ṭibaq Mahfuzah, 1998), 239.

¹³³Al-Husaynī Muḥammad Abū Farhah, *Akhlaq Islāmiyyah Min al-Qur'ān wa al-Sunnah* (Kaherah : Maktabah al-Muslim al-‘Asriyyah, 1995), 75.

¹³⁴Abū Bakr Zikr, *Tārīkh al-Nazariyyat al-Akhlaqiyah wa Taṭbiqatiha al-‘Amaliyyah* (Beirut : Dār al-Fikr al-Arabi, 1965), 24.

¹³⁵Abdul Halim El-Muhammady, *Dinamika Dakwah* (Petaling Jaya : Budaya Ilmu Sdn. Bhd, 1992), 35.

¹³⁶Abd al-Rahmān Ḥasan Habannakah al-Maydānī, *al-Akhlaq al-Islāmiyyah wa Ususuhā*, (Dimasq : Dār al-Qalam, 1996), 1: 10.

¹³⁷Aḥmad Mohd Salleh, *Kurikulum, Metodologi dan Pedagogi Pengajian Islam : KPLI Pengajian Islam & j-QAF* (Shah Alam : Oxford Fajar Sdn. Bhd, 2001), 372.

¹³⁸Aḥmad Amin, *Kitāb al-Akhlaq* (Beirut : Dār al-Kitāb al-Arabi, 1969), 12.

¹³⁹Abū Bakr Zikr dan ‘Abd al-Azīz Aḥmad, *Mabāhith wa al-Nazariyyah fī ilmi al-Akhlaq* (Beirut : Dār al-Fikr al-Arabi, t.t), 34.

kemegahan sesuatu bangsa. Allah memuji Nabi Muhammad SAW dengan firmanNya dalam surah al-Qalam : ayat 4 dan surah Ali ‘Imraan : ayat 159 :¹⁴⁰

□ وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ □

Al-Qalam 68 : 4

Terjemahan : Dan bahawa sesungguhnya Engkau mempunyai akhlak yang amat mulia.

وَلَوْ كُنْتَ فَطَّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَا نَفَضُّوا مِنْ حَوْلِكَ. □

Ali 'Imraan 3 : 159

Terjemahan : Dan kalaualah Engkau bersikap kasar lagi keras hati,
tentulah mereka lari dari kelilingmu.

2.1.3 Kedudukan Akhlak Dalam Islam.

Islam adalah agama yang memberi penumpuan yang penting kepada pembentukan akhlak di kalangan umat manusia. Akhlak membina diri seseorang manusia menjadi seorang yang tunduk kepada kebenaran Ilahi, memiliki sifat yang suci dari segi sifat dalaman peribadi dan personaliti luaran dan sekali gus meminati cara pergaulan dan perhubungan sesama manusia dengan penuh tolak ansur.¹⁴¹ Kepentingan menyebarluaskan ucapan salam misalnya, jelas dilihat pada hadith yang terdapat dalam Sunan Ibn Majah.

¹⁴⁰ Ali Fadl Allah, *Al-Akhlaq al-Islamiyyah* (Beirut : Dār Maktabah al-Hayāh, t.t), 9.

¹⁴¹Nik Mustapha Haji Nik Hassan, *Islam dan Akhlak* (Kuala Lumpur : Institut Kefahaman Islam Malaysia, 1993), 24.

Terjemahan : Daripada Muḥammad bin Ziyād, Daripada Abī Umāmah berkata, Nabi kami (Muhammad SAW) menyuruh kami untuk saling menyebarkan ucapan salam.¹⁴²

Antara lain, Islam juga memberikan panduan kepada kita bagaimanakah cara bagi seseorang untuk merasai nikmat kemanisan berada dalam Islam, seperti yang diterangkan oleh Imam al-Nasa'ie dalam Sunan al-Nasa'ie :

ن ه ن ن ه ن ه ظ ن ه ن ن ن د : ن ن ه ن ه ه ل ل ه
ه ن ن ه ن ه ظ ن ه ن ه ن ه ن ه ظ ن ه ن ه ه ل ل ه
ه ظ ن ه ن ه ظ ن ه ن ه ن ه ن ه ظ ن ه ن ه ه ل ل ه
ه ظ ن ه ن ه ظ ن ه ن ه ن ه ن ه ظ ن ه ن ه ه ل ل ه
□ □

Terjemahan : Daripada Anas r.a, Daripada Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud : Tiga perkara sesiapa yang ada padanya akan dapat merasai kemanisan Islam, iaitu menjadikan Allah dan Rasulullah SAW lebih dicintainya selain daripada kedua-duanya, tidak mengasihi seseorang melainkan cintakannya kerana Allah SWT semata-mata, merasai benci untuk kembali kepada kufur seperti mana merasa benci dirinya dicampakkan ke dalam api neraka'.¹⁴³

Islam adalah agama yang aman, sesuatu suruhan Allah yang diperintah di dalam ajaran Islam adalah untuk keharmonian dan keamanan sejagat. Akhlak atau adab Islam ialah tindakan seseorang sama ada betul atau salah, baik atau buruk yang di nilai di sisi

¹⁴²Hadith riwayat Ibn Majah, Kitāb al-Adāb, Bab Ifsyā al-Salām, no. hadith 3694. Lihat Abū Abdullah Muḥammad, *Sunan Ibn Majah*, ed. Ṣāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz al-Shaykh (Riyadh : Dār al-Salām, 1999), 529.

¹⁴³Hadith riwayat Al-Nasaie, Kitāb al-Imān wa Syarā’ihu, Bab Halāwah al-Imān , no. hadith 4992. Lihat Abū Abdullah ‘Abd al-Rahmān Aḥmad, *Sunan al-Nasaie*, ed. Ṣāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz al-Shaykh (Riyadh : Dār al-Salām, 1999), 684.

syarak.¹⁴⁴ Akhlak dalam Islam dapat difahami sebagai suatu gambaran tentang asas dan kaedah yang tersusun berkaitan tingkah laku manusia yang dihadkan oleh wahyu untuk mengatur hidup manusia bagi merealisasikan matlamat kewujudan manusia sebagai sebaik-baik ciptaan Allah di muka bumi.¹⁴⁵

Mengajak manusia kepada akhlak mulia maknanya mengajak manusia kepada Islam. Ini kerana terdapat banyak dalil-dalil di dalam al-Qur'an dan al-hadith yang menerangkan tentang kemuliaan akhlak. Abū Dawūd menjelaskan bahawa terdapat hadith yang membincarakan tentang kelebihan berakhlak mulia.

ن ه ظ ظ ع ظ ه ن ه ظ ه ن ه ظ ن ظ ه ن ه ظ ه ن ه ظ ن ه ظ ه ه ظ ه ه .

Terjemahan : Daripada Abū al-Darda' r.a, daripada Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud : ‘Tiada yang lebih berat timbangan (pada hari Akhirat), melebihi akhlak yang baik’.¹⁴⁶

Menurut Dr Muṣṭafa Dib Bugho, akhlak ialah sifat fitrah semulajadi yang mempengaruhi tingkah laku seseorang untuk berakhlak baik atau buruk. Akhlak juga ada yang *mahmudah* dan *mazmumah*. Islam sentiasa mengajar kepada akhlak yang baik dan melarang daripada berakhlak buruk.¹⁴⁷ Akhlak merupakan hasil buah daripada pohon Islam dan bumi iman.¹⁴⁸

¹⁴⁴Mohammad Muslehuddin, *Morality its concept and Role Islamic Order* (New Delhi : Markazi Maktabah Islami Publishers, 2003), 1.

¹⁴⁵ Abdullah Muhammed Zayn, *Al-Akhlaq al-Islamiyyah wa Atharuhā fī Binā' al-Mujtama* (Kuala Lumpur : Pustaka Antara, 1992), 10.

¹⁴⁶Hadith riwayat Abū Dawūd, Kitāb al-Adāb’, Bab fī Husni al-Khuluq, no. hadith 4799. Lihat Sulaymān bin al-Asy’ath bin Ishāq, *Sunan Abī Dawūd*, ed. Sālih bin ‘Abd al-‘Aziz al-Shaykh (Riyadh : Dār al-Salām, 1999), 679.

¹⁴⁷ Muṣṭafā Dīb Bugho, *Niẓām al-Islām fī al-Aqīdah, wa al-Akhlāq wa al-Tasyrī* (Dimasq : Dār al-Fikr, 1997), 153.

¹⁴⁸ Mahmūd Hamdī Zaqqūq, *Muqaddimah fī 'Ilm al-Akhlāq* (Kaherah : Dār al-Fikr al-Arabi, 1993), 17.

Dalam melaksanakan ibadah dan muamalah, seseorang Muslim itu hendaklah melakukannya dengan berakhhlak dan beradab. Selain menunaikan tanggungjawabnya terhadap Allah SWT, dia juga hendaklah memelihara hubungan dengan orang lain.¹⁴⁹ Kedudukan akhlak dalam Islam amat jelas. Terdapat banyak ayat al-Quran dan hadis Rasulullah SAW yang menunjukkan bahawa peranan akhlak dalam Islam tidak boleh dipisahkan daripada kandungan agama itu sendiri.¹⁵⁰

Akhhlak Rasulullah SAW telah dibentuk secara langsung oleh Allah menerusi wahyu. Ketinggian akhlak Rasulullah SAW dapat dilihat dalam empat kejadian berikut, seperti kisah Arab Badwi mengencingi masjid, kisah Arab Badwi memarahi Rasulullah SAW, kisah Rasulullah SAW memaafkan Abu Sufyan, dan kisah Rasulullah SAW memaafkan Fuḍholah yang hendak membunuhnya.¹⁵¹

Al-Hāfiẓ Ibn Ḥajar al-Asqalāny dalam kitabnya *Fath al-Bārī Sharh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* menjelaskan kepada kita gambaran sebenar ketinggian akhlak terpuji Rasulullah SAW.

ن ه ن ه ه ل ك ن ن د : ه ه ه ن ه ك ل ه ن ه ه ه ه ن ه م ه ن ك خ
 ن ن د : ن ه ن ه ع ه ه ل ظ ك ن ظ ن ن ه ه ن ن ه ه ن ه م ه ن ك ف ك ن
 ك ف ك ن ك ك ه ن ك ك ه ل ك ك ن ك خ ه ن ه ه ه ه ن ه ه ه ه .

Terjemahan : Daripada Masruq berkata, ketika kami duduk bersembang-sembang bersama Abdullah bin ‘Amru, beliau berkata: “Nabi Muhammad SAW sekali-kali bukanlah orang yang buruk akhlaknya dan bukan juga orang yang melakukan keburukan, sebaliknya beliau berkata sebaik-baik di kalangan kamu ialah orang yang terbaik akhlaknya”.¹⁵²

¹⁴⁹ Al-Hafiz Ibn Abī Dunya, *Makārim al-Akhlāq* (Kaherah : Maktabah al-Quran, 2004), 36.

¹⁵⁰ Muḥammad Abū Zuhrāh, *al-Islām wa Makārim al-Akhlāq* (Beirut : Dār al-Khaṭib al-Arabi, 1992), 8.

¹⁵¹ Abu Qamar Salahudin, *40 Akhlak yang Mengubah Dunia* (Kuala Lumpur : Darul Numan, 2000), 1-5.

¹⁵² Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Adāb’, Bab Husni al-Khuluq, no. hadith 6035. Lihat Abū Fadl Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī Sharh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, ed. ‘Abd al-‘Azīz bin ‘Abdullah bin Bāz (Beirut : Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, 1989), 10 : 559.

Pembentukan sahsiah Muslim di kalangan cendiakawan pendidikan Islam ialah suatu sistem yang menyeluruh daripada ciri dan aspek yang terdapat pada individu seperti aspek semulajadi yang meliputi aspek jasad, aqal, berkomunikasi kemasyarakatan dan sebagainya.¹⁵³Tujuan utama kita mempelajari akhlak adalah kerana ingin mencontohi akhlak Rasulullah SAW yang diutuskan Allah sebagai Rasul.¹⁵⁴

Sayyid Abū al'A'laā al-Mawdūdī dalam bukunya, *Ethical Veiwpoint of Islam* ketika membincangkan persoalan akhlak manusia, Islam mentakrifkan akhlak adalah peraturan dan sistem yang memandu kehidupan manusia dalam semua aspek kehidupan dan menyeluruh termasuk perhubungan antarabangsa masyarakat manusia sejagat.¹⁵⁵

Agama Islam amat berkait rapat dan menekankan soal akhlak. Istilah akhlak juga diberi maksud agama kerana ia merupakan sebahagian daripada agama Islam itu sendiri. Lanjutan daripada definisi ini juga memperlihatkan perkaitan yang sebatik antara agama dan akhlak kerana akhlak dalam Islam ialah nilai keagamaan dan nilai kudus yang perlu dipelihara. Ini dapat diperhatikan hadith dalam Kitāb al-Minhāj Sharh Ṣaḥīḥ Muslim¹⁵⁶

ن ه ظ ن ن ه ن ه ن ن م : ن ل غ ه ه ل ظ ن ظ
ن ن ه ه ن ن ظ ه ه ؛

Terjemahan : Daripada Abī al-Tayyah, daripada Anas bin Malik berkata, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud : ‘Sebaik-baik manusia ialah orang yang terbaik akhlaknya’.¹⁵⁷

¹⁵³Yahya Hashim Hasan Farghul, *Ma'ālim Syahsiyyah al-Muslim* (Beirut : Maktabah al-'Asriyyah, t.t), 7.

¹⁵⁴Amru Khalid, *The Power of Akhlak*, terj. H. Muhammad Zuhirsyan (Puchong : Jasmin Publications, 2009), 1.

¹⁵⁵Nik Mustapha Nik Hassan dan Syed Omar Syed Agil, *Pembangunan Ummah ke Arah Wawasan 2020* (Kuala Lumpur : Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 1994), iii.

¹⁵⁶Sayyid Abul A'laa al-Mawdudi, *Ethical View Point of Islam* (New Delhi : Markazi Maktabah Islami Publishers, 2009), 11.

¹⁵⁷Hadith riwayat Muslim, Kitāb al-Faḍḥa' il, Bab Kāna Rasulullah ᷣallahu 'alayhi wassalam ahsanu al-nas khuluqan, no. hadith 2310. Lihat Al-Nawawī, Abū Zakariyyā Muḥyī al-Dīn, *al- Minhāj Sharh al-Jāmi'* al-Ṣaḥīḥ. ed. Muṣṭafa Dib Bugho (Dimasq : Dār al-'Ulūm al-Insāniyyah, 1997), 5 : 2328.

Menurut Dr Miqdād Yaljan, masyarakat di mana-mana sahaja di dunia ini dan bila-bila masa juga sentiasa menerima dan menyanjung tinggi akhlak yang baik dan sebaliknya menolak dan membenci akhlak yang buruk dan keji.¹⁵⁸ Untuk memahami dengan lebih jelas konsep akhlak Islam, empat aspek yang digariskan oleh al-Quran dan hadith hendaklah difahami dengan baik iaitu Iman, Islam, Takwa dan Ihsan.

Al-Quran telah menjelaskan nilai seseorang manusia (*qīmah al-insān*) tinggi, di mana manusia dimuliakan oleh Allah SWT lebih dari makhluk-makhluk yang lain. Al-Quran juga telah menggariskan perkara yang wajar dibuat dan ditinggalkan oleh manusia.¹⁵⁹ Muslim yang sejati ialah mereka yang memiliki akhlak baik.¹⁶⁰ Dengan peribadi al-Quran mereka dapat mengembalikan nilai kemanusiaan dan mengisi kekosongan jiwa.¹⁶¹

2.1.4 Definisi Pembangunan Akhlak.

Definisi Pembangunan.

Menurut Shaykh Muḥammad Abduh, pembangunan (*al-Tanmiyah*) bermaksud penyuburan dan pemurnian diri insan. Terdapat beberapa istilah yang berkaitan dengan *al-tanmiyah* dalam al-Quran seperti *al-Tazkiyah* (penyuburan), seperti tersebut dalam surah al-Syam : ayat 9, Pembinaan (*Bina'*) seperti tersebut dalam surah al-Şaf : ayat 4. Dalam hubungan ini, sasaran utama pembangunan adalah manusia itu sendiri.¹⁶²

Secara rasminya *pembangunan* dicipta dari perkataan-perkataan *bangun* dan *membangun*, yang bererti membangkitkan seseorang atau sesuatu dari tidur, membina,

¹⁵⁸ Miqdād Yaljan, *Rehlah al-duktur Miqdād Yaljan* (Riyadh : Dār ‘Alam al-Kutub, 1996), 20.

¹⁵⁹ Mohd Fauzi Hamat et al., Pemikiran Islam dan Cabaran Semasa, dalam *Berfalsafah Islam Suatu Kewajipan*, ed. Mohd Fakhrudin Abdul Mukti (Kuala Lumpur : Jabatan Akidah & Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004), 79.

¹⁶⁰ Khalid bin Uthman al-Sabt, *Al-Amar bi al-Ma’aruf wa al-Nahi ‘an Mungkar : Uṣuluhu wa qhowābituhu wa adābuhi* (London : Kitāb al-Muntadi al-Islāmī, 1995), 80.

¹⁶¹ Mahmud Mohamad Babeli, *Persaudaraan Islam dan Pembangunan Sosial*, terj. Abdul Karim Mustafa (Kuala Lumpur : YADIM, 2002), 143.

¹⁶² Shaik Abdullah bin Hassan Mydin Abdullah & Dr Issham bin Ismail, *Konsep Pembangunan Modal Insan Berkiblatkan Ajaran Islam*, (Kertas Kerja, Seminar Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universti Malaya, 2006), 172.

membuat, mendirikan ; membuat supaya maju dan berkembang ; dan membuat supaya wujud, timbul atau datang sesuatu perasaan.¹⁶³ Dalam Bahasa Arab moden, istilah yang memberi makna “pembangunan” adalah *tanmiyah* yang bermaksud pertumbuhan atau pembesaran ; dan *taqaddum* bermaksud maju ke hadapan, iaitu kemajuan¹⁶⁴

Firman Allah SWT dalam surah al-Ra'd : ayat 11.

لَهُ مُعَقِّبَتُ مِنْ بَيْنِ يَدِيهِ وَمِنْ خَلْفِهِ تَحْفَظُونَهُ وَمِنْ
أَمْرِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا
بِأَنفُسِهِمْ وَإِذَا أَرَادَ اللَّهُ بِقَوْمٍ سُوءًا فَلَا مَرَدَ لَهُ وَمَا
لَهُمْ مِنْ دُونِهِ مِنْ وَالٰ 

Al-Ra'd 13 : 11

Terjemahan : Bagi setiap seorang ada malaikat penjaganya silih berganti dari hadapannya dan dari belakangnya, yang mengawas dan menjaganya (dari sesuatu bahaya) dengan perintah Allah. Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri. dan apabila Allah menghendaki untuk menimpakan kepada sesuatu kaum bala bencana (disebabkan kesalahan mereka sendiri), maka tiada sesiapapun yang dapat menolak atau menahan apa yang ditetapkanNya itu, dan tidak ada sesiapapun yang dapat menolong dan melindungi mereka selain daripadanya.

¹⁶³Kamus Dewan (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986) s.v bangun.

¹⁶⁴Wan Mohd Nor Wan Daud, *Pembangunan di Malaysia : Ke Arah Satu Kefahaman Baru Yang Lebih Sempurna* (Kuala Lumpur : Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2005), 12.

Pembangunan ialah satu proses untuk menyusun sesebuah masyarakat atau negara ke arah memajukan dan meningkatkan kualiti hidup manusia.¹⁶⁵ Ia merujuk kepada perubahan ilmu sehingga ia menjadi budaya.¹⁶⁶ Pembangunan juga merujuk kepada perubahan daripada suatu keadaan kepada keadaan yang lebih baik.¹⁶⁷ Pembangunan dalam Islam adalah keupayaan bersama untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat¹⁶⁸

Pembangunan menurut perspektif Islam adalah pembangunan yang menjadikan nilai-nilai akhlak sebagai dasar yang memimpin setiap kegiatan ekonomi, politik dan sosiobudaya atau penerapan dan pelaksanaan tuntutan Allah dalam semua aktiviti pembangunan termasuk pembangunan manusia.¹⁶⁹ Ia juga merupakan perkara utama yang diberikan penekanan oleh Muhammad SAW.¹⁷⁰ Dr Miqdād Yaljan dalam bukunya, *Duwr al-Tarbiyyah al-Akhlaqiyah al-Islamiyyah fī Binā' al-Fard wa al-Mujtama' wa al-Hadhāroh al-Insāniyyah* menyatakan, kefahaman tentang pembangunan akhlak adalah suatu skop pemahaman yang luas, yang merangkumi keagamaan dari dulu.¹⁷¹

Antara objektif utama Rasulullah SAW diutuskan atas muka bumi ini adalah memperlihatkan keperibadian unggul dalam tingkah laku.¹⁷² Nilai akhlak dianggap sebagai kawalan sosial bagi umat Islam dalam memelihara tindak-tanduk individu

¹⁶⁵Nik Mustapha Hj Nik Hassan, *Pembangunan Bersepadu : Suatu Pendekatan Menyeluruh*, dalam Muhammad Hisham Mohamad, *Pembangunan dari Perspektif Islam* (Kuala Lumpur : Insititut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 2007), 7.

¹⁶⁶Muhammad Al-Buraey, *Pembangunan Pentadbiran menurut Perspektif Islam*, terj. Abdullah Md Noor (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992), xxiv.

¹⁶⁷Md Zaki Abd Manan, *Pembangunan Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 1999), 1.

¹⁶⁸Mohd Rumaizuddin Ghazali, *Pembangunan Islam di Malaysia : era Mahathir* (Nilai : Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia, 2011), 34.

¹⁶⁹Mohd Nasir Omar, *Falsafah Akhlak* (Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2010), 158.

¹⁷⁰Mohd Roslan Mohd Nor dan Ahmad Zaki Berahim @ Ibrahim, *Pembangunan Modal Insan & Tamadun Dari Perspektif Islam*, dalam *Pembangunan Modal Insan : Satu Analisis dari Sirah Nabi*, ed, Norhayati Haji Hamzah (Kuala Lumpur : Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2010), 118.

¹⁷¹Miqdād Yaljan, *Durr al-Tarbiyyah al-Akhlaqiyah al-Islamiyyah fī Binā' al-Fard wa al-Mujtama' wa al-Hadhāroh al-Insāniyyah* (Beirüt : Dār al-Syurūq, 1983), 12.

¹⁷²Mohd Roslan Mohd Nor dan Ahmad Zaki Berahim @ Ibrahim (2010), *Pembangunan Modal Insan & Tamadun Dari Perspektif Islam*, dalam *Melestari Pembangunan Manusia ke Arah Penjanaan Modal Insan : Satu Tinjauan Umum Menurut Perspektif Islam* ed. Shuhairimi Abdullah et al.,(Kuala Lumpur : Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2010), 78-79.

melakukan sesuatu perkara yang bertentangan dengan kehendak agama.¹⁷³ Akhlak Islam adalah seperti di dalam al-Qur'an dan seperti yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW.¹⁷⁴

Kesimpulannya, pembangunan akhlak membabitkan usaha-usaha atau kegiatan untuk memajukan, mempertingkatkan, membangunkan atau mengembangkan sikap dan kelakuan melalui proses peralihan untuk menuju ke arah norma amalan yang mencapai kebaikan di dunia dan di akhirat.¹⁷⁵ Pembangunan akhlak dalam Islam sangat penting berasaskan kepada asas-asas akhlak dalam Islam iaitu atas keimanan kepada Allah.¹⁷⁶

2.1.5 Kepentingan Pembangunan Akhlak

Tujuan syariat Islam secara khusus ingin mencipta dan membentuk "insan soleh" yang hidup dalam masyarakat yang baik.¹⁷⁷ Setiap Muslim harus berakhlek mulia, bergaul sesama mereka dengan pergaulan dan adab baik.¹⁷⁸ Peribadi Rasulullah SAW itu telah diumpamakan sebagai akhlak al-Quran oleh Aisyah r.a.¹⁷⁹ Rasulullah SAW menekankan bahawa generasinya, sahabat dan tabiin adalah generasi terbaik di kalangan umatnya.¹⁸⁰

Menurut Dr Wahbah al-Zuhaylī, di antara tujuan pembangunan akhlak ialah untuk mengubah diri dan menghiasinya dengan kekuatan ruhiyyah, keagamaan dengan mengetahui kepentingan memiliki akhlak dan keperibadian yang mulia. Untuk memiliki

¹⁷³Wan Mohd Nor Wan Daud, *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib Al-Attas* (Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, 2005), 183.

¹⁷⁴Muhammad Yūsuf Mūsa, *al-Akhlaq fī Islām* (Beirut : Al-'Asr al-Ḥadīth, 1991), 24.

¹⁷⁵Norhapizah Binti Mohd Borhan, "Pembangunan Akhlak Pelajar Islam di Triang, Pahang", disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2006), 6.

¹⁷⁶Abd al-Razzāq Abū al-Baṣal et al, *Al-Akhlaq fī al Islām* (Ummān : Dār al-Manāhij, 2001), 27-36.

¹⁷⁷Nor Raudah Hj Siren et al, *Dakwah Islam Semasa : Konsep dan Pelaksanaan*, dalam *Pemikiran Akhlak dan Etika Ibn Taimyyah*, ed. Mohamad Kamil Hj Ab. Majid (Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, 2006), 53.

¹⁷⁸Abdul Ghafir Ahmad Isa, *Motivasi Remaja Cemerlang Membina Generasi Berakhlek* (Kuala Lumpur : Al-Hidayah Publishers, 1998), 3.

¹⁷⁹Sidek Baba, *Pendidikan Rabbani Mengenal Allah Melalui Ilmu Dunia* (Shah Alam : Karya Bestari. Sdn.Bhd, 2006), 23.

¹⁸⁰Abū al-Shaykh, Muhammad Abdullah bin Muhammad, *Akhlaq al-Nabi SAW wa Adābuhu* (Kaherah : Dār al-Ḥadīth, 2006), 26.

akhlak yang mulia, kita perlu mengetahui apa yang disebutkan di dalam al-Quran dan al-hadith untuk mengelakkan berlaku taqlid buta.¹⁸¹

Tidak syak lagi, bahawa sesungguhnya pembangunan kendiri Muslim adalah sesuatu yang terus hidup subur dalam kehidupan yang baik. Pembangunan akhlak ini sewajarnya dijadikan agenda utama dalam urusan kehidupan seharian yang menjadi asas kepada pembinaan muamalah akhlak dengan diri sendiri, dengan Allah dan dengan manusia sejagat.¹⁸²

Dalam mengejar kemajuan, Islam mementingkan pembangunan akhlak dan dalaman manusia agar pembangunan fizikal dapat dipimpin oleh pembangunan rohani.¹⁸³ Di antara kepentingan akhlak dalam Islam ialah peribadi yang ada pada orang Muslim menunjukkan contoh yang baik, setiap orang tidak ada yang dikecualikan.¹⁸⁴

Menurut Ibn Taimiyah, penekanan terhadap pembentukan akhlak yang mulia adalah salah satu aspek terpenting dalam Islam sama ada dalam pembinaan individu.¹⁸⁵ Islam memberi penekanan khusus tentang pembangunan akhlak yang mampan.¹⁸⁶ Pembangunan seimbang dan bersepadu adalah hasil daripada kekuatan jiwa dan rohani serta kekuatan akal.¹⁸⁷ Kesempurnaan pendidikan Islam ini terbina di atas tunjang yang kukuh dan berupaya melahirkan akhlak mulia.¹⁸⁸

¹⁸¹Wahbah al-Zuhaylī, *Akhlāq al-Muslim* : ‘Alāqatuh bī al-Nafs wa al-kawn (Beirut : Dār al-Fikr, 2005), 13-14.

¹⁸²Abd al-‘Azīm Mansūr, *al-Akhlāq wa Fawāid al-Sulūk fī Islām* (Kuwait : Lajnah al-Ta’rif fī Islām, 1970), 3.

¹⁸³Ahmad Redzuwan Mohd Yunus, *Gejala Sosial Dalam Masyarakat Islam : Punca dan Penyelesaian*, (Kuala Lumpur : Utusan Publicatons & Distributors Sdn. Bhd, 2003), i.

¹⁸⁴Iqbal Ahmad Azami, *Muslim Manners : A Guide For Parents and Teachers of Muslim Children* (United Kingdom : UK Islamic Academy, 2004), 14-15.

¹⁸⁵Abdullah Badran dan Muḥammad Umar al-Haj, *Makārim al-Akhlāq lī Ibn Taimiyyah*, (Beirut : Maktabah al-‘Asriyyah, 2001), 5.

¹⁸⁶Abd al-Wahab al-Tazi Suud, *Al-Akhlāq al-Islāmiyyah* (Iskandariyyah : Mansyurāt al-Munazamah al-Islāmiyyah, 1988), 5.

¹⁸⁷Mohd Hairudin Amin dan Kamarul Amin, *Sekolah Agama : Penjana Generasi Berakhlik* (Skudai : Penebit Universiti Teknologi Malaysia, 2011), 140.

¹⁸⁸Hasnan Kasan, *Pendidikan Remaja Muslim* (Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM), 2008), 73-74.

Keluhuran akhlak merupakan suatu nilai yang penting dalam kehidupan manusia. Keluhuran akhlak juga adalah suatu nilai kebaikan yang dituntut dalam Islam.¹⁸⁹ Sebagai seorang Muslim, kita perlu berinteraksi dengan anggota masyarakat dengan seindah dan selebut bahasa. Itulah identiti Muslim yang sebenar. Ia menampilkan sopan santun, akhlak dan budi bahasa yang cukup tinggi nilainya.¹⁹⁰

2.1.6 Masalah Keruntuhan Akhlak di Kalangan Mahasiswa.

Umum telah mengetahui mahasiswa adalah mereka yang mengikuti pengajian formal di IPTA/S dari peringkat diploma hingga ke peringkat pasca sarjana.¹⁹¹ Mahasiswa adalah aset penting sesebuah negara.¹⁹² Mereka mempunyai peranan yang penting baik di sisi Islam mahupun demokrasi.¹⁹³ Mahasiswa juga harus mendekatkan diri dengan masyarakat, berusaha menyuburkan nilai keilmuan dalam masyarakat.¹⁹⁴

Mahasiswa adalah anak muda yang penuh dengan idealisme, semangat membara, romantik dan tergesa-gesa dalam usaha menegakkan apa yang diyakininya. Sebagai mahasiswa mereka ingin bebas daripada kongkongan Ibu bapa dan guru-guru.

¹⁸⁹Zulkiple Abd Ghani dan Mohd Syukri Yeoh Abdullah, *Dakwah dan Etika Politik di Malaysia dalam Keluhuran Akhlak dalam Politik*, ed. Zainab Ismail (Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2005), 110-111.

¹⁹⁰Zainudin Hashim, *Masyarakat Tonggak Kekuatan Ummah* (Kuala Lumpur : Pustaka Yasmien Sdn. Bhd, 2008), 40.

¹⁹¹Ghazali bin Basri, “Mahasiswa Pengajian Islam dan Cabaran Globalisasi” (Kertas Kerja, Konvensyen Mahasiswa Pengajian Islam Peringkat Nasional 2003, Akademi Pengajian Islam, Univertiti Malaya, 15 Ogos 2003), 1.

¹⁹²Abdullah @ Alwi Hj Hassan, “Peranan Mahasiswa Islam kepada Perubahan Sosialisasi Negara” (Kertas Kerja, Konvensyen Mahasiswa Pengajian Islam Peringkat Nasional 2003, Akademi Pengajian Islam, Univertiti Malaya, 15 Ogos 2003), 1.

¹⁹³Abdul Aziz Bari, “Mahasiswa Sebagai Jurubicara Ummah : Antara Tuntutan dan Kekangan Undang-Undang” (Kertas Kerja, Konvensyen Mahasiswa Negara & Debat Siswa, Dewan Anjung Rahmat Batu 6, Jalan Gombak, 16 Ogos 2003), 1.

¹⁹⁴Jaafar Rahim, “Peranan Mahasiswa Dalam Pembentukan Masa Depan & Hajatuju Pembangunan Negara, (Kertas Kerja, Konvensyen Mahasiswa Negara & Debat Siswa, Dewan Anjung Rahmat Batu 6, Jalan Gombak, 16 Ogos 2003), 5.

Status diri mahasiswa haruslah dibezakan dengan status diri pelajar sekolah. Mereka mahu menjadi orang dewasa yang ingin membuang imej pelajar sekolah.¹⁹⁵

Mahasiswa perlu benar-benar memahami dan menghayati serta mengamalkan nilai-nilai adab dan akhlak dalam kehidupan sehari-hari. Namun, adab dan akhlak yang perlu diikuti dan diamalkan itu seharusnya bersumberkan agama. Justeru dalam Islam, amalan dan penghayatan akhlak perlu disertai dengan iman yang kukuh agar lebih berkesan dan diterima oleh Allah SWT.¹⁹⁶

Ajaran Islam yang berasaskan wahyu Allah SWT menggalakkan perkembangan ilmu.¹⁹⁷ Mahasiswa adalah aset bernilai kepada negara.¹⁹⁸ Diakui bahawa mahasiswa hari ini lebih sedar dan komited pada keadaan masyarakat sekeliling dan memberi perhatian terhadap pembentukan akhlak mahasiswa. Ini adalah satu perkembangan yang positif.¹⁹⁹

Mahasiswa pada hari ini berhadapan dengan cabaran menghadapi penyelewengan agama dilakukan atas nama permodenan. Mereka dimomokkan dengan kemajuan moden yang melimpah semakin lalai dan leka dalam kemajuan. Permodenan memberi kesan kepada longgarnya akidah, tertinggalnya aspek-aspek syariat dan akhlak dalam kehidupan.

Seperti mana diketahui umum, kebiasaan golongan mahasiswa²⁰⁰ dan mahasiswi di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia terdiri daripada golongan remaja. Kegiatan mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi pada kebiasaan dianjurkan

¹⁹⁵Farid Jalpah, *Benarkah MPMUM Peneraju Perubahan : Anasolis Setahun Memimpin* (Petaling Jaya : Pro Inside, 2010), 2.

¹⁹⁶Sabri Mohamad Sharif, *Generasi Ulul Albab : Segunung Harapan Seteguh Gagasan* (Shah Alam, Karisma Publications Sdn. Bhd, 2009), 135.

¹⁹⁷Abdullah Muhammad Zin et al., *Pendidikan Islam di Malaysia Dari Pondok ke Universiti* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), xxi.

¹⁹⁸Baharudin Sayin, *Isu-Isu Pendidikan Islam di Malaysia* (Shah Alam : UPENA, 2010), 1.

¹⁹⁹Mohd Taib Osman, *Universiti dan Tradisi Kecemerlangan* (Kuala Lumpur : Penerbit Universti Malaya, 2004), 21.

²⁰⁰Mahasiswa ialah golongan yang berpendidikan tinggi, matang, bijak dalam membuat keputusan, tidak mudah dipengaruhi oleh anasir luar dan bakal pewaris kepimpinan negara pada masa hadapan. Lihat Sabri Mohamad Sharif, *Generasi Ulul Albab : Segunung Harapan Seteguh Gagasan* (Shah Alam, Karisma Publications Sdn. Bhd, 2009), 136.

oleh badan-badan pertubuhan pelajar. Selain daripada menjadi pusat penyebaran ilmu, universiti juga merupakan satu wadah bagi mahasiswa melahirkan ciri kepimpinan.²⁰¹

Dari sudut perbincangan ahli psikologi mengenai remaja, mereka tidak sepakat di dalam membatasi umur remaja. Di antara mereka berpandangan remaja adalah di atas umur 12 tahun dan di bawah umur 18 tahun serta belum berkahwin. Remaja adalah masa peralihan dari kanak-kanak menjelang dewasa yang berumur antara 15-20 tahun dan sebahagiannya boleh berlanjutan hingga umur 30 tahun dan bermula seawal umur 12 atau 13 tahun.²⁰²

Terdapat pelbagai pandangan mengenai usia dan tafsiran remaja. Ada yang berpandangan ia adalah kumpulan manusia berumur 13-21 tahun, 15-25 tahun dan 13-25 tahun. Ada juga yang mengukurnya mulai saat aqil baligh hingga mereka berkahwin. Ringkasnya, remaja dapat didefinisikan sebagai golongan anak muda yang berumur antara 13-27 tahun, mempunyai emosi ingin tahu serta ingin mencuba serta sedang menuju tahap kematangan yang dewasa.²⁰³

Justeru, apa yang dapat difahami, Pengkaji menyimpulkan bahawa mahasiswa atau mahasiswi adalah golongan anak remaja berumur antara 13-27 tahun, yang sedang menuntut ilmu di institusi pengajian tinggi. Walau bagaimanapun, umur mereka adalah tidak terhad kepada 27 tahun sahaja, malah ada yang melebihi usia 27 tahun ke atas.

Remaja merupakan harta (aset) dan khazanah negara yang paling istimewa, berharga dan bernilai.²⁰⁴ Oleh itu, tindakan yang dilakukan oleh mereka tidak sunyi daripada apa yang berlaku di sekeliling mereka. Dalam hal ini, suasana persekitaran

²⁰¹Ervina Alfan, “Perancangan Kewangan yang Berkesan Menjana Kegiatan yang Berkualiti” (Kertas Kerja, Seminar Merancang dan Mengawal Aktiviti Mahasiswa di IPT, Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya Kuala Lumpur, 5 Oktober 2002), 1.

²⁰²Ahmad Najib Abdullah, Isu-Isu Pengurusan Dan Pembangunan Masjid dalam *Peranan Masjid Dalam Pembangunan Remaja*, ed. Mohd Khairul Nizam Zainon Nazri et al.,(Nilam Puri : APIUM Nilam Puri, 2010), 155-156.

²⁰³Mustafa Kamil Ayub, *Menangani Cabaran Membina Kecemerlangan Tamadun Ummah* , 159- 160.

²⁰⁴Che Noraini Bt Hashim dan Syed Azman Syed Ahmad Nawawi, “Alternatif dan Pandangan Islam bagi Menangani Gejala Keruntuhan Akhlak di Kalangan Remaja Masa Kini” (Kertas Kerja, Seminar Kebangsaan Pembinaan Akhlak dari Perspektif Islam, Kompleks Haji Kelana Jaya, 21 September 1996), 1.

yang baik akan menghasilkan model peranan dalam masyarakat. Faktor pembentukan akhlak yang baik mesti dilingkungi oleh persekitaran yang baik.²⁰⁵

Menjurus kepada persoalan gaya hidup remaja, pembangunan insan hendaklah selaras dengan psikologi remaja pada peringkat usia sedemikian iaitu keinginan mencuba sesuatu untuk dijadikan pengalaman atau memenuhi perasaan ingin tahu. Dalam keadaan tertentu, remaja inginkan perhatian dengan sengaja menonjolkan diri disebabkan kekurangan yang ada pada diri.²⁰⁶

Sejarah telah memperlihatkan gejala-gejala sosial seperti penagihan dadah, menonton video lucah, minum minuman keras, perlakuan seks bebas, ponteng sekolah, melepak, bohsia, mencuri, terlibat dalam gangsterisme, kes rogol dan pelbagai macam masalah lagi menjadi bukti bahawa jiwa remaja perlu dirawat dan dipulih.²⁰⁷

Untuk menjadi remaja Islam yang cemerlang dan terbilang, pasti memerlukan ciri-ciri positif yang boleh dibanggakan. Ciri-ciri positif itu tidak akan menjelma dengan sendirinya tanpa pengetahuan, amalan dan pembelajaran yang harus dititikberatkan dari awal lagi. Setiap remaja harus memelihara imannya agar mereka tidak terjebak dengan kesesatan dan gejala-gejala yang tidak sihat.²⁰⁸

Dr Fathī Yākan dalam bukunya *Maza Ya’ni intima’i li al-Islām*, menjadikan para remaja di kalangan pemuda dan pemudi Islam sebagai sasaran dakwahnya. Beliau menyifatkan mereka adalah aset yang amat bernilai bagi menyambung tugas yang pernah disandang oleh para sahabat Rasulullah SAW yang majoriti terdiri daripada golongan remaja yang mempunyai tenaga dan kesungguhan melebihi golongan tua.²⁰⁹

²⁰⁵ Abdul Ghafar Don et al., *Dakwah dan Pengurusan Islam di Malaysia : Konsep dan Pelaksanaan* (Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000), 146.

²⁰⁶ Norrodzoh Hj Siren dan Yusmini Md Yusoff, Membangun Institusi Masjid, dalam *Peranan Masjid dalam Pembangunan Insan Remaja*, ed. Yusmini Md Yusoff (Petaling Jaya : Intel Multimedia and Publications, 2003), 105.

²⁰⁷ Abd al-Ghani Abd al-Salām Za’alayn, *Musykillāt al-Syabab* (Iskandariyyah : Dār al-Fikr al-Ja’mi’i, 2001), 65.

²⁰⁸ Amina Hj Noor, *Bimbingan Mengenal Diri untuk Remaja* (Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2008), 1.

²⁰⁹ Zainudin Hashim dan Riduan Mohamad Nor, *Tokoh-Tokoh Gerakan Islam Abad Moden* (Kuala Lumpur : Jundi Resources, 2009), 98.

Menurut Abdullah Naṣīḥ ‘Ulwan dalam kitabnya, *Tarbiyyah al-Aulād fī al-Islām*, menegaskan bahawa faktor kejayaan dalam mendidik anak-anak dalam Islam bermula dengan pemilihan isteri solehah yang memberikan contoh mithali kepada anak, perasaan mengasihi mereka, dan tanggungjawab memberikan pendidikan akhlak sejak kecil lagi.²¹⁰ Pendidikan sering dijadikan asas utama menentukan kekuatan sesuatu tamadun.²¹¹

Manhaj pendidikan Islam adalah lengkap dan sempurna. Ini kerana manhaj ini adalah manhaj yang datangnya daripada Allah bukannya seperti sistem pendidikan ciptaan manusia. Manhaj ini juga bersifat menyeluruh, tidak meminggirkan golongan kanak-kanak mahupun dewasa. Manhaj ini melengkapkan keperluan fitrah manusia.²¹² Masalah keruntuhan akhlak di kalangan pelajar yang dihasilkan oleh sistem pendidikan sekular jelas terbentang di hadapan kita.²¹³

Dr Muḥammad ‘Abd al-Alīm Mursy dalam kitabnya *al-Tarbiyyah wa al-Tanmiyyah fī al-Islām*, merasakan bahawa sistem pendidikan yang mantap memainkan peranan yang amat penting untuk menerapkan kesemua nilai murni ke dalam diri individu Muslim. Pembangunan yang ditekankan dalam Islam adalah pembangunan diri untuk berubudiah kepada Allah dengan membangunkan potensi yang sedia ada.²¹⁴

2.1.7 Keperluan Kepada Mahasiswa Berakhlak Mulia.

Manusia selalunya mudah tertarik dengan kehidupan yang bebas dan longgar. Mereka mudah membuat sesuatu dengan sesuka hati dan payah untuk mengikut peraturan. Sejarah memperlihatkan banyak tamadun runtuh lantaran perbuatan manusia

²¹⁰ Abdullah Naṣīḥ Ulwan, *Tarbiyyah al-Aulād fī al-Islām* (Kaherah : Dār al-Salām, 2002), 133.

²¹¹ Sidek Baba, “Globalisasi dan Kesannya Terhadap Islam di Nusantara” (Kertas Kerja, Seminar Perkembangan Islam Nusantara di Kuching, 21-23 September 2005), 5.

²¹² Muṣṭafa Kāmil, *Haza Huwa Manhāj al-Islām fī al Tarbiyyah* (Kaherah : Tuhfah Misr, 1993), 7.

²¹³ Abdul Halim el-Muhammady, *Pendidikan Islam : Falsafah, Disiplin dan Peranan Pendidik* (Petaling Jaya : ABIM, 1992), 121.

²¹⁴ Muḥammad ‘Abd Al-‘Alīm Mursy, *al-Tarbiyyah wa al-Tanmiyyah fī al-Islām* (Jeddah : Yanābi’ al-Thaqāfah, 1992), 64.

sendiri kerana mereka bertindak mengikut rasa dan tidak patuh kepada norma kemanusiaan dan peraturan yang wujud.²¹⁵

Berbagai-bagai gejala sosial yang terus melanda umat manusia, termasuk mahasiswa pada hari ini bukanlah sekadar manifestasi perubahan nilai hidup yang dipengaruhi oleh perubahan budaya hidup manusia yang berlandaskan kepada *liberalisme-humanisme-sekularisme-hedonisme* akan tetapi yang lebih parah daripada itu ialah terputus hubungan manusia dengan Allah SWT. Allah SWT yang membentuk manusia, mencorak akhlak dengan acuan rabbani menjadi beradab dan bertamadun.²¹⁶

Taqwa adalah pengukur akhlak yang paling tepat. Meninggalkan solat dan tidak mengasihi Ibu bapa adalah tanda kebejatan akhlak yang paling ketara²¹⁷

إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْنَعُكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَيْرٌ

Al-Hujurat 49 : 13

Terjemahan : Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha mendalam pengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu).

Perihal pentingnya akhlak dalam Islam sudah diketahui umum. Terlalu banyak ayat al-Quran dan hadith yang menyeru ke arah kemuliaan budi pekerti dan kesopanan serta melarang akhlak yang buruk.²¹⁸ Sebagai sumber utama kepada manusia, Al-Quran menerangkan tentang kepentingan berakhlak mulia seperti Nabi Muhammad SAW.²¹⁹

²¹⁵Ibrahim Mamat, *Etika untuk Mahasiswa* (Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd, 2000), i.

²¹⁶Abdul Rahman Rukaini, *Akhlaq : Membangun Jatidiri* (Kajang : Synergymate Sdn. Bhd, 2001), 1

²¹⁷Al-Adib Muḥammad Aḥmad ‘Abūd, *Bimbingan Akhlak Pelajar & Siswa Siswi*, terj. Abdullah Al-Qari Hj Salleh (Kuala Lumpur : al- Hidayah Publisher, 1997), 4.

²¹⁸Muhammad Abdullah Darraz, *Dustūr al-Akhlāq fī al-Qurān : Dirasah Muqāranah fī al-Akhlāq al-Nazariyyah fī al-Qur'an* (Kuwait : Dār al-Buhūth al-Ilmiyyah, 1973), 15.

²¹⁹Amyn B. Sajoo, *A Companion to Muslim Ethics* (London : The Institute of Ismaili Studies, 2010), 5.

Pendidikan akhlak semakin mendapat perhatian pelbagai pihak disebabkan meningkatnya gejala akhlak dan jenayah juvenil. Keadaan ini amat membimbangkam dan perlu ditangani secara serius dan berterusan. Selain pihak berwajib mengambil tindakan sewajarnya, pendidikan moral dan akhlak perlu dipertingkatkan terutamanya kepada golongan mahasiswa. Sekiranya hati dan nafsu tidak dititip dengan nilai-nilai *rabbani*, maka nilai-nilai mazmumah akan mudah mengambil alih.²²⁰

Pendidikan akhlak amat penting dalam kehidupan manusia dan pendidikan tersebut realitinya perlu bermula semenjak kecil lagi bawah asuhan keluarga. Peranan institusi kekeluargaan amat penting dalam pembentukan peribadi kanak-kanak sehingga remaja.²²¹ Hal ini menunjukkan bahawa akhlak adalah sesuatu yang sangat penting kepada semua lapisan masyarakat..²²²

Pendidikan akhlak merupakan asas atau jiwa Pendidikan Islam.²²³ Ini kerana akhlak berperanan besar dalam agama seseorang sehingga memberi kesan yang besar dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.²²⁴ Ia merupakan pelengkap kepada apa yang imani, dihayati, diamalkan dan seterusnya menjadi sebatи dalam diri dan jiwa tanpa ada pihak yang memaksanya.²²⁵

Dr Miqdād Yaljan dalam kitabnya *Ilm al-Akhlaq al-Islamiyyah* menyatakan tentang kepentingan akhlak dengan menganggap ilmu akhlak adalah di antara salah satu ilmu yang utama kerana kedudukan akhlak yang mulia. Ilmu akhlak ialah ilmu yang membicarakan tentang kebaikan dan keburukan, tingkah laku yang boleh memberikan

²²⁰ Sidek Baba, *Fitrahkan Kita Sebagai Hamba Ciptaan Ilahi* (Shah Alam : Karya Bestari Sdn. Bhd, 2010), 203.

²²¹ Hasan Langgulung, *Pendidikan Islam Menghadapi Abad ke 21* (Shah Alam : Hizbi Sdn Bhd, 1991), 31.

²²² Hasan Langgulung, *Beberapa Pemikiran tentang Pemikiran Islam* (Bandung : Bulan Bintang, 1980), 89.

²²³ Fathi Yakan, *Apa Ertinya Saya Menganut Islam* terj. Pustaka Salam (Kuala Lumpur : Pustaka Salam Sdn. Bhd, 2005), 54.

²²⁴ Mohd Hairudin Amin dan Kamarul Azmi Jasmi, *Sekolah Agama di Malaysia : Sejarah, Isu dan Cabaran* (Skudai : Universiti Teknologi Malaysia, 2012), 12.

²²⁵ Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri, *Pendidikan Islam : Kaedah Pengajaran & Pembelajaran* (Skudai : Universiti Teknologi Malaysia, 2007), 297.

manfaat atau mudharat serta yang baik dan buruk.²²⁶

Perbahasan mengenai ilmu akhlak suatu cabang ilmu yang membicarakan tentang kelebihan yang menghiasi diri dengan akhlak mulia, dan merupakan suatu kehinaan sekiranya kita meninggalkannya, seperti mana apabila kita menjelaskan makna kebaikan dan keburukan sesuatu perkara.²²⁷

Kesimpulannya, dalam menghadapi cabaran masalah gejala sosial di kalangan mahasiswa pada hari ini, perlu ada usaha pihak tertentu untuk membangunkan akhlak mereka dengan menjadikan Al-Quran sebagai rujukan utama dan Rasulullah SAW sebagai contoh teladan. Ia kerana mereka adalah bakal pewaris yang akan memegang tampuk pemerintahan negara.

2.2 PROGRAM DAKWAH DALAM ISLAM

2.2.1 Pengenalan.

Islam adalah cara hidup yang telah diatur dan disusun oleh Allah SWT dan Rasul-Nya. Semua peraturan hidup Islam itu berpandukan kitab suci al-Quran serta sunnah Nabi Muhammad SAW. Kitab suci al-Quran yang menjadi dasar panduan peraturan atau cara hidup umat Islam iaitu adalah wahyu Allah SWT, yang diturunkan dalam bahasa arab kepada utusanNya Muhammad SAW.²²⁸

Nilai manusia yang sebenarnya adalah terletak pada akhlaknya. Pencapaian-pencapaian yang pernah dicapai manusia dalam bidang ilmu akademik walaupun seberapa tingginya, akan gugur bila pemiliknya jatuh, musnah dan tidak bernilai langsung pada pandangan Allah.²²⁹ Di dalam melaksanakan suatu aktiviti, seorang Muslim hendaknya selalu memerhatikan nilai kesopanan. Ini berlaku, baik dengan

²²⁶Miqdād Yaljan, *Ilm al-Akhlaq al-Islāmiyyah* (Riyāḍh : Dār al-‘Alam al-Kutub, 1996), 7.

²²⁷Kamāl Muḥammad ‘Isa, *Kalimat fī al-Akhlaq al-Islāmiyyah* (Jeddah ; Dār al Mujtama’, 1993), 9.

²²⁸Johari Haji Alias, *Mencari Kesempurnaan Pekerti* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997), ix.

²²⁹Abdullah al-Qari Haji Salleh, *Bimbingan Akhlak Pelajar Siswa & Siswi* (Kuala Lumpur : Al-Hidayah Publisher, 1997), 4.

sesama umat manusia mahupun hubungan dengan Allah. Akhlak mulia hendaknya dijadikan dasar untuk setiap aktiviti baik lahir mahupun batin.²³⁰

Islam sangat menitik beratkan soal akhlak dalam semua aspek kehidupan Muslim. Begitu juga dalam penganjuran sesuatu program dakwah sangat ditekankan soal bagaimana menganjurkan sesuatu program dakwah yang dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT dan meningkatkan rasa kemuliaan (*izzah*) apabila program yang dianjurkan mengikut panduan yang telah digariskan dalam Islam.²³¹

2.2.2 Definisi Program Dakwah

Dalam Kamus Dewan, program ialah rancangan bagi menentukan dasar-dasar yang akan dijalankan dalam pembangunan negara, perekonomian dan lain-lain.²³² Manakala dakwah ialah kegiatan menyeru dan menyakinkan orang lain supaya menerima sesuatu kepercayaan.²³³ Maka, program dakwah ialah usaha yang dilakukan oleh seseorang individu atau berkumpulan dengan pendekatan yang tertentu untuk membawa manusia kepada keredaan Allah demi mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat.²³⁴

Program dakwah juga ialah satu seruan atau ajakan yang mengandungi mesej ataupun program yang ada pengisian Islam termasuklah berita gembira dan amaran yang menggerunkan supaya manusia beriman kepada Allah dan mengamalkan ajaran Islam. Hal ini selari dengan pendapat Dr ‘Abd Karīm Zaydān yang menyatakan program dakwah hendaklah dilaksana mengikut landasan yang ditetapkan Allah dengan

²³⁰Imam al-Ghazali, *Bimbingan Mencapai Insan Mukmin*, terj Muhammad Nuhaimi, (Batu Caves :Pustaka Ilmi, 1994), 2-3.

²³¹Marwan Ibrahim al-Kaysi, *Moral and Manners In Islam*, (Kuala Lumpur : Islamic Book Trust, 2000), 16.

²³²Kamus Dewan, ed. ke-4 (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 1233, entri “program”.

²³³Ibid, 305, entri “dakwah”.

²³⁴Rukiah Kamaruddin, “Keberkesanan program dakwah kepada kakitangan Perodua Sungai Choh, Rawang Selangor” (disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2005), 28.

menyeru manusia supaya beriman kepada-Nya, melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar.²³⁵

Program dakwah yang dilaksanakan di Malaysia adalah yang sesuai dengan tuntutan agama Islam iaitu menitik beratkan soal pembangunan umatnya sama ada dari aspek pembangunan mental, fizikal atau pembangunan kerohanian bagi memelihara kesucian Islam dan menjamin kesejahteraan umat Islam di dunia dan di akhirat.²³⁶ Program dakwah yang mengikuti acuan Islam berteraskan akidah adalah satu program yang unggul.²³⁷

2.2.3 Matlamat Program Dakwah

Pada hakikatnya, program dakwah mempunyai satu perkaitan dan hubungan dengan matlamat dakwah. Setiap program yang dilaksanakan mempunyai matlamat dakwahnya yang tersendiri. Mengenal pasti matlamat dakwah merupakan satu persoalan yang penting. Tanpa mengetahui matlamat dakwah yang jelas, setiap dakwah itu tidak akan dapat berjalan dengan baik dan akan merugikan.²³⁸

Untuk mengetahui matlamat dakwah, soalan pertama yang harus dipecahkan ialah untuk apa manusia dicipta di muka bumi ini? Matlamat kejadian manusia ialah untuk beribadat kepada Allah semata-mata. Begitu juga dengan matlamat program dakwah. Setiap orang Islam, khususnya pendakwah mesti mengetahui dengan sejelas-jelasnya ke manakah matlamat program dakwah yang hendak dituju dan peringkat-peringkatnya.²³⁹ Antaranya, ialah sesuatu program dakwah yang dilaksanakan adalah bermatlamat untuk mendapatkan keredhaan Allah dan mengharapkan syurgaNya.

²³⁵Mahmudah Hj Nawawi, “Keberkesanan program dakwah terhadap kakitangan Tenaga Nasional Berhad, Bangsar, Kuala Lumpur,” dalam *Dakwah Islam Semasa : Konsep dan Pelaksanaan*. ed. Nor Raudah Hj Siren, Yusmini Mohd Yusof dan Mahmudah Hj Nawawi (Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, 2006), 172.

²³⁶Ab.Aziz Mohd Zin et al., *Dakwah Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, 2006), 243.

²³⁷Mohamad Abu et al., *Panduan Insan Mukmin* (Batu Caves : Pustaka Ilmi, 1996), 21.

²³⁸Ab.Aziz Mohd Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah*, 29.

²³⁹*Ibid.*

Adapun, matlamat program dakwah di kalangan orang yang bukan Islam ialah menyelamat mereka daripada terus berada di dalam kegelapan kufur kepada cahaya iman. Matlamat dakwah di kalangan mereka pada peringkat permulaannya ialah memperkenalkan Islam kepada mereka untuk menarik mereka kepadanya.²⁴⁰ Selain itu, matlamat dakwah ini bermaksud untuk mempertingkatkan mutu kefahaman dan penghayatan Islam bagi orang Islam untuk melahirkan kekuatan kepada mereka, mendirikan sebuah negara yang diredhai, dan mendapat keredhaan Allah dan syurga-Nya.²⁴¹

2.2.4 Jenis Program Dakwah

Satu perkara yang menarik juga dalam perkembangan dakwah Islamiah ialah aspek aktiviti dakwahnya di mana pada peringkat permulaan tersebut para pendakwah tidak berusaha menghancurkan aspek zahir peradaban manusia yang menjadi sasaran dakwah mereka tetapi usaha mereka lebih tertumpu kepada penaklukan akal dan hati orang bukan Islam yang didakwahkan.²⁴²

Aktiviti dakwah di Malaysia telah wujud sejak dahulu lagi dan terus berkembang sehingga kini. Melalui proses perkembangan inilah aktiviti dakwah kini sering kali dilakukan di bawah organisasi-organisasi tertentu. Kewujudan organisasi dakwah seperti Jabatan Agama Islam Negeri, pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO) dan pembinaan masjid negeri memudahkan pelaksanaan dakwah dapat dijalankan dengan lebih teratur.²⁴³

Antara jenis program dakwah yang dijalankan dapat diklasifikasikan kepada beberapa bentuk iaitu aktiviti yang menyentuh tentang pembangunan akidah,

²⁴⁰Ibid. 35-36.

²⁴¹Ibid. 37.

²⁴²Mohamed Asin Dollah, “Ke Arah Memantapkan Gerakan Dakwah di Malaysia : Cabaran dan Penyelesaian” (Kertas Kerja, Seminar Pemikiran Islam Peringkat Kebangsaan 1, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 11 Januari 2003), 4.

²⁴³Ab.Aziz Mohd Zin et al., *Dakwah Islam di Malaysia*, 277.

pembangunan syariah, pembangunan akhlak, pembangunan ilmu, pembangunan sosial umat Islam, pembangunan jati diri dan sebagainya.²⁴⁴

Bagi remaja atau mereka yang bergelar mahasiswa merupakan barisan penting yang bakal mewarisi tanggungjawab membangun ummah Islam. Suatu rangka program khusus perlu dirancang agar mereka merasakan diri mereka adalah sebahagian daripada masyarakat Islam yang membantu pembangunan umum.²⁴⁵

2.4.5 Kepentingan Program Dakwah

Program dakwah yang dilaksanakan di Malaysia adalah yang sesuai dengan tuntutan agama Islam iaitu menitik beratkan soal pembangunan umatnya dan menjamin kesejahteraan di dunia dan di akhirat.²⁴⁶ Agama Islam mengatur dan menyediakan tatacara program dakwah dalam Islam supaya menjadi orang yang baik.²⁴⁷

Generasi muda adalah aset negara kerana mereka adalah pelapis kepada generasi kepimpinan negara hari ini. Generasi ini bertanggungjawab menentukan hala tuju negara pada masa hadapan. Antara langkah yang boleh diambil untuk melahirkan generasi muda unggul dan berakhhlak mulia melibatkan penerapan dan pengamalan ajaran agama, pengukuhan institusi keluarga, sistem pendidikan berkesan dan pembudayaan ilmu.²⁴⁸

Langkah-langkah bagi meningkatkan nilai Islam di institusi pendidikan negara sememangnya telah lama berlangsung. Institusi pendidikan negara merupakan pusat pendidikan formal bagi setiap mahasiswa. Mereka akan dibimbing dalam semua bidang

²⁴⁴Ibid., 246.

²⁴⁵Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi, "Peranan Kurikulum dan Reka bentuk Masjid sebagai pusat pembangunan masyarakat" (Skudai : Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 1999), 124.

²⁴⁶Ab.Aziz Mohd Zin et al., *Dakwah Islam di Malaysia*, 243.

²⁴⁷Abdul Galib Ahmad Isa, *Membina generasi berakhhlak* (Kuala Lumpur : al-Hidayah Publisher, 1998), 1.

²⁴⁸Aminuddin Ruskam al-Dawany, *Pascamoden : Perbincangan isu sosial* (Skudai : Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2004), 46-47.

akademik dan bukan akademik. Universiti umpamanya amat berjaya dalam menerapkan nilai-nilai mulia melalui program dakwah yang dilaksanakan.²⁴⁹

Pemuda pemudi Islam hari ini telah mempelajari teori-teori moden seperti fahaman wujudiah, komunisme dan materialistik. Tetapi apa yang menyedihkan ialah mereka tidak mempunyai asas agama yang kukuh. Mereka banyak menyeleweng serta dipengaruhi dengan pelbagai masalah yang tidak ada hubungan dengan Islam.²⁵⁰

2.4.6 Keberkesanan Program Dakwah

Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi keberkesanan sesuatu program dakwah antaranya ialah faktor pendakwah itu sendiri. Pendakwah merupakan jentera yang bergerak untuk menyebarkan dakwah. Oleh itu, seorang pendakwah perlu mengetahui segala rukun dakwah yang mesti ada dalam dirinya iaitu iman, ilmu, beramal dengan ilmu, zikrullah dan persaudaraan yang sebenar.²⁵¹

Hakikatnya, banyak prasyarat untuk pendakwah yang berkesan. Antaranya hendaklah menunjukkan teladan, sikap dan sahsiah yang menggambarkan keislamannya, keutamaan sasaran dakwah ialah orang Islam terlebih dahulu dan pendakwah sepatutnya mengetahui hukum dan adab Islam yang berkaitan dengan program dakwah. Dengan kata lain, perlu berpegang teguh kepada ketetapan yang digariskan dalam Islam.²⁵²

Pendakwah perlu bijaksana, realistik dan berkesan. Pembinaan sistem pendidikan kerohanian dan penghayatannya yang relevan dengan masa dan tempat lebih perlu

²⁴⁹Sulaiman Zakaria, *Pendidikan remaja dari sudut Islam* (Petaling Jaya : Penerbitan Pinang, 1995), 22.

²⁵⁰Muṣṭafa al-Rafie, *al-Dakwah wa al-Du’at*, terj. Abd Wahab Latif. Badlisham Mohd Nasir dan Mashitah Ismail (Shah Alam : Karisma Publications Sdn. Bhd , 2004), 134.

²⁵¹Wan Hussein Azmi, *Panduan Dakwah Islamiah* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988), 28.

²⁵²Said Ramadhan al-Buti, *Kayfa nad’u al-nas ila al-Islām*, terj. Mohd Sofwan Amirullah dan Mhd Royhan Hasbullah (Batu Caves : Pustaka Ilmi, 1997), 11.

daripada kuliah dan ceramah mengenai kerohanian yang penceramah itu sendiri belum tahu bagaimana hendak mempraktikkan kandungan ceramah itu ke dalam dirinya.²⁵³

Keberkesanan program dakwah juga dilihat pada perkara pokok dalam pendidikan Islam, khususnya pendidikan yang berhubungan dengan pemupukan asas-asas tamadun dalam Islam sebagai tamadun Ilahi. Tujuan akhir pendidikan Islam adalah untuk menjadikan manusia merealisasikan kedudukannya sebagai khalifah Allah di bumi.²⁵⁴

2.4.7 Masalah Program Dakwah

Dakwah Islamiyyah ialah usaha untuk membentuk pemikiran dan sikap manusia supaya berada di dalam satu acuan yang ditentukan oleh Allah. Untuk mencapai matlamat tersebut, banyak masalah yang dihadapi oleh dakwah, yang datang dari berbagai-bagai pihak. Masalah-masalah yang dihadapi oleh dakwah sekarang terdapat pada beberapa tempat iaitu pendakwah, jentera/organisasi dakwah, sasaran dakwah dan musuh dakwah.²⁵⁵ Banyak masalah yang dihadapi oleh dakwah sekarang, sama ada yang terdapat pada pendakwah, pada sasaran bukan Islam dan sasaran orang Islam.²⁵⁶

Aktiviti dakwah di Malaysia telah wujud sejak dahulu lagi dan terus berkembang sehingga kini. Melalui proses perkembangan inilah aktiviti dakwah kini sering kali dilakukan di bawah organisasi–organisasi tertentu. Namun, masalah-masalah aktiviti program dakwah yang dihadapi oleh institusi-institusi dakwah di Malaysia dapat dibahagikan kepada dua klasifikasi yang utama iaitu masalah yang dihadapi oleh pengajur dan masalah yang dihadapi oleh peserta yang terdiri daripada sasaran dakwah.²⁵⁷

²⁵³ Mohd Nakhaie Hj Ahmad, *Pendakwahan & pembentukan masyarakat bertamadun* (Kuala Lumpur : YADIM, 2001), 15.

²⁵⁴ Muhammad ‘Uthman El-Muhammady, *Peradaban dalam Islam* (Kota Bharu : Pustaka Aman Press Sdn. Bhd, 1976), 107.

²⁵⁵ Ab.Aziz Mohd Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah*, 135.

²⁵⁶ Ab.Aziz Mohd Zin, *Metodologi Dakwah*, 234.

²⁵⁷ Ab.Aziz Mohd Zin et al., *Dakwah Islam di Malaysia*, 277.

Barisan aktiviti dakwah yang dijalankan oleh institusi dakwah di Malaysia amat aktif dan merangkumi pelbagai aspek untuk membangun umat Islam. Penganjuran program yang bersifat harian, mingguan, bulanan dan tahunan tersebut diisi dengan pelbagai aspek yang mampu membangun mental, fizikal dan rohani masyarakat Islam. Walau bagaimanapun terdapat beberapa masalah yang dialami oleh pihak penganjur dalam menjamin kelancaran program. Antara masalah termasuklah isi kandungan, metode penyampaian, perancangan, kakitangan dan kewangan.

Kesimpulan

Suatu prinsip utama di dalam aktiviti berdakwah ialah seseorang hanya dapat mempengaruhi orang yang suka kepadanya serta suka mendengar gaya ucapan dan percakapan pendakwah itu. Oleh itu, sebagai seorang yang menjalankan aktiviti berdakwah, adalah sangat penting sebelum seseorang berdakwah cuba mempengaruhi sasarannya supaya menukar sikap dan keyakinan mereka sesuai dengan Islam.

Sebagai contoh, program dakwah kepada golongan belia yang merupakan golongan yang agak sukar untuk dibentuk kerana mereka sering mewujudkan perasaan ego dan mudah menentang. Oleh itu dalam usaha menjalankan dakwah kepada golongan ini, hendaklah dijalankan dengan sabar dan musyawarah.²⁵⁸

Mahasiswa-mahasiswi Islam yang berpendidikan di Barat, mengamalkan idea-idea Barat dan terpengaruh dengan cara kehidupan mereka. Mereka menghadapi masalah keruntuhan akhlak seperti pergaulan bebas, pendedahan aurat dan terdapat segelintir dari mereka yang murtad walaupun mereka berasal dari keluarga yang kuat pegangan agamanya.²⁵⁹ Justeru, mereka mestilah diberikan panduan dan tunjuk ajar untuk kembali kepada ajaran Islam.

²⁵⁸ Ghazali Darusalam, *Dinamika Dakwah Islamiah*, 153.

²⁵⁹ Ghazali Darusalam. *Dakwah Islam dan Ideologi Barat :ancaman postmodernisme dan ideologi moden terhadap umat Islam* (Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 1998), 15.

2.3 PENDEKATAN DAKWAH DALAM PEMBANGUNAN AKHLAK MAHASISWA

2.3.1 Pengenalan.

Untuk memajukan masyarakat Islam, kita memerlukan pemikiran yang membangun. Apa itu pemikiran yang membangun?. Pemikiran yang membangun ialah pemikiran yang berkembang dan meningkat maju. Ia dapat dilihat melalui tanda-tanda seperti ingin kepada perubahan yang lebih baik, sentiasa mencari peluang ke arah itu dan sentiasa menambah ilmu serta pengalaman melalui pelbagai cara.²⁶⁰

Dalam pembangunan mahasiswa di abad ke 21 ini, konsep sinergi bersepadu perlulah menjadi asas pembentukan sahsiah dan peribadi setiap individu supaya benar-benar baik. Peribadi dan sahsiah yang baik ini akan menjadi unit-unit yang bermakna dalam pembinaan kehidupan yang sejahtera di peringkat global.²⁶¹

Mahasiswa Islam selayaknya mempunyai sifat yang unggul dengan segala sifat-sifat mahmudah yang menjadi sebatи dalam dirinya. Antara sifat-sifat tersebut ialah ikhlas, isitqamah, memelihara waktu, berakh�ak mulia, tekun dan bersungguh-sungguh, bersyukur, inovasi, menghormati guru, bermuzakarah, setiasa merasa takut kepada Allah.²⁶²

Dr Ḥasan al-Syarqāwī dalam kitabnya *al-Akhłāq al-Islāmiyyah*, memberikan beberapa sebab berlakunya keruntuhan akhlak di kalangan umat Islam. Mahasiswa juga tidak terkecuali daripada terjebak dengan masalah keruntuhan akhlak. Antara sebabnya ialah terlalu mengikut hawa nafsu, tidak menjaga hubungan dengan Allah, menjauahkan diri daripadaNya serta mencampur adukkan di antara kebergantungan kepada Allah dengan keperluan manusia.²⁶³

²⁶⁰Ab. Aziz bin Mohd Zin, “Pembangunan Minda Pegawai Masjid” (Kertas Kerja, Seminar Pembangunan Masjid, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 28 Disember 2002), 3.

²⁶¹Abdul Razaq Ahmad, Mahasiswa Abad 21, dalam *Pembangunan Mahasiswa Berdasarkan Model Sinergi Bersepadu*, ed. Tajul Ariffin Noordin, dan Nor’Aini (Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005), 70.

²⁶²Zulkifli Mohamad al-Bakri, *Akauntabiliti Sebagai Mahasiswa Islam* (Nilai : Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia, 2007), 30.

²⁶³Hasan al-Syarqāwī, *al-Akhłāq al-Islāmiyyah*, (Kaherah : Mu’assasah Muhktar, 1988), 19-28.

Abūl A'ālā al-Mawdūdīy dalam kitabnya, *Dūwr al-Talabah fī Binā' mustaqbal al-'Alam al-Islāmī* menegaskan bahawa pemuda terutamanya mahasiswa mempunyai peranan yang sangat besar dalam pembinaan masa depan bagi sesebuah negara. Justeru, mereka harus diberikan pendidikan akhlak Islam yang betul supaya dapat diterjemahkan dalam kehidupan sebagai bakal pewaris tampuk pemerintahan negara.²⁶⁴

Peranan yang dimainkan oleh golongan belia secara kolektif atau melalui organisasi dalam mencetus atau membawa perubahan di dalam masyarakat atau pada negara adalah suatu hakikat sejarah yang tidak dapat dinafikan lagi. Sesiapa yang mempelajari sejarah Islam akan mendapati di antara lainnya, kejayaan Islam adalah hasil kesungguhan dan pengorbanan yang ditunjukkan oleh orang-orang muda.²⁶⁵

Akhlik yang baik merupakan sebahagian daripada ibadah yang paling mulia dan cara terbaik untuk mendekatkan diri kepada Allah, perbuatan yang paling disukai dan dicintai Allah, paling bersih dan terhormat di sisi Allah. Maka menjadi kewajipan kepada setiap muslim untuk melakukannya, berusaha untuk berperilaku dengannya dan mengharapkan pahala dari Allah SWT.²⁶⁶

2.3.2 Pendekatan Dakwah Dalam Membangunkan Akhlak Mahasiswa.

Ilmu akhlak patut diajar sebagai suatu cara praktikal untuk mendekatkan diri kepada Allah dan membersihkan hati daripada sifat-sifat yang buruk. Untuk ini peranan ibadah di sekolah dan di universiti patut diberi perhatian yang sewajarnya. Kejayaan peranan ini banyak bergantung kepada guru/pensyarah menanamkan minat di kalangan pelajar/mahasiswa untuk menghayati akhlak yang mulia.²⁶⁷

²⁶⁴ Abūl A'ālā al-Mawdūdīy (1980) *Dūwr al-Talabah fī Binā' Mustaqbal al-'Alam al-Islāmī*, (Arab Saudi : Wazīrah al-Ma'ārif, 1980), 6.

²⁶⁵ Mahayudin Haji Yahaya, Islam dan Pembangunan Negara, dalam *Belia Malaysia : Masalah, Cabaran dan Masa Depan*, ed. Mohd Nor Hj Nawawi, (Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1986), 206.

²⁶⁶ Sholeh Fauzan, *Akhlāq Muslim 'Alāqatuhu bī al-Mujtama'*, terj. Muhammad (Kuala Lumpur : Jasmin Enterprise, 2007), 4-5.

²⁶⁷ Mohd Kamal Hassan, *Pendidikan dan Pembangunan : Satu Perspektif Bersepadu* (Kuala Lumpur : Nurin Enterprise, 1988), 57.

Begitu juga dengan universiti sewajarnya menyediakan kemudahan yang kondusif seperti wujudnya persekitaran yang *solehah* di dalam kampus yang membantu terhadap pembangunan akhlak mahasiswa. Suasana yang baik ini sangat penting kepada mereka. Dunia Islam sebenarnya amat memerlukan sistem pendidikan yang cemerlang untuk menghasilkan generasi terpelajar yang cemerlang pada abad baru nanti.²⁶⁸

Dr ‘Abd al-Rahmān Ṣalih Abdullah dalam kitabnya, *Ahdāf al-Sulūkiyyah fī al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah* ada menegaskan bahawa di antara objektif pendidikan Islam ialah melahirkan individu Muslim yang berakhlik mulia. Ini sangat penting kerana akhlak yang mulia memberikan gambaran tentang Islam yang tinggi.²⁶⁹

Menurut Dr Muṣṭafa al-Sibā’i, dalam konteks masyarakat, Islam menunjukkan bagaimana membina akhlak mulia dalam masyarakat. Ia hendaklah bermula dengan pendidikan akhlak di rumah, di sekolah, di universiti dan akhirnya dalam masyarakat. Pemimpin berperanan membantu rakyatnya dengan memberi didikan akhlak Islam.²⁷⁰

2.3.3 Pendekatan Dakwah Ilmuan Akhlak Islam Terhadap Mahasiswa.

Beberapa tokoh ilmuan akhlak Islam ada memperkatakan tentang pendekatan dakwah terhadap mahasiswa. Ada di antara mereka menjelaskan secara langsung, ada juga secara tidak langsung. Antara tokoh yang dimaksudkan seperti Imām al-Ghazālī, Ibn Maskawayh, Imām Ḥasan al-Bannā dan Dr Miqdād Yaljan.

Secara umumnya, mereka bersetuju bahawa mahasiswa juga adalah termasuk sebahagian daripada masyarakat umum. Justeru, pendekatan, kaedah (*wasilah*) dan cara dakwah (*uslub dakwah*) yang boleh digunakan kepada mereka tidak jauh bezanya dengan metode asas dakwah dengan mengambil kira tiga metode berikut iaitu : Hikmah

²⁶⁸Zawiah Md Sari, *Bicara Islam Semasa* (Kuala Lumpur : Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 2000), 22-23.

²⁶⁹Abd al-Rahman Salih Abdullah, *Ahdāf al-Sulūkiyyah fī al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah* (Kaherah : Dār al-Fikr al-Arabi, 2003), 26.

²⁷⁰Muṣṭafa al-Sibā’i, *Akhīlāquna al-Ijtima’iyyah* (Beirut : Maktabah al-Islāmi, 1987), 3.

dan nasihat yang bijaksana, contoh dan teladan serta perbincangan, forum, dan penerangan yang berkesan.

Namun, masing-masing mempunyai pandangan yang tersendiri mengenai pendekatan dakwah kepada remaja atau mahasiswa. Ini kerana pendekatan dakwah di kalangan mereka disesuaikan dengan keadaan zaman pada masa tersebut. Apapun, matlamat dakwah mereka tetap sama iaitu mengajak mahasiswa untuk taat berubudiyyah kepada Allah SWT serta mengajak mengamalkan sunnah Nabi Muhammad SAW.

Untuk mendapatkan penjelasan yang lebih terperinci, berikut disertakan beberapa pandangan mereka terhadap pendekatan atau manhaj yang sesuai digunakan untuk mendekati remaja atau mahasiswa, bermula dengan pandangan Imām al-Ghazālī, al-Maskawayh, Imām Ḥasan al-Bannā dan Dr Miqdād Yaljan.

(a) Imām al-Ghazālī.

Akhlik dalam Islam terbina atas asas kewajipan individu kepada Allah seperti yang disarankan dalam Islam, diikuti kewajipan berakhlik mulia kepada Ibu bapa seperti yang dianjurkan dalam Islam, seterusnya kewajipan berakhlik mulia terhadap masyarakat, agama, bangsa dan negara.²⁷¹

Imām Al-Ghazālī juga dalam kitabnya, *Iḥyā Ulūm al-Dīn* tidak membicarakan akhlak mahasiswa secara khusus, cuma apa yang didapati di dalam kitab tersebut beliau hanya memperkatakan mengenai adab dalam kehidupan seorang Muslim seperti adab makan, adab nikah, adab berukhuwwah dan bersaudara, adab bermusafir, adab amar ma'ruf, nahi mungkar dan adab kehidupan berakhlik dengan akhlak nabi.²⁷²

Walau bagaimanapun, apa yang dapat difahami, sewajarnya mahasiswa menjadikan Rasulullah SAW sebagai contoh qudwah dan ikutan. Mahasiswa seharusnya

²⁷¹ Mohamed Abd al Kader Hatem, *Ethics in Islam* (Kaherah : Hai'ah al-Misriyyah al-Ammah, 1988), 11.

²⁷² Al-Ghazālī, Abū Ḥamīd Muḥammad bin Muḥammad, *Iḥyā 'Ulūm al-Dīn*, 100.

melazimi adab-adab dalam Islam seperti yang diperkatakan oleh Imām Al-Ghazālī di dalam kitab *Iḥyā ‘Ulūm al-Dīn*.

Mahasiswa yang mendapat didikan agama sejak kecil lebih cenderung untuk berakhhlak mulia ketika melanjutkan pelajaran dari alam persekolahan ke kampus universiti. Mereka tidak berasa kekok dan sukar untuk bersahsiah dengan keperibadian Muslim yang unggul, malah mungkin boleh menjadi contoh role model sekiranya menjadi pelajar cemerlang.

(b) Ibn Maskawayh.

Ibn Maskawayh, salah seorang ahli falsafah Islam menyatakan bahawa setiap manusia tidak akan mencapai tahap kesempurnaan melainkan setiap daripada mereka diwajibkan mempelajari ilmu akhlak. Beliau telah berjaya melaksanakan pembangunan kerohanian melalui kemuliaan akhlak. Beliau berpendapat bahawa jiwa (*al-nafs*), anugerah Allah yang paling berharga kepada setiap insan, mempunyai tiga kekuatan yang saling bertentangan ; kekuatan rasional, kekuatan marah dan kekuatan syahwat.²⁷³

Menurut Ibn Maskawayh dalam kitabnya, *Tahdhīb al-Akhlaq wa Taṣhīr al-‘Arāq* pembentukan akhlak bermula dari kanak-kanak, ibu bapa perlu memainkan peranan mendidik anak sejak dari kecil. Penekanan terhadap pembangunan akhlak adalah sebaik-baik pembangunan untuk memperelokkan akhlak kerana manusia adalah sebaik-baik ciptaan di muka bumi yang dipertanggungjawabkan untuk menjadi khalifah Allah.²⁷⁴

Sebelum bergelar mahasiswa, mereka akan melalui beberapa alam, sejak kecil memulakan pengajian di sekolah rendah, seterusnya mendapatkan pendidikan di sekolah menengah sebelum meneruskan pengajian di universiti sebagai mahasiswa. Sekiranya

²⁷³Mohd Nasir Omar, *Falsafah Akhlak*, 164.

²⁷⁴Maskawayh, Abū ‘Alī al-Hāzin Aḥmad bin Muḥammad bin Yaakob, *Tahdhīb al-Akhlaq wa Taṣhīr al-‘Arāq* (Beirūt : Mansyūrāt Dār Maktabah al-Hayāh, 1961), 54-55.

didikan agama disemai dan dibajai sejak dari kecil hingga ke sekolah menengah, insya Allah bila ke universiti dapat mengamalkan sahsiah dan akhlak terpuji.

(c) Imām Ḥasan al-Bannā.

Imām Ḥasan al-Bannā, dalam kitabnya, *Majmuah Rasā'il al-Imām al-Syahid Ḥasan al-Bannā* memberikan nasihat dan motivasi khusus kepada mahasiswa dengan menyebut, Allah telah memuliakan mahasiswa apabila mereka beriman kepadaNya. Beliau menyeru supaya mahasiswa mesti perbaharui keyakinan, tetapkan matlamat hala tuju. Mahasiswa perlu yakin pada diri sendiri bahawa mereka adalah pemimpin dunia.²⁷⁵

Imām Ḥasan al-Bannā juga dalam kitabnya, *Nazariyyat al-Tarbiyyah wa al-Sulūq* ada menyatakan tentang kepentingan pendedahan untuk melalui proses pembentukan akhlak sejak kecil. Ini kerana sekiranya akhlak mulia telah tertanam sejak kecil, maka ianya akan menjadi sebatи dalam kehidupan seseorang.²⁷⁶

Menurut Imām Ḥasan al-Bannā, Islam menekankan supaya para pemuda melaksanakan matlamatnya yang menginginkan perubahan, bererti bukanlah diserahkan tugas itu kepada mana-mana generasi sahaja yang tidak mempunyai cita-cita tertentu, tetapi terlebih dahulu dituntut supaya generasi itu mempunyai sifat-sifat Islam dan berpegang teguh dengan prinsip Islam iaitu berkehendakkan generasi Islam yang tulen.²⁷⁷

Menurut beliau, masyarakat manusia hari ini penuh sesak dengan pemuda pemudi tetapi mereka ini hanyalah kosong, hanyut dan terbiar. Pemuda yang tiada peribadi bersikap seperti kera. Pemuda yang tiada akhlak, adalah lebih dekat dengan binatang. Pemuda yang dijadikan tentera oleh kuasa-kuasa jahat dan zalim, disusun oleh

²⁷⁵Hasan al-Banna, *Himpunan Risalah Imam Hasan al-Banna*, terj. Salehan Ayub (Kuala Lumpur : Pustaka Salam Sdn. Bhd, 2003), 136.

²⁷⁶Hasan al-Bannā, *Nazariyyat al-Tarbiyyah wa al-Sulūq* (Jeddah : Dār al-Basyir, 2001), 50.

²⁷⁷Hasan al-Bannā, *Majmu'ah Rasā'il al-Imām al-Syahid Ḥasan a-Bannā* (Iskandariah : Dār al- Dakwah, 1998), 295.

parti-parti kufur dan syaitan, tetapi keberkatan datang bersama pemuda yang tinggi citanya.²⁷⁸

(d) Dr Miqdād Yaljan.

Dr Miqdād Yaljan dalam kitabnya, *Duwr Jāmi’at al-‘Ālam al-Islāmī fī Muwājahati al-Tahaddiyāt al-Muāṣirah*, menegaskan proses memberi pendidikan akhlak kepada mahasiswa tidak akan sempurna tanpa mendapat sokongan pihak universiti. Justeru pihak universiti haruslah menjelaskan kepada mahasiswa tentang kepentingan akhlak Islam dan asas-asasnya, menyebarkan secara menyeluruh ruh akhlak Islam dalam segenap tingkah laku, memaklumkan ciri-ciri dan keistimewaan berakhhlak mulia.²⁷⁹

Begitu juga dalam kitabnya, *Ma’ālim Binā’ Nazāriyyah al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah*, Dr Miqdād Yaljan berpandangan, pendidikan akhlak adalah termasuk di antara pendidikan yang terpenting dalam Islam selepas aqidah yang sejahtera, ibadah yang sahih. Ini kerana tanpa pendidikan akhlak, kebahagiaan hakiki masih belum dicapai.²⁸⁰

Antara lain, beliau menyatakan dalam kitabnya, *Jawānib al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah al-Asāsiyyah*, bahawa di antara kepentingan pendidikan Islam dari aspek pembangunan akhlak dilihat sebagai suatu yang sangat penting dalam memenuhi keperluan manusia secara fitrahnya yang berhajatkan kepada akhlak yang mulia walaupun menyedari hakikat dirinya banyak kelemahan dan serba kekurangan.²⁸¹

Menerusi dalam kitabnya, *Ahdāf al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah wa Ghayatuhā*, Dr Miqdād Yaljan berpendapat, antara tujuan utama pendidikan Islam dalam konteks

²⁷⁸Zainudin Hashim dan Riduan Mohamad Nor, *Tokoh-Tokoh Gerakan Islam Abad Moden*, 100.

²⁷⁹Miqdād Yaljan, *Duwr Jāmi’at al-‘Ālam al-Islāmī fī Muwājahati al-Tahaddiyāt al-Muāṣirah* (Riyadh : Dār ‘Alam al-Kutub, 1991), 43.

²⁸⁰Miqdād Yaljan, *Ma’ālim Binā’ Nazāriyyah al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah*, (Riyadh : Dār ‘Alam al-Kutub, 1991), 18.

²⁸¹Miqdād Yaljan, *Jawānib al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah al-Asāsiyyah*, (Riyadh : Dār ‘Alam al-Kutub, 1986), 37.

pembangunan akhlak, bermula dengan pembinaan keintelektualan, pembinaan jatidiri manusia yang sempurna dari aspek keperibadian, dan melahirkan sebaik-baik umat.²⁸²

Jika dilihat dalam kitabnya, *al-Tarbiyyah al-Akhlaqiyah al-Islamiyyah*, Dr Miqdād Yaljan menjelaskan di antara aspek penting dalam proses pendidikan akhlak ialah memberikan kefahaman yang betul dan tepat mengenai akhlak Islam. Umat Islam mesti berakhlek dalam setiap keadaan, walau di mana sahaja dan pada bila-bila masa.²⁸³

Dr Miqdād Yaljan dalam kitabnya, *Minhāj al-Dakwah Ila al-Islām* beliau menyimpulkan, akhlak Islam itu ialah mengajak umat Islam kepada berkata benar pada percakapan, beramanah pada muamalat dan rasa malu untuk melakukan maksiat kepada Allah SWT. Setiap generasi sekalipun berhajat untuk memiliki akhlak Islam sebenar.²⁸⁴

Apabila kita mempelajari dan menghayati Islam, kita akan mendapati banyak nas-nas al-Quran dan hadith Rasulullah SAW yang menekan tentang akhlak. Akhlak merupakan elemen yang begitu penting dalam pembentukan sahsiah dan peribadi muslim. Akhlak juga memainkan peranan penting dalam perkembangan dakwah Islamiah sejak Rasulullah SAW lagi.²⁸⁵

2.4 PENDEKATAN DAKWAH DALAM ISLAM.

2.4.1 Pengenalan.

Islam adalah *Dinullah*. Ia diturunkan untuk mengatur kehidupan manusia khasnya dan alam seluruhnya.²⁸⁶ Syariat yang telah diturunkan oleh Allah SWT kepada umat manusia mempunyai objektif yang jelas.²⁸⁷ Islam disifatkan sebagai serba lengkap

²⁸² Miqdād Yaljan, *Ahdāf al-Tarbiyyah al-Islamiyyah wa Ghayatuhā* (Riyadh : Dār ‘Alam al-Kutub, 1986), 6.

²⁸³ Miqdād Yaljan, *Al-Tarbiyyah al-Akhlaqiyah Al-Islamiyyah* (Kaherah : Maktabah al-Khanijī, 1966), 63.

²⁸⁴ Miqdād Yaljan, *Minhāj al-Dakwah Ila al-Islām* (Kaherah : al-Maktabah al Misriyyah, 1969), 37.

²⁸⁵ Mohd Yusof, *Bimbingan Akhlak Mulia yang murni dan terpuji untuk setiap muslim* (Kuala Lumpur : Jasmin Enterptise, 1995), 1.

²⁸⁶ Johari Mat, “Aqidah 4 Imam Mazhab” (Kertas Kerja, Seminar on Fiqh 1, Universiti Islam Antarabagsa, 24 Oktober 1999), 1.

²⁸⁷ Maslee Malik, “Maqasid Shariah di dalam Pelaksanaan Amar Makruf Nahi Mungkar” (Kertas Kerja, Seminar Tangkap Basah Peringkat Negeri Perlis, Perlis, 8 Februari 2007), 4.

dan komprehensif.²⁸⁸ Ajaran agama yang diturunkan Allah SWT tentulah tidak ada cacat celanya, malah agama adalah satu peraturan hidup yang lengkap dan sempurna.²⁸⁹

Islam merupakan satu agama dakwah yang diturunkan oleh Allah kepada seluruh umat manusia demi kesejahteraan kehidupan manusia di dunia dan di akhirat.²⁹⁰

Kehidupan rohani merupakan antara fenomena yang membezakan antara manusia dan haiwan.²⁹¹ Allah SWT telah mengutuskan RasulNya yang mulia sebagai Nabi dan Rasul terakhir dengan bimbingan wahyu yang tertera di dalam kitab dan sunnah yang sahih.²⁹²

2.4.2 Teori Dakwah Islamiyyah

Membicarakan masalah umat Islam serantau merupakan perbicaraan tentang umat Islam di dalam dunia ini pada keseluruhannya.²⁹³ Sejarah telah mencatatkan bahawa agama Islam tersebar sejak permulaan kedatangannya dan kemudian terus berkembang ke seluruh pelusuk dunia menerusi pendekatan dakwah, bukan dengan menggunakan kekerasan, peperangan atau sebagainya.²⁹⁴

Dakwah Islamiyyah ialah gerakan menyeru manusia seluruhnya supaya mereka menganuti agama Allah, iaitu agama Islam. Oleh kerana Allah memerintahkan manusia untuk melaksanakan gerakan dakwah, maka Allah sendiri telah menentukan metode-metodenya yang sesuai dengan fitrah manusia. Islam mengandungi ajaran-ajaran yang

²⁸⁸ Abdul Ghani Samsudin, “Tajuk-tajuk baru dalam Pengajian Fiqh Berdasarkan Teori Fiqh Malaysia” (Kertas Kerja, Seminar Hukum Islam Semasa II Peringkat Kebangsaan 1999, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 24 Jun 1999), 1.

²⁸⁹ Ismail Ibrahim, “Islam Hadhari dan Pembangunan Islam di Malaysia” (Kertas Kerja, Seminar Antarabangsa Islam Hadhari, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 24-25 November 2004), 10.

²⁹⁰ Shaikh Mohd Saifudddeen Bin Mohd Salleh, “Memahami Konsep Tekno-Daei” (Kertas Kerja, Seminar Memahami Agama Melalui Tekno-Daie di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 25-26 Februari 2003), 9.

²⁹¹ Abdul Haye Abd Sukor, “Kedudukan Syeikh dan Mursyid daripada Perspektif Islam” (Kertas Kerja, Seminar Menilai Tarekat dan Kesufian dengan Syariat Allah, Dewan Bahasa dan Pustaka, 17 Januari 2004), 1.

²⁹² Johari Mat, “Kedudukan Para Sahabah di sisi Ahli Sunnah” (Kertas Kerja, Seminar Pertelingkahan Sahabah : Antara Ketulenan Fakta dan Pembohongan Sejarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, 20 September 2003), 1.

²⁹³ Ismail Ibrahim, “Islam Wadah Perpaduan Ummah” (Kertas Kerja, Konvensyen Islam Peringkat Kebangsaan 2002 di Majlis Agama Islam Melaka, 14 Jun 2002), 1.

²⁹⁴ Mohamed Asin Dollah, “Ke Arah Memantapkan Gerakan Dakwah di Malaysia : Cabaran dan Penyelesaian” (Kertas Kerja, Seminar Pemikiran Islam Peringkat Kebangsaan 1 di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 11 Januari 2003), 4.

sesuai dengan fitrah manusia, khususnya ajaran yang membimbing manusia untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat.²⁹⁵

Firman Allah dalam surah al-Rum : ayat 30

فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلَّدِينِ حَنِيفًا فِطْرَتَ اللَّهِ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ
عَلَيْهَا لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقِ اللَّهِ ذَلِكَ الْدِينُ الْقَيْمُ
وَلِكِنْ أَكْثَرُ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ □



Al-Rum 30 : 30

Terjemahan : (Setelah jelas kesesatan syirik itu) maka hadapkanlah dirimu (engkau dan pengikut-pengikutmu, Wahai Muhammad) ke arah agama yang jauh dari kesesatan; (Turutlah terus) agama Allah, iaitu agama yang Allah menciptakan manusia (dengan keadaan bersedia dari semulajadinya) untuk menerimanya; tidaklah patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah itu; itulah agama yang betul lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.

Dakwah Islamiyyah juga ialah perbuatan menyeru manusia untuk beriman dengan Allah Taala dan mematuhi segala perintah-Nya dengan penuh ikhlas dan bersungguh-sungguh dan menjauhi segala larangan Allah dengan sepenuh hati sama ada dengan terang atau sulit, dengan cara-cara yang ditentukan Allah. Firman Allah :

²⁹⁵Wan Hussein Azmi, *Ilmu Dakwah* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984), 32.

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا

أَن يَكُونَ لَهُمْ أَخْيَرٌ مِّنْ أَمْرِهِمْ وَمَن يَعْصِي اللَّهَ وَرَسُولَهُ

فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا مُّبِينًا



Al-Ahzab 33 : 36

Terjemahan : Dan tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan - apabila Allah dan RasulNya menetapkan keputusan mengenai sesuatu perkara - (tidaklah harus mereka) mempunyai hak memilih ketetapan sendiri mengenai urusan mereka. dan sesiapa yang tidak taat kepada hukum Allah dan RasulNya maka Sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang jelas nyata.

2.4.3 Asas Pendekatan Metode Dakwah dalam Islam.

Metode Dakwah yang ditentukan Allah.

Dalam surah al-Nahl : ayat 125, Allah SWT telah menyatakan tiga metode utama dalam berdakwah. Firman Allah :-

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ

وَجَنِدِلَهُم بِالْتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَن

ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهَتَّدِينَ



Al-Nahl 16 : 125

Terjemahan : Serulah ke jalan Tuhanmu (Wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang Engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; Sesungguhnya Tuhanmu Dia lah juga

yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalannya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.

Daripada ayat ini, terdapat tiga pendekatan yang penting dalam gerak kerja dakwah iaitu *al-hikmah*, *al-mau'iżah al-hasannah* dan *al-mujadalah al-husna*. Ketiganya tiga manhaj ini dilaksanakan berdasarkan contoh situasi-situasi yang dilalui oleh para rasul a.s terutamanya Nabi Muhammad SAW. Ianya merupakan asas berdakwah di jalan Allah.²⁹⁶

Di dalam *Tafsir Mubin* dijelaskan bahawa Allah SWT memberi arahan dan panduan kepada Rasulullah SAW supaya melaksanakan dakwah agama Allah dengan menggunakan pendekatan *al-Hikmah* (kebijaksanaan) dan *al-Mau'iżah al-Hasanah* (pengajaran yang baik). Jikalau perlu kepada perbahasan dan perdebatan itu boleh juga dilakukan, tetapi dengan cara yang lebih baik.²⁹⁷

(a) Hikmah dan Nasihat yang Berkesan.

Pada umumnya, *al-hikmah* dapat dertiikan dalam bahasa Melayu sebagai kebijaksanaan. Secara lebih tepatnya perkataan ini bererti meletakkan sesuatu kena pada masa dan tempatnya. Menurut Shaykh Muḥammad Abduh dalam *kitab Tafsīr al-Manār*, beliau menjelaskan bahawa *al-hikmah* digunakan terhadap golongan cerdik pandai yang cintakan kebenaran, berfikir secara kritis dengan alasan, dalil dan hujah yang dapat diterima oleh kekuatan akal mad'u.²⁹⁸

²⁹⁶Wahbah al-Zuhayli, *Tafsir al-Munīr : al-Aqīdah wa al-Syari'ah wa al-Manhāj* (Dimasq : Dār al-Fikr, 2005), 7 : 590.

²⁹⁷Salahuddin Abdullah dan Omar Khalid, *Tafsir Mubin* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009), 14.

²⁹⁸Abdullah Muhammad Zin et al., *Prinsip dan Kaedah Dakwah dalam Arus Pembangunan Malaysia* (Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1997), 80.

Dakwah secara *al-hikmah* menurut Syed Qutb ialah dengan memerhati keadaan mad'u dan memerhati juga masa serta suasana persekitaran. Di samping itu mengetahui pula kadar yang dapat diterangkan kepada mereka pada setiap kali menyampaikan dakwah dan memastikan bahawa agama tidak disampaikan secara sesuka hati. Kreatif dalam dakwah juga adalah *al-hikmah*.²⁹⁹

Prof Dr Hamka pula menjelaskan bahawa *al-hikmah* bererti kebijaksanaan pada pengaturan bahasa. Kebijaksanaan diambil daripada budi pekerti yang halus dan bersopan santun. *Al-hikmah* dalam berdakwah digunakan untuk membuka pemikiran manusia yang tertutup terhadap Islam.³⁰⁰ Hikmah dari segi bahasa mempunyai sembilan erti iaitu keadilan, tahan marah, kenabian, sesuatu yang tidak memperlihatkan kejahilan tiap-tiap perkataan yang bertepatan dengan yang haq (kebenaran), meletakkan sesuatu pada tempatnya, perkataan yang betul dan tepat, sesuatu yang menegah berlakunya kerosakan dan mengetahui sebaik-baik perkara dengan sebaik-baik ilmu.³⁰¹

Metode hikmah di dalam berdakwah dapat dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu bahagian pertama ialah hikmah yang berhubung dengan sifat-sifat pendakwah iaitu kenabian (sifat ini khusus kepada nabi-nabi), keadilan, meletakkan sesuatu pada tempatnya, tahan marah sesuatu yang tidak memperlihatkan kejahilan iaitu ilmu pengetahuan dan pengalaman yang luas serta pengetahuan yang sebaik-baiknya.³⁰²

Pendakwah ke jalan Allah perlulah bersifat menurut sifat-sifat nabi (iaitu: benar, amanah, cerdik dan tabligh), berlaku adil (meletakkan sesuatu pada tempatnya) tidak pemarah (sabar) dan mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas. Bahagian kedua ialah hikmah berhubung dengan isi kandungan dakwah iaitu al-Quran, setiap perkataan yang bertepatan dengan yang haq (kebenaran) dan dalil-dalil tepat yang menerangkan kebenaran dan menghilangkan segala keraguan. Isi kandungan dakwah ke

²⁹⁹ *Ibid.*

³⁰⁰ *Ibid.*

³⁰¹ Wan Hussein Azmi, *Ilmu Dakwah*, 4.

³⁰² *Ibid.*, 35.

jalan Allah itu perlulah diambil dari al-Quran dan segala penerangan yang diberikan sewajarnya bertepatan dengan kebenaran serta dalil-dalil yang kuat dan tepat yang boleh menerangkan dan menghilangkan segala keraguan.³⁰³

Bahagian ketiga ialah hikmah yang berhubung dengan alat dan strategi dakwah iaitu sesuatu yang dapat menegah berlakunya kerosakan dan sesuatu yang diletakkan betul-betul pada tempatnya. Segala alat dan strategi gerakan dakwah ke jalan Allah itu hendaklah alat dan strategi yang digunakan betul-betul sesuai dengan tempatnya untuk menegah berlakunya kerosakan dalam gerakan dakwah itu.³⁰⁴ Hikmah mempunyai pengertian yang luas antara lainnya ialah para pendakwah ke jalan Allah mestilah berusaha untuk mengikuti sifat-sifat yang dicontohkan oleh para nabi dan rasul dalam melaksanakan dakwah. Antara sifat-sifat tersebut ialah bersikap benar, amanah, cerdik, tabligh, berlaku adil, sabar dan berilmu pengetahuan luas.³⁰⁵

Dari sudut tafsiran al-Quran, hikmah memberi pengertian bahawa isi kandungan dakwah ke jalan Allah itu mestilah diambil dan dirujuk kepada al-Quran, segala penerangan yang diberikan sewajarnya bertepatan dengan kebenaran, secara dalil yang kuat dan tepat, yang boleh menerangkan kebenaran dan menghilangkan segala keraguan. Di samping itu, hikmah juga mempunyai hubungan yang erat dengan penggunaan alat dan strategi dakwah iaitu sesuai dengan tempat dan masanya supaya dakwah dapat dilaksanakan dengan jayanya.³⁰⁶

Menurut Tahir Ibnu ‘Asyūr, di dalam kitab tafsirnya, *Tafsīr al-Tahrīr wa al-Tanwīr* menyatakan bahawa Deen Islam itu terbina di atas petunjuk yang lurus. Maka

³⁰³Ibid.

³⁰⁴Ibid.

³⁰⁵Ahmad Tajuddin bin Abd Hamid et al., Jurnal Dakwah dalam *Metodologi Dakwah Alaf Baru*,1 ed. Ahmad Tajuddin bin Abd Hamid (Kuala Lumpur : Jabatan Pendidikan Islam dan Moral Kementerian Pendidikan Malaysia, 1998), 1:107.

³⁰⁶Ibid, 108.

dakwah yang dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW dengan mengajak manusia kepada Islam ialah salah satu bentuk dakwah yang telah dilakukan oleh Nabi Ibrahim a.s.³⁰⁷

Imām Fakhr al-Rāzī dalam kitab tafsirnya, *Tafsīr al-Kabīr* ada menyebutkan mengenai dakwah Nabi Ibrahim a.s dan dakwah Nabi Muhammad SAW. Beliau menyatakan, ketahuilah ketika Allah SWT memerintahkan Nabi Muhammad SAW untuk mencontohi Nabi Ibrahim a.s. Allah berfirman yang bermaksud : “Ajaklah ke jalan Allah dengan berhikmah”.³⁰⁸

Dari berbagai pengertian yang diberikan ternyata kepada kita bahawa pengertian yang paling hampir kepada hikmah ialah “teliti dan rapi hasil pengalaman”, menepati kebenaran dari sudut ilmu dan amalan, “tepat dalam kata-kata dan perbuatan”, “meletakkan segala sesuatu pada tempatnya’, juga perkara yang betul dan benar’. Ini ialah kerana apabila kita menyebut pengertian-pengertian ini maka dengan sendirinya akan terlintas di fikiran kita bahawa erti kepada pengertian tersebut ialah hikmah.³⁰⁹

Apa yang dibincangkan di atas ternyata dengan lebih jelas lagi apabila kita meneliti ibarat yang biasa digunakan oleh orang ramai iaitu” selesaikanlah semua perkara dengan hikmah atau “melakukan sesuatu perkara dengan penuh kebijaksanaan”, kerana pengertian dari ibarat tersebut ialah “ cara yang baik”³¹⁰

Kesimpulannya, dakwah hendaklah dilakukan dengan cara-cara yang bijaksana dan memberi perhatian yang teliti terhadap keadaan dan suasana yang melingkungi orang-orang yang hendak disampaikan dakwah itu kepada mereka, juga memberi perhatian yang teliti terhadap kadar dakwah setiap kali disampaikan kepada mereka supaya ia tidak memberatkan mereka.³¹¹

³⁰⁷Tahīr Ibn ‘Asyhūr, *Tafsīr al-Tahrīr wa al-Tanwīr* (Beirut : Mu’assasah al-Tarikh, 2000), 13 : 125.

³⁰⁸Fakhr al-Rāzī, *Tafsīr al-Kabīr* (Beirut : Dār Ihyā al-Thurath al-‘Arabī, 1995), 7 : 286.

³⁰⁹Syed Abdurahman Hj Syed Hussin, “ Uslub al-Hikmah, Al-Mau’izah al-Hasanah dan Mujadalah bi al-Husna mengikut Pandangan Ulamak,” *Jurnal Usuluddin* 4, 1996), 57.

³¹⁰Ibid, 58.

³¹¹Sayyid Qutb, *Tafsir fi Zilal al-Quran*, terj. Yusoff Zaky (Kuala Lumpur : Pustaka Aman Press Sdn. Bhd, 2001), 135.

(b) Melalui Nasihat yang Baik / Contoh dan Teladan.

Al-Mau’izah al-Hasanah bererti nasihat yang baik, iaitu menyampaikan nasihat yang dapat menimbulkan kegemaran dan perangsang supaya orang ramai meninggalkan keburukan, seterusnya menimbulkan keinginan dan minat mengerjakan kebaikan.³¹²

Shaykh Muḥammad Abdūh telah menyatakan pendapatnya tentang *al-Mau’izah al-Hasanah* ini yang digunakan untuk menghadapi golongan awam, iaitu orang kebanyakan yang belum dapat berfikir secara kritis dan mendalam, belum bersedia untuk menangkap pengertian-pengertian yang tinggi. Mereka ini didakwah dengan *al-Mau’izah al-Hasanah* dengan anjuran dan didikan yang baik, dengan jalan yang mudah difahami.³¹³

Sesetengah ahli tafsir menyatakan bahawa nasihat yang baik ialah nasihat yang disampaikan dengan lemah lembut sehingga ia dapat meresap ke dalam hati dengan halus dan mendalam dan dapat masuk ke dalam jiwa dengan lembut. Berlelah lembut dalam memberi nasihat biasanya dapat memberi petunjuk kepada hati yang sesat dan dapat menjinakkan hati yang liar, dan dapat mendatangkan natijah yang lebih baik.³¹⁴

Berlelah lembut di dalam menjalankan dakwah dapat menimbulkan kesedaran dalam diri manusia tentang sifat kemanusiaan dakwah, dan menjadikan seseorang itu merasai bahawa dirinya sedang berhadapan dengan satu dakwah yang penuh dengan kasih sayang dan menjadikannya merasa bahawa hidup ini berdenut dengan roh iman yang baik dan suci bersih.³¹⁵

Nasihat yang baik juga memberi pelbagai tafsiran. Antara lain ialah nasihat yang baik itu dapat menimbulkan rangsangan, kesungguhan dan minat yang mendalam kepada manusia untuk meninggalkan perbuatan-perbuatan yang tidak baik yang telah mereka lakukan dan berubah dengan hati yang ikhlas untuk melakukan perbuatan-

³¹² Abdullah Muhammad Zin et al., *Prinsip dan Kaedah Dakwah dalam Arus Pembangunan Malaysia*, 80.

³¹³ *Ibid.*

³¹⁴ Wan Hussein Azmi, *Ilmu Dakwah*, 36.

³¹⁵ *Ibid.* 37.

perbuatan baik yang dituntut oleh Islam. Sudah pasti nasihat yang baik itu dilakukan dalam keadaan lemah lembut dapat meresap ke dalam hati dan jiwa pendengar dan diusahakan dengan penuh kasih sayang.³¹⁶

Dakwah itu hendaklah dilakukan dengan pengajaran yang baik yang meresap ke dalam hati secara halus dan menembusi perasaan-perasaan manusia dengan lemah lembut, bukan dengan menggunakan serkahan yang kasar dan kecaman-kecaman yang tidak perlu dan bukan pula dengan mendedahkan kesalahan-kesalahan yang mungkin berlaku kerana kejahilan atau dengan niatnya baik.³¹⁷

Dalam kitab *Tafsīr al-Marāghi*, Imām al-Marāghi menyatakan bahawa maksud ayat dalam surah al-Nahl, ayat 125 ini, ajaklah wahai Rasul sesiapa yang diutuskan kepada kamu oleh Allah, dengan mengajak mereka kepada syariat Allah, yang disyariatkan penciptaan dengan wahyu yang diwahyukan kepada kamu. Ajaklah mereka dengan contoh teladan yang baik seperti yang terdapat dalam al-Qur'an.³¹⁸

Ibnu Kathīr dalam kitab *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīz*, berpandangan bahawa berdakwah menyeru manusia kepada Allah memerlukan cara yang bersesuaian dengan realiti dan keadaan sesuatu zaman. Menurut beliau, Ibn Jarīr menjelaskan dakwah melalui nasihat yang baik, contoh teladan seperti yang terdapat dalam al-Quran dan al-sunnah.³¹⁹

Al-Alūsī ada menyatakan dalam kitabnya, *Tafsīr Rūh al-Ma'āni* menegaskan contoh teladan yang baik ialah percakapan atau perbualan yang berfaedah, dan memberi pengajaran yang bermanfaat, memberi nasihat yang tidak memberi ancaman kepada mereka dan memberi nasihat yang baik.³²⁰

³¹⁶Ahmad Tajuddin bin Abd Hamid et al., *Metodologi Dakwah Alaf Baru*, 108.

³¹⁷Sayyid Qutb, *Tafsir fi Zilal al-Quran*, 136.

³¹⁸Al-Marāghi, Ahmad Muṣṭafa, *Tafsīr al-Marāghi* (Beirut : Dār al-Salām, t.t), 13 : 160.

³¹⁹Ibn Kathīr, Abū Fidā Ismā'il, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīz*, (Beirut : Dār al-Kitab al-Arabi, 2002), 4 : 78

³²⁰Al-Alūsī, Abū Al-Faḍhl, Syihāb al-Dīn, *Tafsīr Rūh Al-Ma'āni* (Kaherah : Dār al-Ḥadīth, 2005), 13 : 660.

Dalam kitab *Tafsīr Mahāsin al-Takwīl*, Imām al-Qāsimī menjelaskan makna nasihat yang baik itu adalah pengajaran yang berkesan, iaitu memberi pengajaran bersesuaian dengan keadaan masyarakat pada zaman tertentu.³²¹

Abū Hayyan al-Andalusi dalam kitabnya, *Tafsīr Bahr al-Muhiṭ* pula berpendapat maksud nasihat yang baik adalah nasihat yang bersumberkan al-Quran, dengan memberi contoh bentuk dakwah Rasulullah kepada kaum kafir Quraisy iaitu mengajak mereka kepada al-Quran secara berhikmah di samping memberi pengajaran yang baik untuk diteladani.³²²

Ulama'-ulama' tafsir ketika mentafsirkan perkataan “*Mau'iżah Hasanah*” kebanyakannya melihat *mau'iżah* sebagai nasihat yang berupa dalil-dalil yang menghampiri kebenaran serta memberikan rasa kepuasan kepada hati kerana ia membangkitkan perasaan sentimen baik dalam diri. Ternyata dari huraian di atas bahawa “*Mau'iżah Hasanah*” adalah sebagai satu bentuk gaya penyampaian dakwah yang menjadikan dakwah disukai dan diterima dengan baik.³²³

Kesimpulannya, Syed Qutb mengatakan “*Mau'iżah Hasanah*” ialah cara masuk ke dalam hati dengan lemah lembut, menyelami perasaan secara halus, bukan dengan mengherdik, bukan juga dengan mencela dalam perkara-perkara yang tidak wajib dicela, bukannya dengan membuka tembelang kesalahan yang kadang-kadang berlaku dengan sebab kejahilan atau dengan niat yang baik.³²⁴

³²¹ Al-Qāsimī, Muḥammad Jamāl al-Dīn, *Tafsīr Mahāsin al-Takwīl* (Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, 1997), 6 : 422.

³²² Abū Hayyan, Muḥammad bin Yūsuf, *Tafsīr al-Bahr al-Muhiṭ* (Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, 2001), 5 : 531.

³²³ Syed Abdurahman Hj Syed Hussin, “Uslub al-Hikmah,” 59.

³²⁴ *Ibid*, 60.

(c) Perbincangan, Forum dan Penerangan Berkesan / Berdebat dengan cara lebih baik

Jadal (debat) dari sudut bahasa membawa erti perseteruan dan permusuhan yang kuat. Diambil dari perkataan *al-Jadl* yang bererti tali yang tersimpul kuat. *Mujadalah* adalah nama bagi perbuatan jadal. Dalam ilmu perdebatan *jadah* ialah perdebatan bukan dengan tujuan untuk menzahirkan kebenaran bahkan untuk mengalahkan lawan.³²⁵ Penggunaan *jadah* (debat) dalam al-Quran adalah dengan erti *Muhawarah* (dialog), kerana bertujuan mencari kebenaran. Dengan sebab itu ianya dikaitkan dengan perkataan atau cara yang lebih baik.³²⁶

Al-Mujādalah bererti perbincangan dan perbahasan iaitu mengemukakan hujah serta dalil yang dapat menerangkan sesuatu maksud yang tidak jelas. Setelah digunakan hujah dan dalil yang tepat dan kata-kata yang tersusun, maka maksud yang hendak disampaikan itu akan menjadi jelas dan dapat diterima.³²⁷

Shaykh Muhammed Abduh berpendapat bahawa metode ini digunakan untuk menghadapi golongan yang tidak dapat dicapai dengan hikmah dan tidak sesuai pula apabila dilayan seperti golongan awam, mereka suka berbahas tentang sesuatu, tetapi hanya dalam batas tertentu, tidak mendalam. Golongan ini didakwahkan dengan bertukar fikiran dan digalakkan berfikir secara sihat.³²⁸

Walau bagaimanapun, metode *al-mujādalah* bukanlah sebenarnya bermatlamatkan kemenangan, malah apa yang dikehendaki engannya mencari kebenaran. *Al-Mujādalah* hendaklah menghadapi mad'u dengan cara yang lemah lembut, terang dan bermatlamat mencari kebenaran berdasarkan hujah yang benar. *Al-Mujādalah* hendaklah berdasarkan kepada penjelasan bagi menyelesaikan masalah, menggunakan hujah yang rasional, menjaga adab dan kesopanan serta keikhlasan.³²⁹

³²⁵ Syed Abdurahman Hj Syed Hussin, "Uslub al-Hikmah," 60-61.

³²⁶ *Ibid.*, 61.

³²⁷ Abdullah Muhammad Zin et al, *Prinsip dan Kaedah Dakwah dalam Arus Pembangunan Malaysia*, 81.

³²⁸ *Ibid.*

³²⁹ *Ibid.*

Gunakanlah sebaik-baik cara berbincang (diskusi) dengan tujuan untuk menyingkap hakikat kebenaran. Dalam suasana diskusi yang baik itu tiada seorang pun merasa dirinya ditekan oleh mana-mana pihak, sebaliknya ia merasa dirinya tetap dimuliakan dan dihormati, dengan tidak ada orang yang menang dan kalah dalam usaha untuk bersama mencari kebenaran.³³⁰

Perbincangan dengan cara yang baik ialah menimbulkan kesedaran yang mendalam dengan contoh dan teladan yang mengajak manusia menggunakan daya fikir dan pertimbangan akal fikirannya yang waras dan rasional. Ini dilakukan tanpa menimbulkan perasaan marah, riak, takabur dan menjatuhkan maruah seseorang. Perbincangan yang dilakukan bukan untuk mendapat kemenangan kepada seseorang tetapi untuk mencari kebaikan dan kebenaran ke arah memperolehi *mardhatillah*.³³¹

Dakwah hendaklah dilakukan dengan menggunakan perdebatan yang sebaik-baiknya tanpa tekanan yang zalim terhadap pihak lawan, tanpa menghina dan memburuk-burukkan mereka supaya mereka yakin kepada kejujuran pendakwah dan merasa bahawa matlamatnya yang sebenar bukannya untuk memenangi perdebatan, tetapi untuk memberi keyakinan dan mencapai kebenaran.³³²

Imām al-Qurtubī dalam *Tafsīr al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'an*, menjelaskan ayat ini diturunkan di Mekah ketika suruhan Allah kepada Nabi Muhammad SAW untuk berjinak-jinak dengan kaum kafir Quraisy dengan mengajak mereka ke jalan Allah dan syariatnya dengan lemah lembut tanpa paksaan dan kekerasan. Sekiranya ada keperluan untuk perdebatan hendaklah dilakukan dengan baik demi mencari kebenaran.³³³

Di dalam *Tafsir Al-Azhar*, Prof Dr Hamka menegaskan bahawa pendekatan *al-Mujādalah* amatlah perlu dalam setiap zaman, kerana dakwah kepada Islam atau

³³⁰Wan Hussein Azmi, *Ilmu Dakwah*. 38.

³³¹Ahmad Tajuddin bin Abd Hamid et al., *Metodologi Dakwah Alaf Baru*, 109.

³³²Sayyid Qutb, *Tafsir fi Zilal al-Quran*, 136.

³³³Al-Qurtubī, Abū Abdullah Muḥammad Aḥmad al-Anṣārī, *Tafsīr al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'an* (Beirut : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 2004), 5 : 131.

mengajak manusia kepada jalan yang benar itu memerlukan pendekatan yang terbaik supaya tidak menimbulkan fitnah kepada Islam itu sendiri.³³⁴ Imām al-Nasafī dalam kitabnya, *Tafsīr Madāriq al-Tanzīl wa Haqāiq al-Takwīl* berpendapat, istilah *al-Mujādalah* atau perdebatan yang diadakan mestilah mengikut cara perbincangan yang terbaik dengan menjaga budi bahasa dan berlemah lembut. *Al-Mujādalah* yang boleh menguriskan hati, menyakitkan jiwa dan merosakkan fikiran dilarang dalam Islam.³³⁵

Dalam kitab *Tafsīr Fath al-Qadīr*, karangan Imam al-Syaukānī, beliau ada menjelaskan perdebatan yang dianjurkan dalam Islam adalah sebaik-baiknya seperti berbentuk perbincangan, forum, atau penerangan yang berkesan, sejajar dengan arahan Allah SWT untuk berhujah secara rasional dan matang. Ini kerana cara pendekatan Islam adalah yang terbaik dan bertentangan dengan cara yang digunakan oleh orang kafir.³³⁶

Imām Al-Ṭabarī dalam *Tafsīr Jāmi' al-Bayān fī Takwīl al-Qur'ān* menegaskan bahawa, Allah SWT memerintahkan kepada Nabi Muhammad SAW supaya berdakwah kepada kaum Quraisy dengan sebaik-baik perdebatan yang tidak disertai dengan perasaan dendam, cacian dan cemuh terhadap mereka.³³⁷

Kesimpulannya, kebanyakan ulama tafsir berpendapat bahawa berdebat bukanlah uslub dakwah asal yang dituntut dari pendakwah, tetapi ianya merupakan uslub yang terpaksa digunakan sesuai dengan cara yang dilakukan oleh sasaran yang tidak menerima kebenaran sebaliknya menentang dan melakukan debat untuk memalukan pendakwah.³³⁸

³³⁴ Hamka, Haji Abdul Malik Karim Amrullah, *Tafsīr Al-Azhar*, Singapura : Nasional Pte Ltd, 1987), 3 : 3989.

³³⁵ Al-Nasafī, Muḥammad Aḥmad Maḥmud, *Tafsīr Madāriq al-Tanzīl wa Haqāiq al-Takwīl*, (Beirut : Dār al-Kutub, 2001), 1 : 702.

³³⁶ Al-Syaukānī, Muḥammad Ibn Alī, *Tafsīr Fath al-Qadīr* (Beirut : 'Alam al-Kutub, 2002), 3 : 123.

³³⁷ Al-Ṭabarī, Muḥammad Ibn Jarīr, *Tafsīr Jāmi' al-Bayān fī Takwīl al-Qur'ān* (Beirut : Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, 1999), 7 : 663.

³³⁸ Syed Abdurahman Hj Syed Hussin, "Uslub al-Hikmah," 62.

2.5 KESIMPULAN

Dalam lipatan sejarah, masyarakat Islam yang dididik dengan orientasi nilai-nilai kerohanian yang beraspirasikan al-Quran dan al-sunnah telah berjaya membentuk generasi yang bukan sahaja mempunyai pengaruh dari segi fizikal tetapi juga berjaya melahirkan tamadun masyarakat yang bersifat maknawi kaya dengan nilai-nilai luhur.³³⁹ Berakhlak dengan akhlak yang mulia adalah sangat penting dalam kehidupan manusia sama ada kepada individu, mahupun kepada masyarakat. Kepentingan berakhlak mulia ini ibarat seperti kepentingan kita dalam memenuhi keperluan harian kita, makan minum. Ini kerana dengan berakhlak mulia akan memberikan kepada kita kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.³⁴⁰ Setiap individu bertanggungjawab untuk berakhlak dengan akhlak Islam, dengan memahami dan menyedari bahawa mereka mampu untuk berdikari membangunkan akhlak sendiri dengan menjadi al-Quran dan al-Sunnah sebagai panduan. Kebolehan semulajadi ini ada pada setiap orang tetapi memerlukan usaha untuk melakukannya.³⁴¹ Manusia dianugerahkan naluri beragama dalam dirinya. Melalui naluri tersebut, manusia bukan sahaja dapat mengenal Penciptanya, membezakan antara sesuatu yang baik dan buruk mengetahui adanya perkara yang halal dan haram, suruhan dan larangan, malah manusia dapat melaksanakan ibadah yang diperintahkan Allah SWT.

³³⁹Shuraimi Abdullah, *Dinamisme Nilai-Nilai Murni Menurut Perspektif Murni* (Kangar : Penerbit Universiti Malaysia Perlis, 2009), 61.

³⁴⁰Abdullah bin Dhaifullah al-Rahaylī, *al-Akhlāq al-Fadhilah : Qawāid wa Muntoliqat Liktisābihā* (Riyadh : Maktabah al Malik Fahd, 1996), 3.

³⁴¹Majid Fakhry, *Ethical Theories in Islam*, Leiden : E. J Brill, 1991), 17.

BAB 3 :

PROGRAM DAKWAH DAN PENDEKATAN PUSAT PEMIKIRAN DAN KEFAHAMAN ISLAM (CITU) UiTM KELANTAN KAMPUS MACHANG

3.1 PENGENALAN UiTM CAWANGAN KELANTAN

3.1.1 Pengenalan.

Penubuhan Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan (UiTMCK) adalah hasil kerjasama erat antara pihak UiTM dengan Kerajaan Pusat. Hasil daripada kerjasama ini, kerajaan Pusat telah memperuntukkan tanah seluas 12 ekar di Kem Kiang terletak kira-kira 8 km dari bandar Kota Bharu yang dimiliki Pengakap Negeri Kelantan. Kerja-kerja mengubah suai beberapa bangunan lama dan pembinaan bangunan baru telah dibiayai oleh Kerajaan Pusat dengan menelan belanja sebanyak RM 1.5 juta.³⁴²

Kumpulan pertama seramai 185 orang telah diambil bagi semester Julai-Disember 1985 untuk mengikuti kursus-kursus Diploma Perakaunan, Diploma Pengajian Perniagaan, Diploma Pengurusan Bank dan Diploma Sains Kesetiausahaan. Pada peringkat awal, bilangan kakitangan adalah seramai 71 orang iaitu 7 orang pensyarah dan 64 orang kakitangan bukan akademik.

Pembinaan kampus tetap telah dimulakan pada 1993. Kerajaan Pusat telah memperuntukkan tanah seluas 200.32 hektar di Bukit Anjing, Machang untuk dijadikan kampus tetap. Nama asal Bukit Anjing telah dimartabatkan menjadi Bukit Ilmu sesuai dengan fungsinya yang menyediakan peluang pembelajaran dalam pelbagai disiplin ilmu untuk Bumiputera. Ianya merupakan ilham dari almarhum Dato' Nik Abd Rashid Abd Majid, bekas Pengarah ITM ketika itu.

³⁴²Zahrol Azam Ahmad, "laman sesawang rasmi UiTM Kelantan kampus Machang", dicapai 14 September 2012, <http://www.kelantan.uitm.edu.my>.

3.1.2 Latar belakang Penubuhan UiTM Cawangan Kelantan.

UiTMCK yang dahulunya dikenali sebagai Institut Teknologi MARA Cawangan Kelantan (ITMCK) adalah kampus cawangan yang ke Sembilan (9). Penubuhannya telah dirasmikan pada 01 Julai 1985 oleh Tan Sri Dato' Haji Mohamad bin Yaakob, Menteri Besar Kelantan ketika itu di kampus sementara di Kem Kijang.³⁴³

Perpindahan rasmi ITMCK ke Kampus Machang bermula pada 01 Januari 1996. ITMCK telah dinaik taraf menjadi Universiti Teknologi MARA atau ringkasnya UiTM pada 26 Ogos 1999. Kini UiTMCK sedang berkembang pesat dari tahun ke tahun menjadi sebuah universiti terunggul bagi memenuhi keperluan negara. Cawangan pertama iaitu UiTM Kampus Kota Bharu telah mula beroperasi pada bulan Julai 2007. Program akademik yang ditawarkan adalah dari peringkat Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah (Ph.D).³⁴⁴

Profesor Madya Dr Haji Mohd Shukri Haji Omar P.S.K adalah tonggak utama di dalam memacu arus perjalanan UiTM Cawangan Kelantan (UiTMCK) bermula dari 5 Januari 2011 sehingga kini. Kepimpinan beliau di UiTMCK telah diterajui bersama oleh tiga Timbalan Rektor iaitu Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik (HEA), Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar (HEP), Timbalan Rektor Penyelidikan Jaringan Industri & Alumni serta Penolong Rektor Kampus Kota.

Dari segi struktur organisasi, UiTM Cawangan Kelantan diterajui oleh Rektor yang bertanggungjawab kepada Naib Canselor UiTM. Beliau dibantu oleh Unit Perhubungan Korporat, Unit Pengurusan Kualiti, Unit Perancangan Strategik, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU) dan lain-lain³⁴⁵

Menurut Rektor UiTM Cawangan Kelantan kampus Machang, Prof Madya Dr Mohd Shukri bin Haji Omar menyatakan bahawa, sebagai peneraju utama kepada

³⁴³*Ibid.*

³⁴⁴Lihat Profile UiTM Cawangan Kelantan. Anugerah Kualiti Naib Canselor 2011, 2.

³⁴⁵Lihat lampiran Carta Organisasi UiTM Cawangan Kelantan.

sebuah organisasi akademik, adalah menjadi harapan kepadanya untuk melihat UiTM Cawangan Kelantan dapat mencapai pelbagai anugerah dan kecemerlangan.³⁴⁶

Menurut Timbalan Rektor Penyelidikan Jaringan Industri dan Alumni, UiTMCK Prof Madya Dr Nik Kamaruzzaman Nik Abdulatiff, beliau menyatakan bahawa sokongan dan kerjasama yang diberikan oleh pihak pengurusan menunjukkan bahawa pihak universiti sangat menitikberatkan soal pembangunan akhlak mahasiswa.³⁴⁷

Adapun, bagi Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik, UiTMCK Prof Madya Zulkarnain bin Yusof, berpandangan bahawa sememangnya UiTM melihat persoalan akhlak mahasiswa adalah agenda utama yang sama pentingnya dengan akidah dan ibadah, di samping menekankan kecemerlangan akademik.³⁴⁸

Beliau juga dibantu oleh Penolong Rektor Kampus Kota, Encik Zulkharnain Yusoff. Sebagai sebuah kampus cawangan di tengah Bandar Kota Bharu, tanggungjawabnya semakin besar kerana pengajian di sini melibatkan mahasiswa pascasiswazah, pengajian luar kampus dan menghadapi cabaran mahasiswa yang terpaksa menginap di tengah-tengah kesibukan bandar.

3.1.8 Kesimpulan.

Universiti Teknologi MARA (UiTM) cawangan Kelantan, yang dahulunya dikenali sebagai Institut Teknologi MARA (ITM) adalah kampus cawangan yang ke Sembilan terletak di kampus sementara di Kem Kijang, Kota Bharu dengan program pengambilan kumpulan pertama pelajarnya seramai 185 orang yang terdiri di kalangan pelajar yang mengikuti kursus Diploma Perakaunan, Pengajian Perniagaan, Pengurusan Bank dan Sains Kesetiausahaan. Ianya telah dirasmikan pada 1 Julai 1985. Kemudian,

³⁴⁶Mohd Shukri Hj Omar (Rektor, UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang), dalam temu bual dengan penulis, 23 Jun 2011.

³⁴⁷Nik Kamaruzzaman Nik Abdulatiff (Timbalan Rektor, Penyelidikan, Jaringan Industri dan Alumni, UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang), dalam temu bual dengan penulis, 17 Nov 2012.

³⁴⁸Zulkarnain Yusof (Timbalan Rektor, Hal Ehwal Akademik, UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang), dalam temu bual dengan penulis, 23 Jun 2011.

ITMCK telah berpindah ke kampus tetapnya di Machang pada 1 Januari 1996 dan dinaiktaraf menjadi Universiti Teknologi MARA (UiTM) pada 27 Ogos 1999. Program yang ditawarkan di sini ialah di peringkat Diploma. Manakala, cawangan pertamanya ialah Kampus Kota Bharu yang memulakan operasinya pada Julai 2007. Program yang ditawarkan ialah dari peringkat ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan PhD. Sistem tadbir UiTMCK diterajui oleh Rektor UiTMCK yang dibantu oleh 3 orang Timbalan Rektor iaitu Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik, Hal Ehwal Pelajar, Penyelidikan dan Jaringan Industri dan Penolong Rektor Kampus Kota. Dengan Visi, Misi, Nilai dan Objektif yang telah digariskan ,UiTMCK mematuhi segala fungsi dengan UiTM Induk di Shah Alam, Selangor daripada perintah dan peraturan Kerajaan Persekutuan dan Kementerian Pengajian Tinggi. Program yang ditawarkan sehingga Disember 2011, sebanyak 19 program pengajian sepenuh masa yang terdiri daripada 4 program peringkat Ijazah Sarjana Muda, 11 di peringkat Diploma dan 1 di peringkat Pra Diploma. Sehingga kemasukan September-Disember 2012, jumlah pelajar mahasiswa di peringkat diploma di UiTMCK kampus Machang dianggarkan berjumlah 6,000 orang.

3.2 PENGENALAN PUSAT PEMIKIRAN DAN KEFAHAMAN ISLAM (CITU)

3.2.1 Pengenalan

Universiti Teknologi MARA (UiTM) merupakan sebuah institusi pengajian tinggi awam terbesar di Malaysia yang penubuhannya bermula sebagai Dewan Latihan RIDA (1956), dan kemudian bertukar menjadi Maktab RIDA (1965). Pada tahun 1967, Maktab MARA dinaikkan taraf menjadi Institut Teknologi MARA (ITM) dan pada 26 ogos 1999 sekali lagi dinaikkan taraf menjadi Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Tahun 2006 yang lalu, UiTM telah genap usia 50 tahun penubuhannya dengan mengambil kira daripada penubuhan Dewan Latihan Rida (1956).³⁴⁹

Sejak dinaikkan taraf sebagai sebuah universiti pada 26 Ogos 1999, UiTM telah berkembang pesat dengan aspirasi global menjadi universiti bertaraf dunia. Pada masa ini, UiTM mempunyai 24 buah fakulti dan lima pusat akademik, 296 program di bawah tiga gugusan utama iaitu : Sains & Teknologi, Sains Pengurusan dan Perniagaan serta Sains Sosial dan Kemanusiaan dengan bilangan pelajar melebihi 100,000 orang.³⁵⁰

UiTM wujud dengan aspirasi unggul untuk memaksimumkan peluang pendidikan tinggi dan latihan kepada bumiputera dengan menyediakan program pengajian berkualiti dan inovatif, mewujudkan program pembangunan kemanusiaan dan memastikan graduannya dapat memenuhi pasaran guna tenaga di peringkat lokal dan global.³⁵¹

Pendidikan Islam mula diperkenalkan di Universiti ini (ketika mula ditubuhkan dikenali sebagai Dewan Latihan RIDA-Maktab RIDA-Institut Teknologi MARA dan kemudiannya diisyiharkan sebagai Universiti pada 26 Ogos 1999) pada 1975 di bawah Unit Pendidikan Islam. Pada 1977, kursus Tamadun Islam mula diperkenalkan sebagai kursus wajib bagi semua program di Universiti. Unit tersebut dimantapkan kepada sebuah pusat pengajian, dikenali sebagai Pusat Pendidikan Islam pada 1 April 1983.³⁵²

Tanggal 13 Januari 2004, Pusat Pendidikan Islam telah diisyitharkan oleh Dato' Seri Naib Canselor sebagai Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam atau Centre for Islamic Thought and Understanding (CITU) di bawah seliaan seorang Pengarah dengan

³⁴⁹Ibrahim Abu Bakar et al., Pembangunan Pengajaran Tinggi Islam di Malaysia, dalam *Pengalaman UiTM dalam Pelaksanaan Kursus Pendidikan dan Tamadun Islam*, ed. Muhamad Rahimi Osman dan Ghazali Sulaiman (Nilai : Universiti Sains Islam Malaysia, 2008), 197.

³⁵⁰Ibrahim Abu Shah, *Amanat Tahun baru 2007* (Shah Alam : Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), 2007), 15.

³⁵¹*Ibid*, 198.

³⁵²Muhamad Rahimi Osman dan Ghazali Sulaiman *Pengalaman UiTM dalam Pelaksanaan Kursus Pendidikan dan Tamadun Islam*, laman sesawang Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), dicapai pada 3 Oktober 2012, <http://citu.uitm.edu.my/about-us/introduction.html>.

dibantu oleh dua Timbalan Pengarah yang dipertanggungjawabkan dengan aspek akademik dan non-akademik.

Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU) adalah gabungan Pusat Pendidikan Islam (PPI) dengan Pusat Khidmat Nasihat Agama (non-akademik) di mana semua aktiviti keislaman Universiti ditadbir di bawah satu bumbung dengan berpusat di Pusat Islam universiti. Penubuhan CITU selaras dengan hasrat UiTM untuk muncul sebagai ***World Class University*** serta gedung ilmu terulung dan terunggul.³⁵³

Dari segi struktur organisasi CITU UiTM Shah Alam sekarang, diketuai oleh Pengarah CITU, Prof Madya Dr Haji Muhamad Rahimi Osman, dan dibantu oleh Ketua Jabatan Pendidikan & Tamadun Islam, Prof Madya Dr Huzaimah Ismail dan Ketua Jabatan Kemajuan Islam (JKI) Ustaz Subkhi Shaien.

3.2.2 SEJARAH PENUBUHAN PUSAT PEMIKIRAN DAN KEFAHAMAN ISLAM (CITU)

Sebelum penubuhan Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam atau Centre for Islamic Thought and Understanding (CITU) aktiviti keagamaan, akademik dan bukan akademik, dikendalikan oleh dua entiti agama yang berlainan di UiTM iaitu Pusat Pendidikan Islam (PPI) dan Unit Agama di Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP). PPI adalah sebagai sebuah pusat akademik yang menawarkan subjek-subjek yang berorientasikan Islam kepada semua fakulti di UiTM.

Manakala Unit Agama yang telah ditubuhkan sejak tahun 1971 di Bahagian Hal Ehwal Pelajar berperanan memberi bimbingan dan nasihat agama bagi membantu para pelajar menyelesaikan masalah dan isu-isu agama di kalangan pelajar dan membantu mereka mengadakan program-program keagamaan.

Mulai Februari 1998, Unit Agama diberi nama baru iaitu Unit Kemajuan Islam (UKI) yang diletakkan di bawah Pusat Khidmat Islam Bersepadu (PKIB) yang

³⁵³ *Ibid.*

berpejabat di Pusat Islam UiTM. Peranan dan fungsinya diperluaskan termasuk khidmat program keagamaan di kalangan staf di samping tugas hakikinya untuk para pelajar. Pada Januari 2001 PKIB dikembalikan semula ke fungsi asalnya di bawah Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan dinamakan semula sebagai Unit Agama.

Mulai Mei 2002, ia dirombak semula dan diberi nama baru iaitu Centre for Islamic Thought and Understanding (CITU) atau Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (PPKI). Oleh kerana peranan dan fungsinya amat diperlukan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar, maka mulai awal Januari 2003 CITU diletakkan semula di bawah Bahagian Hal Ehwal pelajar dengan nama Pusat Khidmat Nasihat Agama (PKNA). Kakitangannya terdiri daripada Pegawai Hal Ehwal Islam, Imam dan Bilal.

Jabatan Kemajuan Islam (JKI)³⁵⁴

Jabatan Kemajuan Islam bertanggungjawab secara langsung dalam menyedia dan mengendalikan program dan aktiviti keagamaan kepada warga UiTM (pelajar dan staf) dan juga masyarakat luar. Antara fungsi JKI ialah :

- Membimbing dan memberi nasihat agama kepada pelajar, kakitangan dan masyarakat luar.
- Menyediakan program dan aktiviti keagamaan kepada seluruh warga kampus.
- Mengurus kutipan dan agihan zakat warga kampus serta pembangunan asnaf.
- Memakmur serta mengimarah masjid dengan program-program yang seragam.
- Menawar kursus kokurikulum kerohanian untuk memenuhi keperluan dan kehendak universiti.

JKI diketuai oleh seorang Timbalan Pengarah dan empat orang Ketua Unit yang mengetuai unit-unit berikut :

³⁵⁴ Ibid.

- i) Unit Bimbingan Nasihat dan Pembangunan Insan.
- ii) Unit Dakwah dan Informasi.
- iii) Unit Pengurusan dan Imarah Masjid.
- iv) Unit Zakat, Sedekah dan Wakaf.

Aktiviti dan program yang ditawarkan oleh JKI adalah seperti :-

PERKHIDMATAN YANG DITAWARKAN OLEH JABATAN KEMAJUAN ISLAM, CITU.³⁵⁵

1) Unit Bimbingan Nasihat dan Pembangunan Insan.

- a. Mengatur sesi bimbingan dan nasihat peribadi dan kelompok.
- b. Menyelaras kurikulum pembangunan kerohanian.
- c. Menganjurkan seminar pengukuhan rohani dan sahsiah pelajar.
- d. Melaksana aktiviti pengukuhan kurikulum kerohanian.

Kod Kokurikulum Yang Ditawarkan :-

- HKR121- Pengurusan Jenazah
- HKR122- Marhaban
- HKR123- Asas Kekeluargaan Islam
- HKR124-Pengurusan Minda
- HKR125- Al-Quran
- HKR126- Asas Imam dan Bilal
- HKR127-Asas Kemahiran Jawi

2) Unit Dakwah dan Informasi.

- a. Menjalankan sesi bimbingan nasihat peribadi dan kelompok.
- b. Mengeluarkan bahan-bahan penerbitan umum dan khusus.
- c. Mengadakan program “Saudara Kita”.
- d. Mengendalikan e-nasihat melalui laman web.

³⁵⁵ Ibid.

- e. Mengadakan program sempena hari kebesaran Islam.
- f. Mengadakan program pembangunan asnaf.

3) Unit Pengurusan Zakat.

- a. Menjalankan sesi bimbingan peribadi dan kelompok.
- b. Mengurus kutipan dan agihan zakat di kalangan warga UiTM.
- c. Mengadakan program pembangunan asnaf.

4) Unit Pengurusan dan Imarah Masjid.

- a. Menjalankan sesi bimbingan peribadi dan kelompok.
- b. Menjalankan solat berjemaah dan solat Jumaat.
- c. Mengadakan kuliah dan kelas pengajian.
- d. Menganjurkan kursus-kursus seperti pengurusan jenazah, kursus haji dan umrah, kursus imam dan bilal dan lain-lain.

Pengkaji sempat mengadakan temu bual dengan Ketua Pengarah CITU, Prof Madya Dr Muhamad Rahimi Osman di pejabatnya, di mana beliau ada menyatakan hasratnya untuk menjadikan CITU sebagai sebuah Pusat Islam yang unggul. Menurut beliau, Pusat Islam sekarang telah mencapai kejayaan demi kejayaan dan beliau telah diberikan kepercayaan oleh pihak pengurusan tertinggi universiti untuk menerajui CITU. Peluang dan kepercayaan yang diberikan digunakan dengan sebaik-baiknya demi survival ummah dan masa depan Islam³⁵⁶

Menurut Ustaz Subkhi Shaien, Timbalan Pengarah Jabatan Kemajuan Islam (JKI) CITU, UiTM dalam temu bual di pejabatnya pada 17 Mei 2012, beliau ada menyatakan bahawa, pendekatan dakwah yang dilaksanakan oleh CITU di seluruh sistem UiTM adalah berdasarkan kepada metode dakwah yang ditentukan Allah dalam surah al-Nahl :

³⁵⁶Muhammad Rahimi Osman (Ketua Pengarah CITU, Universiti Teknologi MARA Shah Alam), dalam temu bual dengan penulis, 30 Mac 2012.

ayat 125. Pendekatan ini amat sesuai dengan keadaan dan realiti masyarakat Malaysia.³⁵⁷

Bagi Pegawai Hal Ehwal Islam CITU merangkap Ketua Imam Masjid Sultan Mizan UiTM Shah Alam, Ustaz Haji Md Idris Abdullah yang ditemu bual di pejabatnya pula berpendapat, program dakwah mestilah seimbang kepada dakwah kepada kakitangan dan mahasiswa UiTM. CITU tidak hanya berdakwah kepada mahasiswa sahaja, malah kakitangan UITM juga harus diterapkan dengan nilai Islam.³⁵⁸

Perkhidmatan Jabatan Kemajuan Islam

1) Bimbingan Dan Nasihat Agama.

a) Bimbingan dan Nasihat Agama Individu.

Kes-kes yang dirujuk meliputi kes biasa, susulan mahupun dirujuk. Bimbingan yang ditawarkan merangkumi skop akademik, kewangan, akidah, akhlak, al-Quran, syariah, konsultasi program, aktiviti pelajar. Klien boleh mengatur pertemuan bersama Pegawai Penasihat Agama bagi tujuan mendapatkan bimbingan melalui temujanji, telefon/SMS/emel dan secara walk-in.

b) Bimbingan dan Nasihat Agama Kelompok.

Bagi bimbingan dan nasihat kelompok, ia dilaksanakan melalui tiga fasa berbeza iaitu program berbentuk pengembangan, pengukuhan dan pemulihan. Antara program bagi fasa pengembangan ialah Program Pembangunan Modal Insan Staf dan Pelajar. Bagi program pengukuhan antara yang dijalankan meliputi Bengkel Keluarga Sakinah dan Kursus Pra Perkahwinan.

³⁵⁷Subkhi Shaien (Timbalan Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam (JKI) CITU, Universiti Teknologi MARA Shah Alam), dalam temu bual dengan penulis, 17 Mei 2012.

³⁵⁸Md Idris Abdullah (Pegawai Hal Ehwal Islam CITU, Universiti Teknologi MARA Shah Alam), dalam temu bual dengan penulis, 30 Mac 2012.

2) Pengurusan Zakat

Pengurusan Zakat dilaksanakan secara efisien oleh CITU. Ia merangkumi kutipan, agihan dan program pembangunan asnaf. Memorandum Persefahaman (MoU) telah dimeterai antara pihak CITU dan Pusat Zakat Selangor (PZS) bagi tujuan melahirkan sistem pengurusan zakat yang berkesan.

2.1 Kutipan

Kutipan zakat staf (zakat pendapatan) dilaksanakan melalui potongan gaji bulanan. Selain itu, CITU turut membantu menguruskan pelaksanaan kutipan zakat yang lain seperti harta, KWSP dan lain-lain.

2.2 Agihan

Zakat diagihkan kepada asnaf yang layak terdiri daripada pelajar dan staf. Individu yang layak dan menepati kriteria digalakkan memohon. Urusan temuduga, pemilihan asnaf dan agihan dilaksanakan sendiri oleh CITU di bawah Unit Zakat, Sedekah dan Wakaf.

Jumlah agihan kepada pelajar adalah berbeza mengikut kategori asnaf sebagaimana berikut :-

	KATEGORI ASNAF	JUMLAH AGIHAN ZAKAT (RM)	CARA AGIHAN
1	<i>Fakir</i> Diploma Ijazah Sarjana	RM400.00 RM900.00 RM2500.00	Sekaligus (lump-sum)
2	<i>Miskin</i> Diploma Ijazah Sarjana	RM750.00 RM850.00 RM1750.00	Sekaligus (lump-sum)
3	<i>Fi Sabillah</i> Diploma Ijazah Sarjana	RM550.00 RM650.00 RM1000.00	Sekaligus (lump-sum)
4	<i>Muallaf</i> (Diploma/Ijazah/ Sarjana)	RM400.00	Bulanan (selama 6 bulan per semester)

3) Pengurusan dan Imarah Masjid.

Pengurusan dan pengimaranan masjid :

i) Pengurusan Pentadbiran Masjid

Urusan pengendalian solat, ceramah, keceriaan dan penyeliaan.

ii) Informasi Islam

Perkhidmatan berimpak tinggi yang turut ditawarkan oleh CITU adalah informasi Islam. Ia menjadi wadah penyebaran dan pengembangan maklumat Islam kepada klien. Informasi Islam digerakkan dalam bentuk penghasilan risalah mingguan, risalah Hari Kebesaran Islam serta modul-modul umum.

iii) Program Sempena Hari Kebesaran Islam

Pelbagai aktiviti dan pengisian dianjurkan bersempena hari-hari kebesaran Islam. Justifikasi CITU menawarkan pelbagai program sempena hari kebesaran Islam adalah untuk menanamkan rasa cinta terhadap Islam, mengingati sirah lampau dan syiar keagungan Islam. Antara pengisian sempena Hari Kebesaran Islam adalah Program Ihya Ramadhan, Majlis Tadarus dan Khatam al-Quran, ceramah serta Forum Maal Hijrah.

3.2.3 LATAR BELAKANG CITU UiTM KELANTAN KAMPUS MACHANG

Pada dasarnya, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU) berpusat di UiTM Shah Alam, Selangor dan mempunyai cawangannya di seluruh sistem UiTM. Walaupun tempat yang berbeza di setiap negeri, tetapi hakikatnya peranan CITU antaranya ialah untuk menerapkan nilai Islam dalam kehidupan semua kakitangan dan pelajar UiTM.

CITU berperanan untuk mendidik dan berbakti kepada semua kakitangan dan mahasiswa UiTM supaya melahirkan individu muslim yang beriman kepada Allah SWT dengan menekankan kepada tiga aspek fakulti keinsanan yang seimbang meliputi rohani, jasmani dan aqli. Antara pendekatan yang digunakan ialah mengajak kepada

Islam secara berhikmah, memberikan *mau’izah hasanah* dan bermujadalah dengan cara yang baik.

Begini juga dengan usaha yang telah dilakukan oleh pihak CITU UiTM Kelantan kampus Machang dalam merealisasikan misi, visi, falsafah dan objektif penubuhan CITU itu sendiri. Ianya sejajar dengan Motto : “*Usaha, Taqwa, Mulia, Budaya Kami*”. Ianya diketuai oleh Ustaz Abu Sufian bin Ab Ghani. CITU berperanan dalam menerapkan syiar dan nilai Islam kepada warga UiTM Kelantan kampus Machang.³⁵⁹

Dari segi struktur organisasi CITU UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang, Ketua Pusat Pengajian CITU, Ustaz Abu Sufian bin Ab Ghani bertanggungjawab kepada Rektor kampus dan Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik. Beliau dibantu oleh Ketua Jabatan Pendidikan dan Tamadun Islam (JPIT) dan Jabatan Kemajuan Islam (JKI).³⁶⁰

(a) Fungsi CITU UiTM Kelantan kampus Machang.

Secara umumnya, fungsi CITU di UiTM Kelantan kampus Machang dalam konteks dakwah dapat dilihat dalam dua aspek yang utama. Aspek yang pertama, dakwah dari aspek akademik dan aspek yang kedua, dakwah yang disampaikan melalui pakej program pembangunan insan yang dilaksanakan oleh Jabatan Kemajuan Islam CITU.

Jabatan Kemajuan Islam, UiTM cawangan Kelantan kampus Machang, mempunyai 4 orang staf yang menjadi penggerak utama kepada pelaksanaan kerja-kerja dakwah melalui program pembangunan akhlak. Mereka ialah Ustazah Rokiyah binti Jusoh, Pegawai Penasihat Agama Kanan, Ustaz Husaini bin Ab Razab, Pegawai Hal Ehwal Islam, Ustaz Mohd Miqdad Aswad bin Ahmad, Penolong Pegawai Hal Ehwal

³⁵⁹Zahrol Azam Ahmad, “laman sesawang CITU UiTM Kelantan kampus Machang”, dicapai 14 September 2012, <http://www.kelantan.uitm.edu.my/citu.html>

³⁶⁰Lihat lampiran Carta Organisasi CITU UiTM Cawangan Kelantan kampus Machang.

Islam (Imam) dan Ustaz Mohd Shamsul Baharin bin Zakaria, Pembantu Hal Ehwal Islam(Bilal)

Sebagai perancang utama program pembangunan akhlak mahasiswa dan staf UiTM Cawangan Kelantan kampus Machang, peranan dua orang Pegawai Hal Ehwal Islam adalah sangat penting. Bersesuaian dengan bidang tugas dan pengkhususan masing-masing, Ustazah Rokiyah binti Jusoh diamanahkan menjaga kebajikan staf dan zakat mahasiswa. Manakala Ustaz Husaini bin Ab. Razab, telah diberikan kepercayaan untuk memperkasakan akhlak dan menganjurkan program pembangunan insan mahasiswa.

Menurut Ketua CITU UiTM Kelantan Kampus Machang, Ustaz Abu Sufian bin Ab Ghani ketika ditemu bual di pejabatnya, beliau menjelaskan pada dasar pengamalannya terdapat dua aspek pendekatan dakwah iaitu dari segi akademik dan pembangunan insan. Ianya dilaksanakan oleh CITU sama ada di UiTM Kelantan kampus Machang mahupun di seluruh sistem UiTM yang terdapat di Malaysia.³⁶¹

(b) Peranan CITU UiTM Machang terhadap perkembangan akademik.

Peranan CITU tidak hanya memberikan penumpuan terhadap aspek kecemerlangan di dalam bilik kuliah dan akademik semata-mata, malah apa yang lebih penting lagi ialah mendidik, membentuk dan melahirkan mahasiswa dan staf yang beriman dan bertakwa kepada Allah SWT. Kejayaan seseorang di dalam kerjaya atau kecemerlangan akademik hanyalah wasilah untuk mencapai keredhaan Allah SWT.

Pendekatan dakwah CITU yang disampaikan melalui akademik telah dikaji oleh Siti Fatimah Tasir dalam disertasinya yang bertajuk *Pengaruh Pendidikan Islam terhadap akhlak pelajar-pelajar UiTM : Satu Kajian Khusus di UiTM Kampus*

³⁶¹Abu Sufian Ab Ghani (Ketua CITU, UiTM Kelantan Kampus Machang), dalam temu bual dengan penulis, 7 November 2012.

*Machang, Kelantan.*³⁶². Untuk maklumat lanjut boleh lihat kajian dalam disertasi beliau.

Melalui pendekatan ini, dakwah disampaikan oleh pensyarah yang mengajar kurikulum kepada mahasiswa di bilik-bilik kuliah di samping beberapa program akademik yang dianjurkan oleh pihak universiti. Selain itu, melalui program ko-kurikulum seperti Kekeluargaan Islam, Pengurusan Minda Insan dan Pengurusan Masjid secara tidak langsung dapat mendidik mahasiswa memahami tuntutan dakwah dan tanggungjawab mereka sebagai mahasiswa.

Suka untuk Pengkaji menegaskan di sini, kajian yang dibuat oleh Pengkaji adalah memfokuskan kepada fungsi CITU dalam konteks dakwah melalui program pembangunan akhlak mahasiswa. Tajuk kajian disertasi ini ialah “*Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU) UiTM Kelantan kampus Machang : Kajian pendekatan dan program dakwah terhadap pembangunan akhlak mahasiswa*”.

(c) CITU UiTM Machang dan penglibatannya dengan kegiatan mahasiswa.

CITU memainkan peranan penting untuk mengajak staf dan mahasiswa UiTM memiliki ciri-ciri seperti yang digambarkan oleh Imām Ḥasan al-Bannā iaitu memiliki akidah yang sejahtera, ibadah yang benar, akhlak yang kukuh, kekuatan jasmani, berpengetahuan luas, menguasai diri dengan mujahadah keinginan nafsu, sangat menghargai masa, teratur urusannya, mampu bekerja sendiri dan bermanfaat kepada orang lain.

CITU banyak melibatkan diri dengan terjun kepada masyarakat kampus, terutamanya dalam program pembangunan akhlak mahasiswa. Dengan amanah dan kepercayaan yang diberikan oleh pihak UiTM sebagai organisasi Islam dan pelaksana program pembangunan akhlak di universiti, sudah tentu penglibatannya secara langsung

³⁶²Siti Fatimah Tasir, “Pengaruh Pendidikan Islam terhadap akhlak pelajar-pelajar UiTM : Satu Kajian Khusus di UiTM Kampus Machang, Kelantan, (disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2005).

dengan mahasiswa dapat mengeratkan ukhuwwah dan mengikis budaya jurang perbezaan antara mahasiswa dan staf CITU.

Selain itu, dalam usaha untuk memasyarakatkan warga kampus mendekati Pusat Islam dan mendalami Islam, maka pelbagai program dan aktiviti dilaksanakan di samping menggunakan kemajuan teknologi yang ada pada masa kini untuk berhubung dengan mahasiswa. Dengan wujudnya laman web CITU UiTM Cawangan Kampus Machang secara tidak langsung dapat memudahkan dan menjimatkan masa.³⁶³ Sila lihat laman web CITU : <http://www.kelantan.uitm.edu.my/citu.htm>.

(d) Fungsi Pusat Islam CITU UiTM Cawangan Kelantan kampus Machang.

Satu batu asas dalam ajaran Islam ialah Rasulullah SAW telah menjadikan masjid sebagai nadi pembangunan ummah. Rasulullah SAW telah membentuk kehidupan masyarakat berlandaskan roh dan semangat masjid apabila Baginda berada di Yathrib.³⁶⁴ Dengan itu, peranan dan ketinggian masjid sangat menonjol dan menyerlah. Satu kenyataan yang harus disepakati bahawa masjid juga mempunyai potensi yang sangat hebat dalam menjana pembangunan ummah.³⁶⁵

Masjid atau lebih dikenali sebagai Pusat Islam di kalangan warga UiTM adalah sebagai tempat rujukan agama, terutamanya yang berkaitan dengan hal ehwal Islam. Semua aktiviti kerohanian mahasiswa dan staf kakitangan UiTM berpusat di sini. Di sini juga dijadikan sebagai tempat beribadat dan berkumpulnya masyarakat kampus untuk mendapat khidmat nasihat agama, kemudahan permohonan zakat, penganjuran program keagamaan, pusat pentadbiran CITU dan sebagainya.

³⁶³Zahrol Azam Ahmad, “laman sesawang CITU UiTM Kelantan kampus Machang”, dicapai 14 September 2012, <http://www.kelantan.uitm.edu.my/citu.html>.

³⁶⁴Ahmad Najib Abdullah et al., Isu-Isu Pengurusan dan Pembangunan Masjid, dalam *Penubuhan Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Masjid Nusantara di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Nilam Puri, Kelantan : Satu Cadangan*, ed. Shukeri Mohammad dan Syed Abdurahman Syed Hussin (Nilam Puri : Penerbit Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Nilam Puri, 2009), 1.

³⁶⁵Ibid., 3.

Dengan adanya Pusat Islam, maka medan untuk melaksanakan kerja-kerja dakwah dan tarbiyah dapat dilakukan dengan lebih sistematik, pengurusan yang lebih tersusun dan perancangan program pembangunan akhlak yang lebih efektif. Pengurusan Pusat Islam CITU UiTM Kelantan kampus Machang ini diletakkan di bawah seliaan Jabatan Kemajuan Islam (JKI) CITU iaitu bahagian pengurusan dan pengimaranan masjid. Skop dan fungsi Pusat Islam adalah lebih luas, bukan semata-mata hanya sekadar menjadi tempat ibadat sahaja.

3.3 PROGRAM DAKWAH PUSAT PEMIKIRAN DAN KEFAHAMAN ISLAM

3.3.1 Pengenalan.

Mahasiswa adalah aset yang sangat berharga kepada pembangunan dan masa depan sesebuah negara. Mereka bakal menjadi pemimpin satu ketika nanti. Oleh itu, tidak hairanlah jika institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia memberikan penekanan yang serius terhadap kejayaan mahasiswanya. Namun, tidak semua IPT yang menyediakan pakej lengkap tiga fakulti keinsanan yang seimbang dari segi rohani, jasmani dan aqlinya.

Kita tidak hanya mahu melahirkan mahasiswa yang cemerlang dari segi pencapaian akademiknya semata-mata, malah apa yang lebih penting dari itu adalah untuk melahirkan mahasiswa yang cemerlang akademiknya dan memiliki sahsiah terpuji. Untuk melahirkan mahasiswa yang sedar akan tanggungjawabnya sebagai khalifah Allah di muka bumi ini, maka peranan dan kerjasama dari semua pihak sangat diperlukan.

Sebagai IPT yang mempunyai paling ramai mahasiswanya di seluruh negeri, Universiti Teknologi MARA (UiTM) adalah salah satu daripada IPT di Malaysia yang menyahut seruan ini. Dengan amanah yang diberikan, maka Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU) telah diberikan kepercayaan untuk membantu pihak

pengurusan universiti meningkatkan kefahaman Islam dan memperkasakan akhlak mahasiswa di seluruh sistem UiTM termasuk di Sabah dan di Sarawak.

Menyedari akan kepentingan untuk mengimbangi ketiga-tiga fakulti keinsanan di kalangan mahasiswa, maka pihak UiTM telah merancang pelbagai program pembangunan akhlak secara tersusun. Program-program yang diadakan ini adalah sebagai salah satu usaha yang dilaksanakan untuk melahirkan mahasiswa yang mempunyai ketahanan jatidiri yang mantap dan memiliki ciri-ciri kepimpinan Islam.

Pembangunan akhlak mahasiswa

Apabila membicarakan tentang pembangunan akhlak mahasiswa, terdapat dua penekanan utama yang harus diberikan perhatian. Pertamanya, ialah soal bagaimana pihak pelaksana ingin membangunkan akhlak mahasiswa yang sedia ada kepada akhlak yang kurang baik kepada baik, akhlak yang baik kepada yang lebih baik sehingga mampu menghiasi diri dengan akhlak sebagai mahasiswa Islam.

Keduanya, apakah bentuk pendekatan yang diambil oleh pelaksana untuk membangunkan akhlak mahasiswa. Setiap organisasi pasti mempunyai cara atau pendekatan yang tersendiri. Pendekatan yang digunakan adalah berbeza mengikut sasaran yang berbeza dan menggunakan metodologi dakwah yang sesuai dengan keadaan dalam sesebuah organisasi tersebut.

Dalam konteks pembangunan akhlak mahasiswa di UiTM, terdapat pelbagai program yang dilaksanakan untuk memperkasakan akhlak mahasiswanya. Mungkin pendekatan dakwah yang digunakan oleh CITU UiTM adalah berbeza dengan organisasi yang lain di sekolah misalnya, kerana sasaran dakwah di UiTM adalah di kalangan mahasiswa. Sekiranya di sekolah, sasaran dakwahnya terdiri di kalangan pelajar sekolah menengah atau sekolah rendah.

Dari segi cara pelaksanaan sesuatu program pembangunan akhlak mahasiswa juga menyumbang kepada perubahan yang positif kepada mahasiswa. Justeru, beberapa faktor penting sebelum mengadakan program harus diberikan perhatian. Antaranya ialah dari segi kesesuaian masa, tempat, sasaran, pemilihan penceramah yang berpengalaman dan sebagainya.

3.3.2 Program dakwah CITU UiTM Kelantan Kampus Machang.

Program dakwah CITU di UiTM Cawangan Kelantan kampus Machang adalah termasuk dalam salah satu pakej program pembangunan akhlak yang ditawarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam (JKI) dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP). Justeru, program yang dijalankan sentiasa mengambil kira keperluan dan kepentingan kepada mahasiswa khususnya, di samping CITU tidak mengabaikan program pembangunan insan kepada staf.

Dari segi pengamalannya, sepanjang tahun 2010-2012 didapati program-program dakwah yang dianjurkan oleh JKI, CITU dengan kerjasama Bahagian HEP dapat dibahagikan kepada beberapa jenis program seperti Program Harian, Program Mingguan, Program Bulanan, Program Tahunan dan Program Berkala. Antara program-program tersebut dapat dilihat seperti berikut :

a) Program Harian Tahun 2010-2012

- 1) Bimbingan dan Nasihat Agama
- 2) Pengurusan dan Pengimarahran Masjid/Pusat Islam.
- 3) Kutipan dan agihan zakat

b) Program Mingguan Tahun 2010-2012

- 1) Halaqah UiTM
- 2) Kuliah Maghrib

c) Program Bulanan Tahun 2010-2012

- 1) Program Pemantapan Modal Insan
- 2) Tazkirah
- 3) Penerbitan Risalah Fikrahtul Nur

d) Program Tahunan Tahun 2010-2012

- 1) Kursus Pra Perkahwinan
- 2) Kursus Pengurusan Jenazah
- 3) Majlis Penyampaian Zakat Mahasiswa UiTM
- 4) Advance Camp
- 5) Kursus Pemimpin Muda Versi Global
- 6) Solat Hajat Perdana
- 7) Kursus Imam Muda
- 8) Kem Bina Insan
- 9) Forum Penghayatan Solat

a) Program Berkala Tahun 2010-2012

- 1) Majlis sambutan Maulidul Rasul
- 2) Majlis sambutan Nuzul al-Quran & Khatam Al-Quran
- 3) Majlis sambutan Maal Hijrah
- 4) Majlis sambutan Ihya Ramadhan
- 5) Forum & Ceramah Israk Mikraj

Menurut Ustaz Husaini bin Ab Razab ketika ditemu bual di pejabatnya, beliau menjelaskan bahawa, terdapat banyak program pembangunan akhlak mahasiswa yang dirancang pada setiap tahun. Justeru, perancangan aktiviti secara terancang dan lebih awal dibuat untuk mengelakkan pertindihan tempat, kemudahan dan peralatan. Beliau membahagikan program mengikut harian, mingguan, bulanan, tahunan dan berkala.³⁶⁶

Misalnya dalam program harian, tugas hakiki beliau sebagai Pegawai Hal Ehwal Islam atau lebih dikenali sebagai Pegawai Penasihat Agama UiTM menuntut kepada komitmen yang tinggi kepada tugas hakikinya seperti menawarkan khidmat bimbingan dan nasihat agama, mengendalikan pengurusan dan pengimaranan Masjid/Pusat Islam.

Pendekatan dakwah yang digunakan di sini ialah memberikan bimbingan agama secara berhikmah dan nasihat yang berkesan. Selain itu, metode dakwah pada isi yang tertakluk kepada masalah sasaran dakwah serta memahami tahap yang dimilikinya. Ini menjadikan CITU sebagai tempat rujukan utama kepada mahasiswa sekiranya terdapat kemosykilan tentang agama.

³⁶⁶Husaini bin Ab Razab (Pegawai Hal Ehwal Islam CITU, UiTM Kelantan Kampus Machang), dalam temu bual dengan penulis, 7 November 2012.

Temu bual dengan Ustazah Rokiyah binti Jusoh, Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan, beliau menyatakan antara tugasnya ialah menjaga hal ehwal kebajikan mahasiswa dan pengurusan zakat. Menurut beliau, dengan adanya bantuan zakat, sedikit sebanyak dapat membantu pelajar miskin yang sangat memerlukan wang perbelanjaan harian.³⁶⁷ Selain itu, beliau juga merupakan Penasihat kepada persatuan pelajar Islam yang dikenali sebagai Persatuan IMAN (*Intellectual Members of Muslim Nation*).

Antara peranan utama yang dimainkan oleh persatuan ini, membantu pihak CITU menjayakan sesuatu program pembangunan akhlak mahasiswa, sebagai contoh Program Advance Camp, Kursus Imam Muda, Kursus Pemimpin Muda Versi Global, Kem Bina Insan, Kursus Pengurusan Jenazah, program Ihya Ramadhan, sambutan hari kebesaran Islam pada setiap tahun dan sebagainya.

Antara program mingguan yang diadakan ialah Program Halaqah UiTM. Program ini adalah merupakan gabungan pendidikan formal dan informal, lebih memberi tumpuan kepada usaha memperbaiki amalan solah, kefahaman dan pembacaan al-Quran dan Jawi, di samping memahami adab-adab Islam secara sempurna. Ianya dikendalikan oleh Pensyarah, Pegawai Hal Ehwal Islam, Imam, Bilal dan Pegawai Pembangunan Pelajar atau staf yang telah mengikuti Bengkel TOT Fasilitator Program Halaqah UiTM.

Aktiviti dalam program ini ialah membaca al-Quran, tahsin solah, muhasabah dan bacaan teks dalam tulisan jawi. Sasaran mahasiswa yang mengikuti program ini ialah pelajar baru semester satu mulai kemasukan sesi Julai-November 2010 sehingga sekarang. Program ini telah diselaraskan untuk diadakan di UiTM seluruh cawangan negeri. Majlis Pelancaran Program Halaqah Peringkat UiTM telah disempurnakan oleh Naib Canselor UITM, Dato' Prof Ir Sahol Hamid bin Abu Bakar pada 25 Oktober 2010.

³⁶⁷Rokiyah binti Jusoh (Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan CITU, UiTM Kelantan Kampus Machang), dalam temu bual dengan penulis, 7 November 2012.

Pendekatan dakwah yang diamalkan dalam Program Halaqah ini ialah mengajak mahasiswa untuk menunaikan solat fardu secara berjemaah di awal waktu, di samping memberikan nasihat yang berkesan tentang kesedaran untuk melakukan ibadah sunat serta memberikan contoh yang baik tentang kelebihan membaca, mempelajari al-Quran dan menguasai ilmu tajwid. Selain itu, penerapan terhadap akhlak, adab dan etika seorang mahasiswa Muslim turut diberikan perhatian.

Selain itu, program mingguan yang dilaksanakan kepada mahasiswa ialah Kuliah Maghrib. Pada kebiasaannya, kuliah Maghrib ini akan disampaikan oleh penceramah jemputan yang terdiri di kalangan pensyarah CITU UiTM dan Pegawai Hal Ehwal Islam. Program ini diadakan selepas solat Maghrib sehingga sebelum azan Isyak berkumandang, Kuliah Maghrib ini menyentuh soal aqidah, ibadah dan akhlak. Ia biasanya diadakan di Pusat Islam, Surau Kolej Dato' Onn, Surau Kolej Tun Hussein Onn dan Surau Kolej Tun Dr Mahathir.

Selain kuliah Maghrib yang diadakan pada setiap minggu, ianya juga diadakan sempena program minggu orientasi suaikenal pelajar baru yang dikenali sebagai “*Minggu Destini Siswa*” (MDS). Dalam program ini juga disediakan ruang kepada mahasiswa baru mengikuti slot Kuliah Subuh yang diadakan di Pusat Islam. Penceramah jemputan, kebiasaannya adalah terdiri di kalangan staf CITU UiTM Kelantan kampus Machang.

Pendekatan dakwah yang dibuat dalam menyampaikan kuliah Maghrib dan Kuliah subuh ialah memberikan contoh teladan baik yang dipetik dari kisah-kisah para nabi, mengadakan penerangan berkesan tentang tuntutan untuk memakai pakaian menutup aurat dan mengajak mahasiswa kepada amalan “*Amar Ma'rūf Nahī Mungkar*”.

Antara lain, program bulanan yang dianjurkan oleh Jabatan Kemajuan Islam (JKI) CITU UiTM Cawangan Kelantan kampus Machang diadakan pada setiap bulan.

Terdapat banyak program pembangunan akhlak untuk mahasiswa, antaranya seperti Program Pemantapan Modal Insan (PPMI), tazkirah bulanan, penerbitan makalah Fikrahtul Nur yang diterbit setiap bulanan dan beberapa lagi program kerohanian.

Program Pemantapan Modal Insan (PPMI) sangat sesuai dilaksanakan kepada mahasiswa UiTM. Ini kerana modul yang digunakan dalam program ini sangat kolektif yang merangkumi aspek peneguhan akidah, pemerkasaan ibadah dan pemantapan akhlak. Program yang dikendalikan oleh staf UiTM ini, bertujuan untuk memberikan pendedahan awal kepada mahasiswa tentang asas-asas dalam Islam seperti aqidah, ibadah dan akhlak.

Pendekatan dakwah yang diguna pakai dalam program-program tersebut ialah menganjurkan program pembangunan akhlak mahasiswa dengan berhikmah, mengajak mahasiswa kepada sikap saling bekerjasama, hormat menghormati dan hubungan sosial yang sihat melalui Program Pemantapan Modal Insan (PPMI).

Menurut Ustaz Che Bakar bin Che Mat, pensyarah kanan CITU ketika ditemui di pejabat Pusat Islam CITU, berpendapat program pembangunan akhlak sangat penting kepada mahasiswa khususnya di UiTM. Ini kerana, berdasarkan kepada pengalamannya hampir 20 tahun sebagai pensyarah, beliau dapat mahasiswa yang berakhlaq mulia, kebiasaan mereka akan turut cemerlang dalam pelajarannya.³⁶⁸

Selain itu, beliau turut memberikan cadangan supaya penambahbaikan program CITU dilakukan dari masa ke semasa, bermula dengan sebelum sesuatu program diadakan, semasa program berlangsung dan selepas program diadakan. Dengan adanya *post-mortem* setiap kali selepas program, dapat membantu pihak CITU untuk membuat penambahbaikan pada masa yang akan datang. Pengedaran borang soal selidik setiap kali program dianjurkan juga sangat penting untuk mengukur tahap kejayaan program CITU.

³⁶⁸Che Bakar Che Mat (Pensyarah Kanan CITU, UiTM Kelantan Kampus Machang), dalam temu bual dengan penulis, 26 November 2012.

Penerbitan makalah Fikratul Nur adalah untuk edaran dalaman sahaja. Jika diteliti isi kandungannya banyak manfaat dan faedah yang dapat diperolehi. Makalah ini dipenuhi dengan isu semasa dalam kampus, percambahan minda dan informasi terkini yang sarat dengan maklumat semasa. Kolumnis majalah terdiri di kalangan staf CITU sendiri yang diketuai oleh Ketua CITU selaku Penasihat Majalah, Ustaz Husaini Ab Razab sebagai Pengurus Majalah, serta staf CITU sebagai panel penulis.

Manakala program Tahunan yang pernah dianjurkan adalah seperti Kursus Pra Perkahwinan, Kursus Pengurusan Jenazah, Forum Penghayatan Solat, Kursus Pemimpin Muda Versi Global, Kursus Imam Muda,, Kem Bina Insan, Advance Camp, Majlis Penyampaian Zakat Mahasiswa UiTM, solat hajat perdana di awal dan di akhir semester dan pelbagai lagi program yang lain.

Misalnya, Kursus Pra Perkahwinan diadakan bertujuan untuk menyediakan ruang kepada mahasiswa untuk membuat persediaan awal sebelum melangkah ke alam rumah tangga. Ianya juga dapat memberi peluang lebih awal dan kemudahan kepada mahasiswa untuk hadir dengan kadar yuran yang murah serta menjimatkan masa.

Kursus ini biasanya akan dianjurkan dengan kerjasama Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Kelantan (MAIK) dengan menjemput penceramah bertauliah untuk memberikan kursus selama dua hari. Di akhir kursus, semua peserta yang hadir dengan jayanya akan diberikan sijil menghadiri Kursus Pra Perkahwinan. Memandangkan sambutan yang luar biasa, kebiasaan dianjurkan sebanyak dua kali dalam setahun.

Antara lain, Kursus Pengurusan Jenazah dianjurkan sebagai memberi pendedahan awal kepada mahasiswa akan tanggungjawab mereka untuk menguruskan jenazah yang menjadi fardu kifayah kepada mahasiswa. Diharapkan dengan adanya kursus sebegini dapat memberikan gambaran yang sebenar akan kelebihan orang yang menguruskan jenazah. Apatah lagi, sekiranya mereka dapat menguruskan jenazah ayah dan ibu sendiri.

Apa yang menarik perhatian di sini, pihak CITU telah mewujudkan satu kumpulan yang dikenali *Skuad Pengurusan Jenazah*, di mana sekiranya berlaku kematian di kalangan staf atau mahasiswa UiTM, pihak UiTM akan menghantar mereka untuk menguruskan jenazah tersebut dengan memandikan jenazah, menunaikan solat jenazah, menghantar jenazah ke tanah perkuburan sehingga selesai pengkbumian.

Adapun, forum Penghayatan Solat diadakan berobjektifkan melahirkan mahasiswa yang dapat mendirikan ibadah solat dengan sempurna. Pihak CITU merasakan bahawa persoalan kesempurnaan dan khusyuk dalam solah adalah elemen terpenting dalam kehidupan manusia. Justeru, forum yang diadakan sedikit sebanyak dapat menambahkan kefahaman, membuka mata, mahasiswa untuk menjaga solat.

Program Advance Camp yang berbentuk perkhemahan dan aktiviti luar kampus diadakan bertujuan untuk melatih ketahanan fizikal dan mental mahasiswa serta memberikan pendedahan kepada mereka memikirkan kebesaran Allah SWT dan mentadabbur keunikan ciptaanNya.

Kursus Imam Muda juga diadakan bagi melatih mahasiswa dengan kriteria dan persiapan menjadi imam dan bilal. Kursus yang berobjektifkan untuk melahir pelapis imam dan bilal dalam kampus. Mereka yang dipilih dan dilatih dengan sempurna akan menjadi imam solat sunat tarawikh di surau kolej kediaman yang terpilih.

Manakala Kursus Pemimpin Muda Versi Global, menawarkan program ke arah melahirkan pemimpin Islam yang prolifik. Selain itu, kursus ini juga dapat memberikan pendedahan ciri-ciri kepimpinan kepada mahasiswa. Kursus ini juga dapat melatih mahasiswa untuk bersosial dalam masyarakat setempat.

Begitu juga, penganjuran Kem Bina Insan yang bertujuan untuk membina keyakinan dan keterampilan diri mahasiswa. Dengan adanya program seperti ini, diharapkan dapat melahirkan mahasiswa yang mempunyai jatidiri dan mampu untuk berhadapan dengan cabaran era globalisasi yang semakin mencabar pada hari ini.

Pendekatan dakwah yang dilaksanakan dalam program-program tersebut ialah dengan mengajak mahasiswa untuk bersifat simpati, amanah, jujur dan ikhlas yang ditunjukkan menerusi contoh dan teladan yang baik dan secara tidak langsung ianya dapat memberikan kesan yang positif dalam diri dari segi peningkatan terhadap kefahaman Islam, penghayatan di sebalik hikmah suruhan dan tegahan dalam Islam.

Bagi Program Berkala pula, kebiasaannya program yang ditawarkan kepada mahasiswa ialah program sempena menyambut Hari Kebesaran Islam Peringkat UiTM seperti Sambutan Maal Hijrah, Sambutan Malidiur Rasul, Sambutan Ihya Ramadhan dan sebagainya. Dalam pakej program sambutan Ihya Ramadhan terdapat program Forum dan ceramah Israk Mikraj, Nuzul Al-Quran dan Majilis Khatam al-Quran.

Majlis Sambutan Maal Hijrah diadakan antara tujuannya untuk memberikan kefahaman yang sahih dan meningkatkan kesedaran di kalangan mahasiswa tentang hikmah peristiwa Hijrah yang berlaku dalam Islam, seperti penghijrahan Nabi Muhammad SAW dari Mekah ke Madinah.

Sebagai manifestasi kecintaan kepada Nabi Muhammad SAW, pihak JKI CITU menganjurkan program Sambutan Maulidur Rasul pada setiap tahun. Antara objektifnya ialah untuk menyemaikan rasa kasih dan cinta kepada Rasulullah SAW. Di dalam program tersebut diadakan perarakan yang diiringi dengan selawat ke atas junjungan, Nabi Muhammad SAW.

Setiap tahun, kedatangan bulan Ramadhan al-Mubarak sangat dinanti-nanti oleh warga kampus. Pelbagai program menyambut kedatangan bulan yang agung ini dirancang dengan sebaik mungkin. Pakej program yang dikenali sebagai Ihya Ramadhan dipenuhi dengan pelbagai aktiviti kerohanian seperti tadarus al-Quran, iftar jama'ie, qiyamullail, dan sebagainya. Forum dan ceramah sempena peristiwa Israk Mikraj dan Nuzul al-Quran turut diadakan. Majlis Ramah Tamah Aidil Fitri.

Pendekatan dakwah yang diambil sempena menyambut hari Kebesaran Islam ialah memberikan penerangan yang berkesan tentang signifikan sambutan Hari Kebesaran Islam dan menganjurkan amalan tradisi tadarus al-Quran pada bulan Ramadhan secara baik. Selain itu, pada kebiasaan akan diadakan juga beberapa aktiviti tertentu seperti menganjurkan perarakan sambutan Maulid al-Rasul.

3.3.3 Kesimpulan

Kesimpulannya, sebagai salah sebuah institusi pengajian tinggi yang mempunyai bilangan mahasiswanya yang paling banyak cawangan di Malaysia, pihak UiTM berusaha sebaik mungkin untuk melahirkan generasi pelapis yang bakal menjadi pemimpin masa depan yang memberikan manfaat kepada agama, bangsa dan negara. UiTM melalui program Menuju Destini Anak Bangsa (MDAB) berusaha untuk membantu anak bangsa untuk mencapai kejayaan. Walau bagaimanapun, kejayaan yang dimaksudkan di sini, ialah kejayaan yang mengimbangi kejayaan hidup di dunia, apatah lagi kejayaan di akhirat kelak. Justeru, untuk merealisasikan hasrat ini, maka semua pihak perlu mengembelngkan tenaga, masa dan buah fikiran bersama-sama membantu membangunkan akhlak mahasiswa yang dijangka mencecah seramai 200,000 orang mahasiswa pada tahun 2015. Program CITU dapat dibahagikan kepada harian, mingguan, bulanan, tahunan dan berkala. Pihak CITU UiTM telah merancang pelbagai program pembangunan akhlak dengan cuba mengamalkan sepenuhnya pendekatan dakwah seperti yang disaraskan Allah dalam surah al Nahl : ayat 125 iaitu menyampaikan dakwah secara berhikmah, memberikan nasihat yang berkesan, menunjukkan contoh teladan yang baik dan memberikan penerangan yang berkesan.

3.4 PENDEKATAN DAKWAH CITU TERHADAP PEMBANGUNAN AKHLAK MAHASISWA

3.4.1 Pengenalan

Imām al-Ghazālī dalam kitabnya *Iḥyā ‘Ulūm al-dīn*, dakwah ialah satu perancangan/kurikulum lengkap dan merangkumi semua bidang ilmu yang diperlukan manusia.³⁶⁹ Dalam kitab *Thaqāfah al-Dā’ie*, Prof Dr Yūsuf al-Qarāḍāwī mendefinisikan dakwah, usaha untuk membawa orang lain kepada Islam mengikut petunjuk Islam.³⁷⁰

Adapun, Dr ‘Abd al-Karīm Zaydān dalam kitabnya, *Uṣūl al-Dakwah* pula melihat dakwah sebagai usaha yang dilakukan oleh seseorang/kumpulan melalui pendekatan yang tertentu untuk membawa kepada keredhaan Allah SWT.³⁷¹ Antara caranya untuk mewujudkan penerimaan, penghayatan, pemahaman, dan kepercayaan sasaran dakwah ialah disyaratkan mempunyai uslub atau manhaj yang baik. Manhaj yang baik datangnya daripada apa yang disebutnya *mawdu’ al-dakwah* (isi dakwah), *’isti’dad al-dai’ie* (persiapan para pendakwah), *al-mad’u* (kumpulan sasaran) dan *asalib* (pendekatan).³⁷²

Dakwah adalah satu seruan yang terancang, di mana boleh memberikan faedah kepada manusia. Dakwah juga disertakan uslub atau tatacara yang baik bagi mempengaruhi mad’u. Dalam konteks ini, CITU sebagai pendakwah atau pelaksana harus menggunakan pendekatan yang baik untuk mempengaruhi mad’u (mahasiswa). Ayat al-Quran yang menjadi asas terpenting dalam pendekatan dakwah dapat dilihat pada surah al-Nahl : ayat 125, surah Yusof : ayat 108, dan kelebihan bagi pendakwah yang ikhlas dalam surah al-Fussilat : ayat 33 dan surah Ali Imraan : ayat 104.

³⁶⁹ Al-Ghazālī, Abd. Ḥamīd Muḥammad, *Iḥyā ‘Ulūm al-Dīn*. 120.

³⁷⁰ Yūsuf al-Qarāḍāwī, *Thaqāfah al-Dā’ie* (t.t.t, t.t), 3.

³⁷¹ ‘Abd al-Karīm Zaydān, *Uṣūl al-Dakwah* (Kaherah : Al-Manar, 1999), 421.

³⁷² *Ibid.*

Asas Pendekatan Dakwah :

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْخَيْرَةِ
 وَجَنِدْلُهُمْ بِالْتِي هِيَ أَحْسَنُ^٢ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ
□ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهَتَّدِينَ^٣

Al-Nahl 16 : 125

Terjemahan : Serulah ke jalan Tuhanmu (Wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang Engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; Sesungguhnya Tuhanmu Dia laju yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalannya, dan Dia laju yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.

□ قُلْ هَذِهِ سَبِيلِي أَدْعُوا إِلَى اللَّهِ عَلَى بَصِيرَةٍ أَنَا وَمَنِ اتَّبَعَنِي
□ وَسُبْحَانَ اللَّهِ وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ^٤

Yusuf 12 : 108

Terjemahan : "Katakanlah (Wahai Muhammad): "Inilah jalanku, Aku dan orang-orang yang menurutku, menyeru manusia umumnya kepada agama Allah Dengan berdasarkan keterangan dan bukti yang jelas nyata. dan Aku menegaskan: Maha suci Allah (dari segala iktiqad dan perbuatan syirik); dan bukanlah Aku dari golongan memperseketukan Allah dengan sesuatu yang lain."

Kelebihan Pendakwah yang ikhlas

وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِّمَّنْ دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَالِحًا وَقَالَ □

إِنِّي مِنَ الْمُسْلِمِينَ

Al-Fussilat 41 :33

Terjemahan : Dan tidak ada yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada (mengesakan dan mematuhi perintah) Allah, serta ia sendiri mengerjakan amal yang soleh, sambil berkata: "Sesungguhnya Aku adalah dari orang-orang Islam (yang berserah bulat-bulat kepada Allah)!"

وَلْتَكُنْ مِّنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ

وَيَنْهَا عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ



Ali Imraan 3 : 104



Terjemahan : Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat Segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji) dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.

Menurut Prof Dr Ab Aziz Mohd Zin, dakwah ialah usaha membina potensi diri supaya layak menjadi khalifah. Dakwah juga adalah usaha untuk menarik, mendapatkan penerimaan, pemahaman dan kepercayaan kumpulan sasaran supaya diterima, difahami, dihayati dan dipercayai. Caranya ialah melalui uslub, manhaj atau pendekatan yang terdapat dalam al-Quran dan al-Hadith. Dakwah terbahagi kepada tiga iaitu mawdu', uslub dan wasilah. Adapun rukun dakwah pula ialah pendakwah, mad'u dan mawdu'.

Uslub menjadi syarat penting kepada dakwah di samping ikhlas kerana dakwah bukan sahaja menyampaikan tetapi melihat pengaplikasian kesan dan hasilnya.³⁷³

Justeru, memahami sasaran dakwah adalah sangat penting dan amat diperlukan, kerana seseorang pendakwah perlu mengetahui keperluan dan masalah untuk penyelesaian, mengetahui kesesuaian, tarikan dan pengaruh serta perlu tahu apa yang dapat mempengaruhi mad'u. Selain itu, seorang pendakwah itu perlu merawat sesuatu berdasarkan kepada penyakit yang terdapat di kalangan mad'u (mahasiswa). Dakwah perlu bermula dengan kenal pasti potensi mad'u.

Untuk memahami sasaran dakwah, pendakwah perlu menguasai terlebih dahulu fiqh strategi dakwah. Menurut Muḥammad Qutb, dalam kitabnya *Shubhāt Haul al-Islām*, menyatakan dakwah memerlukan strategi kerana untuk mencapai matlamat yang besar dan susah iaitu menegakkan kembali daulah Islamiyyah. Di samping itu, usaha dakwah yang berat serta halangan dakwah yang sentiasa sengit dan kuat. Unsur-unsur dalam strategi dakwah ialah unsur pada matlamat, unsur pada gerak kerja dan unsur pada isu iaitu Islam yang ingin disampaikan atau isu yang dipersembahkan.³⁷⁴

Ketiga-tiga unsur inilah yang menjadi asas pertimbangan utama pihak CITU sebelum sesuatu program pembangunan akhlak dilaksanakan terhadap mahasiswa UiTM Cawangan Kelantan kampus Machang. Unsur pada matlamat bermaksud perlu ada kejelasan ke mana dakwah yang hendak di bawa. Sebagai contoh, isu tentang dosa dan pahala seperti meninggalkan solat secara sengaja adalah haram dan berdosa.

Unsur pada gerak kerja bererti perlu ada jangka masa, aktiviti atau program pembangunan akhlak yang dianjurkan oleh CITU dibuat sesuai pada hari, masa dan tempat. Misalnya, CITU mestilah mencari hari yang sesuai iaitu sebelum musim peperiksaan, sesuai dengan masanya dibuat pada awal semester kerana pada waktu ini mahasiswa belum disibukkan dengan tugasannya kuliah, serta memilih tempat yang sesuai.

³⁷³Ab Aziz Mohd Zin (Profesor, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), dalam temu bual dengan penulis, 13 September 2011.

³⁷⁴Muhammad Qutb, *Syubhāt Haul al-Islām* (Kaherah : Dār al-Syurūq, 2004), 34.

Unsur pada isu iaitu Islam yang disampaikan dan isu yang dipersembahkan juga adalah sangat penting dalam usaha untuk menarik minat mahasiswa untuk menyertai sesuatu program. Pihak CITU perlu memilih penceramah yang pakar atau berpengalaman yang dapat menarik perhatian mahasiswa. Islam yang hendak disampaikan oleh penceramah juga mesti jelas dan sesuai dengan keadaan.

Dalam temu bual bersama Ustaz Roslan Mohamed, beliau ada menukilkan apa yang disebutkan oleh Shaykh Muṣṭafa Masyhūr dalam kitabnya, *Toriq Ila al-Dakwah* mengenai matlamat dakwah atau hala tuju dakwah antaranya ialah mengajak manusia menuju kesejahteraan iaitu mengeluar manusia daripada kekufuran kepada cahaya keimanan, mengembalikan fitrah manusia supaya berperanan sebagai khalifah di bumi, meningkatkan kefahaman dan penghayatan Islam supaya orang Islam ada kekuatan serta meninggikan kalimah Allah di muka bumi dan mendapat keredhaan Allah dan syurga.³⁷⁵

Menurut beliau lagi, Shaykh Muṣṭafa Masyhūr juga ada menyatakan tentang peranan dakwah dalam kitabnya yang berjudul : “*Fiqh al-Dakwah*”, di mana peranan asas dakwah ialah untuk membangunkan masyarakat dan negara yang diteraskan di atas pembangunan insan iaitu *islah* digunakan untuk Muslim. Adapun dakwah kepada Non Muslim antaranya adalah dengan memberi bantuan, bimbingan, meningkatkan kefahaman dan pengetahuan tentang Islam serta penghayatan mereka terhadap Islam.³⁷⁶

Menurut Prof Dr Ab Aziz Mohd Zin, dalam kitab “*Fiqh al-Dakwah ila Allah*” yang ditulis oleh Dr Alī ‘Abdul Halim Maḥmud, menegaskan bahawa terdapat juga beberapa kekeliruan di kalangan orang Islam sendiri dalam dakwah. Ini kerana mereka tidak memahami hakikat sebenar kesyumulan Islam. Justeru, pendakwah perlu

³⁷⁵Roslan Mohamed (Pensyarah Kanan, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), dalam temu bual dengan penulis, 22 September 2011.

³⁷⁶Ibid.

memahami asas penyampaian dakwah iaitu menyampaikan agama dengan jelas dan menyampaikan peringatan dan amaran dengan jelas lagi nyata.³⁷⁷

Beliau menambah lagi, dalam konteks dakwah, metodologi adalah sesuatu perkara yang penting. Mutu tinggi tapi sekiranya tidak kena gaya orang tidak akan terima dakwah yang disampaikan walaupun baik. Oleh itu, mempersempahkan gaya dakwah adalah penting. Misalnya, metode dakwah kepada orang Islam ialah pendakwah yang menarik dan berpengaruh, mawdu' yang sesuai, program pengisian yang terkesan, persempahan yang menarik, masa dan tempat yang sesuai.

Terdapat beberapa peringkat dalam dakwah iaitu mengenal pasti penyakit (*taskhis al-Da'i*), menentukan ubat (*ta'yin al-dakwah al'Iraj*) dan cara penggunaan ubat. Dakwah juga adalah kepimpinan. Secara analoginya, dakwah ibarat barang pemasaran seolah-olah seperti seorang peniaga. Umpama, sekiranya cara untuk memasarkan barang pasaran tidak betul maka jualan tersebut tidak akan laku atau mengalami kerugian.

3.4.2 PENDEKATAN DAKWAH CITU UiTM KELANTAN KAMPUS MACHANG

Menurut Ketua CITU UiTM Cawangan Kelantan kampus Machang, Ustaz Abu Sufian bin Ab. Ghani ketika ditemui di pejabat, beliau menjelaskan pada asasnya CITU menggunakan bentuk pendekatan dakwah yang terdapat pada metode dakwah yang disarankan oleh Allah seperti yang terdapat dalam surah al-Nahl, ayat 125. Namun CITU memberikan fokus kepada beberapa aspek utama dalam pendekatan dakwahnya.³⁷⁸

Antara aspek utama yang terdapat dalam pendekatan dakwah CITU ialah, sebelum sesuatu program pembangunan akhlak dilaksanakan, pihak CITU perlu mengenal pasti

³⁷⁷Ab.Aziz Mohd Zin (Profesor, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), dalam temu bual dengan penulis, 20 September 2011.

³⁷⁸Abu Sufian Ab Ghani (Ketua CITU, UiTM Kelantan Kampus Machang), dalam temu bual dengan penulis, 14 November 2012.

metode dakwah yang sesuai. Metode dakwah ialah perkara yang berhubung dengan cara penyampaian isu dalam Islam dan menghilangkan halangan penyampaian dakwah tersebut. Ianya bersumberkan al-Quran, al-sunnah, dan pengalaman dari keadaan sasaran.

Dalam kitab, *Uṣūl al-Dakwah*, Dr ‘Abd al-Karīm Zaydān menjelaskan bahawa pendakwah perlu mengenal pasti masalah sasaran dakwah. Ini kerana, dakwah itu bermula apabila pendakwah dapat mengenal pasti apakah penyakit dan ubatnya.³⁷⁹ Adapun Dr Fathī Yākan dalam kitabnya, *Māza Ya’ni iltima’i li al-Islam*, menyatakan pendakwah perlu tahu tahap pemikiran dan kefahaman *mad’unya*. Di samping itu, juga perlu studi apa masalah dan mencari penyelesaian.³⁸⁰

Metode dakwah yang digunakan juga adalah berlainan mengikut kesesuaian kelompok sasaran yang berbeza berdasarkan kepada masalah dan keadaan yang tertentu. Contohnya, jika sasaran dakwahnya mahasiswa maka sebagai pendakwah dan pelaksana program dakwah CITU harus menjurus kepada kecenderungan yang ada pada mahasiswa.

Selain itu, pihak CITU juga menyusun beberapa strategi dakwah. Ini kerana, kita sedia maklum bahawa kerja dakwah memerlukan strategi untuk mencapai matlamat yang besar dan susah, di samping amanah dakwah itu sendiri berat untuk dilaksanakan, dan tidak kurang juga halangan dakwah yang sentiasa sengit dan kuat dengan pelbagai tarikan serta rangsangan yang sentiasa menghambat keinginan mahasiswa khususnya.

Justeru, perlu ada tiga unsur utama dalam menyusun strategi dakwah CITU iaitu unsur matlamat, unsur pada gerak kerja dan unsur pada Isu dakwah dalam pembangunan akhlak mahasiswa UiTM cawangan Kelantan kampus Machang. Pertamanya, untuk memahami unsur pada matlamat, pihak CITU semestinya terlebih

³⁷⁹ Abd al-Karīm Zaydān, *Uṣūl al-Dakwah*, 421.

³⁸⁰ Fathī Yākan, *Māza Ya’ni iltima’i li al-Islam*, 40.

dahulu perlu ada kejelasan ke mana dakwah dalam konteks pembangunan akhlak hendak dibawa sebenarnya dan apakah halatujunya?.

Keduanya, unsur pada gerak kerja merangkumi beberapa perkara mesti ada perancangan yang tersusun sebelum sesuatu program pembangunan akhlak terhadap mahasiswa diadakan, menyusun gerak kerja secara teratur, ada jangka masa, aktiviti dan program yang sesuai dengan tahap sasaran dakwah. Program yang dirancang oleh CITU mestilah bersesuaian dengan masa, hari, tempat, dan memilih tajuk serta penceramah yang berpengalaman.

Ketiganya, unsur pada isu dakwah yang hendak disampaikan mesti jelas dan sesuai dengan keadaan. Unsur ini sangat penting kerana ianya dapat mengelak berlakunya kekeliruan orang Islam dalam dakwah dan mengelak berlakunya salah faham orang bukan Islam terhadap Islam, yang boleh berlaku dalam aqidah, syariah dan sebagainya. Pada kebiasaannya, salah faham ini berlaku pada isu syariat, isu keganasan, isu keadilan dan lain-lain isu.

Menurut Ustaz Roslan Mohammed, yang memetik kata-kata Sayyid Maulana Abū A'älā al-Mawdūdiyy dalam bukunya, “*Understanding of Islam*”, menjelaskan bahawa Islam adalah agama yang paling sering disalahtafsirkan. Salah faham ini menyebabkan keunggulan Islam sebagai agama tidak terserlah lagi. Ini menyebabkan orang bukan Islam tidak tertarik dan berminat untuk mendekati Islam dan memusuhiinya.³⁸¹

Antara salah faham tersebut ialah sangat banyak peraturan dalam Islam, banyak kongkongan dengan peraturan yang menyusahkan dan merasakan Islam adalah sama dengan agama-agama yang lain. Justeru, usaha untuk memperbetulkan semula salah faham ini mestilah dilakukan. Islam mesti kembali difahami dan dilaksanakan untuk berdepan dengan cabaran musuh-musuh Islam.

³⁸¹Roslan Mohamed (Pensyarah Kanan, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya), dalam temu bual dengan penulis, 29 September 2011.

Oleh itu, untuk mengelakkan perkara sedemikian berlaku di UiTM Cawangan Kelantan kampus Machang, maka pihak CITU cuba menterjemahkan asas-asas dalam metode dakwah antaranya memberikan penjelasan yang nyata dan jelas, berperingkat-peringkat, mudah, menjinakkan dan bersesuaian dengan keadaan sasaran. Di samping itu, CITU juga memberikan perhatian terhadap metode dakwah pada isi, pada gaya dan persempahan, pada strategi, serta untuk menarik perhatian sasaran.

Sasaran yang berbeza, memerlukan pendekatan juga berbeza. Pendekatan yang paling sesuai perlu digunakan iaitu pendekatan yang bersesuaian dengan mad'u. CITU perlu menggunakan cara atau kaedah yang sesuai daripada beberapa sudut antaranya dari sudut isi, saluran dan uslub atau dorongan. Dari sudut isi misalnya kepada orang Islam isi dakwah berupa tanggungjawab yang mesti ditonjolkan oleh setiap mahasiswa supaya mereka sedar akan tanggungjawab sebagai muslim.

Adapun dari sudut saluran terdapat tiga jenis media yang berpengaruh iaitu media lisan, media cetak dan media elektronik. Ianya juga dapat diperluaskan dalam bentuk penulisan berbentuk novel, cerpen, sajak dan sebagainya. Program kepada mahasiswa khususnya hendaklah diperbanyakkan seperti khidmat masyarakat, perkhemahan, ekspedisi kembara, sukan dan lain-lain. Aktiviti ini haruslah dijadikan aktiviti dakwah melalui penyelaras dengan unsur-unsur dakwah.

Dari sudut uslub atau dorongan pula, seseorang pendakwah tidak boleh bersikap kasar dan memburuk-burukkan sasaran agar tidak menimbulkan kemarahan dan rasa tersinggung. Ciri sesuatu uslub dakwah yang baik juga ialah tidak menolak sesuatu itu secara keseluruhan. Misalnya, uslub dakwah yang digunakan oleh Nabi Ibrahim kepada ayahnya supaya menurut ajaran Islam, mempunyai seni dialog dakwah yang tersendiri dan unik bersesuaian dengan keadaan semasa.

إِذْ قَالَ لَأَبِيهِ يَتَأَبَّتْ لَمْ تَعْبُدْ مَا لَا يَسْمَعُ وَلَا يُبَصِّرُ وَلَا

يُغْنِي عَنْك شَيْئًا

Maryam 19 : 42

Terjemahan : Ketika ia (Nabi Ibrahim) berkata kepada bapanya:"

Wahai ayahku, mengapa ayah menyembah benda yang tidak mendengar dan tidak melihat serta tidak dapat menolongmu sedikitpun?

Dalam surah Maryam, ayat 42, kita dapat melihat bagaimana manhaj dakwah Nabi Ibrahim terhadap ayahnya iaitu menasihati ayahnya dengan cara yang lemah lembut, menggunakan persoalan-persoalan yang dapat membuka minda, meletakkan kesamarataan pendakwah dengan mad'u, menyedarkan golongan sasaran, pendekatan memujuk dan memberi peringatan dan mendoakan sasaran dakwah.

3.4.3 Kesimpulan

Setiap organisasi Islam mempunyai pendekatan dakwah yang tertentu untuk menarik minat sasaran dakwahnya. Begitu juga dengan CITU UiTM, merasakan bahawa pendekatan dakwah yang terbaik untuk diterjemahkan kepada sasaran dakwahnya, iaitu mahasiswa. Ia jelas dapat dilihat seperti dalam surah al-Nahl : ayat 125. Namun, setiap program yang dianjurkan harus mengambil kira beberapa aspek penting seperti bentuk pendekatan yang sesuai untuk digunakan, memahami penyakit yang terdapat di kalangan sasaran dakwah dan ubat yang sesuai digunakan untuk mengubatinya. Selain itu, pemilihan penceramah yang berpengalaman juga sangat penting untuk menarik minat dan memilih tempat, masa, dan waktu yang bersesuaian. Justeru, CITU sebagai pendakwah atau pelaksana harus mempunyai gerak kerja yang tersusun dengan merancang program lebih awal dan secara tersusun supaya tidak

berlaku masalah pertindihan tempat dan peralatan. CITU juga harus mengetahui metode dakwah yang sesuai untuk digunakan, di samping menyusun strategi dalam dakwah. Terdapat tiga unsur utama dalam menyusun strategi dakwah CITU iaitu unsur pada matlamat, unsur pada gerak kerja dan unsur pada isu Islam yang hendak dibawa. Antara lain, sebagai pelaksana, CITU juga sedaya upaya cuba untuk mengelakkan penganjuran program dan aktiviti yang boleh menyumbang kepada berlakunya salah faham terhadap Islam. Untuk itu, sebelum melaksanakan sesuatu program, CITU akan mengenalpasti metode yang sesuai untuk digunakan, menggunakan pendekatan dakwah yang bersesuaian mengikut program dan tahap kefahaman sasaran dakwah. Antara metode dakwah yang digunakan ialah menjemput penceramah yang menarik dan berpengaruh, mawdu' yang sesuai, program pengisian yang terkesan, persembahan yang menarik, masa dan tempat yang sesuai.

3.5 MASALAH PELAKSANAAN PROGRAM DAKWAH CITU DALAM MEMBANGUNKAN AKHLAK MAHASISWA.

3.5.1 Pengenalan

Masalah kebejatan sosial dan keruntuhan akhlak yang berlaku di kalangan mahasiswa pada hari ini bukanlah sesuatu yang baru. Ia sebenarnya berlaku di mana-mana insitusi pengajian tinggi di dunia ini. Ini termasuklah apa yang berlaku di UiTM. Tetapi masalah akhlak yang berlaku di UiTM tidaklah terlalu serius, cuma ianya perlu kepada penambahbaikan yang sedia ada, di tahap sederhana baik kepada yang lebih baik.

Justeru, dengan kepercayaan pihak pengurusan tertinggi UiTM dan amanah yang dipertanggungjawabkan kepada CITU, maka pihak CITU telah berusaha sedaya yang mungkin memberikan khidmat nasihat dan bimbingan agama. Secara fitrahnya, semua aktiviti atau program dakwah yang dilaksanakan oleh mana-mana individu maupun organisasi Islam pasti mempunyai masalah yang tersendiri dalam melaksanakan

tuntutan dakwah. Masalah dalam berdakwah adalah lumrah. Malah, ramai ulama yang ikhlas berdakwah menyeru manusia kembali kepada Islam menyatakan bahawa, sekiranya tidak ada masalah, maka kerja-kerja dakwah masih belum berlaku.

Jika kita soroti sejarah dakwah Islam itu sendiri, kita dapat di dalam kisah-kisah sirah para Nabi dan Rasul dipenuhi dengan ranjau dan masalah dalam melaksanakan kerja dakwah. Kita lihat saja apa yang berlaku pada Rasulullah SAW ketika cuba menyampaikan dakwah mengajak manusia untuk kembali beriman dan bertaqwah kepada Allah. Pelbagai cercaan dan hinaan yang dilemparkan kepada Baginda SAW, tetapi Baginda seorang pendakwah yang hebat dan agung penuh dengan hikmah kebijaksanaan.

Prof Dr Ab. Aziz Mohd Zin dalam bukunya berjudul “*Pengantar Dakwah Islamiah*”, menyatakan terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada masalah-masalah dalam dakwah, antaranya ialah masalah pendakwah, masalah jentera dakwah, masalah sasaran dakwah dan masalah musuh dakwah. Musuh dakwah pula dapat dilihat dalam bentuk serangan dalaman dan serangan luaran.³⁸²

Menurut kaunselor di UiTM Cawangan Kelantan kampus Machang, Puan Zainab, beliau berpendapat masalah yang berlaku di kalangan mahasiswa UiTM, dilihatnya dari sudut yang lebih positif, di mana setiap masalah yang berlaku dianggap sebagai satu peluang kepadanya untuk mendekati dan cuba memahaminya sebelum beliau memberikan khidmat nasihat dan kaunseling kepada mereka.³⁸³

Bagi seorang lagi Kaunselor, Puan Azlina Che Pa, sebagai langkah pencegahan awal kepada merebaknya gejala yang tidak sihat di kalangan mahasiswa UiTM, Unit Bimbingan dan Kerjaya menyambut baik cetusan idea yang diberikan oleh Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar (HEP) UiTM Cawangan Kelantan kampus Machang untuk

³⁸²Ab. Aziz Mohd Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah*, 135-145.

³⁸³Che Azlina Che Pa (Kaunselor, UiTM Kelantan Kampus Machang) dalam temu bual dengan penulis, 28 November 2012.

menganjurkan program pencegahan awal untuk mencegah berlakunya masalah kecelaruan gender yang sedang hangat diperkatakan berlaku di beberapa universiti.³⁸⁴

Antara program pembangunan akhlak yang dianjurkan oleh HEP kepada mahasiswa baru seperti Program Motivasi bertajuk : *Remaja dan Seksualiti*, Program Pencegahaan Seks Bebas yang bertemakan : *Aku, Dia dan HIV*, serta *Program Power Up Yourself* bertujuan untuk memberikan keyakinan pada diri sendiri, Begitu juga dengan Program wajib universiti, Unit Latihan Pembangunan Kepimpinan Pelajar (ULPKP).

Unit Bimbingan dan Kerjaya UiTMCK mempunyai persatuan pelajarnya yang tersendiri lebih dikenali sebagai Persatuan PEERS iaitu Pembimbing Efektif Rakan Sebaya. Kewujudan persatuan ini juga sedikit sebanyak dapat membantu melicinkan perjalanan sesuatu program yang dianjurkan oleh pihak HEP. Antara aktiviti pelajar yang melibatkan kepentingan persatuan ini ialah program khidmat masyarakat anjuran ProStar.

Untuk menarik minat mahasiswa mengadiri program yang dianjurkan oleh HEP, terdapat beberapa pendekatan yang telah digunakan seperti menyediakan iklan dan pamphlet program yang menarik, mengadakan jamuan, mengadakan lawatan sambil belajar, menyediakan sijil kehadiran, dan memberi kupon kehadiran program sebagai salah satu syarat kelayakan permohonan untuk tinggal di kolej kediaman UiTMCK.

Bagi Tuan Haji Muhammad Shukri Salleh, Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar UiTM Cawangan Kelantan kampus Machang, selaku salah seorang ahli pengurusan tertinggi UiTM melihat, masalah yang berlaku di kampus adalah tanggungjawab semua

³⁸⁴Zainab (Kaunselor, UiTM Kelantan Kampus Machang), dalam temu bual dengan penulis, 28 November 2012.

staf kakitangan. Ianya tidak seharusnya diletakkan ke atas bahu HEP dan CITU sahaja, tetapi memerlukan kerjasama serta sikap prihatin semua pihak.³⁸⁵

Maka, pada hemat Pengkaji, untuk menyelesaikan masalah dakwah di UiTM Cawangan Kelantan kampus Machang khususnya, tidak dapat tidak, kita tidak ada pilihan lain, melainkan untuk kembali mencontohi pendekatan dakwah yang telah ditunjukkan oleh Nabi Muhammad SAW. Insya Allah, dengan adanya panduan yang telah digariskan dalam Islam, CITU dan pihak pengurusan UiTM berusaha untuk mengurangkan kadar masalah yang sedia ada walaupun bukan di tahap yang serius.

3.5.2 Masalah dakwah CITU dalam membangunkan akhlak mahasiswa

Dalam konteks masalah dakwah yang dihadapi oleh pihak CITU untuk membangunkan akhlak mahasiswa ianya dapat dilihat dari dua aspek yang utama iaitu masalah yang dihadapi oleh CITU sebagai pelaksana atau pendakwah dan masalah yang terdapat di kalangan mahasiswa sebagai sasaran dakwah. Pendakwah perlu studi terlebih dahulu apakah keperluan memahami sasaran dakwah dan realiti mereka, apa masalah dan penyakit mereka, apa kesukaan, kebencian, pantang larang dan bagaimana menarik serta mempengaruhinya.

Dakwah itu perlu bermula dengan mengenal pasti potensi mad'u. Antara faktor yang boleh membuatkan orang percaya ialah *Isbāt al-Risālah* (إثبات الرسالة), dan juga

dalam keadaan yang terdesak. Jika kita melihat kembali kepada peranan dakwah itu sendiri ialah membuktikan kepada semua manusia bahawa Islam satu-satunya cara hidup yang boleh memberikan keselamatan dan keharmonian kepada manusia sejagat.

Masalah yang dihadapi oleh pihak CITU dalam membangunkan akhlak mahasiswa dapat diketahui antaranya melalui pengedaran borang soal selidik, temu bual

³⁸⁵ Muhammad Shukri Salleh (Timbalan Rektor, Hal Ehwal Pelajar, UiTM Kelantan Kampus Machang), dalam temu bual dengan penulis, 28 November 2012.

bersama beberapa orang mahasiswa dan pemerhatian Pengkaji di UiTM Kelantan kampus Machang. CITU akui memang pihaknya berhadapan dengan beberapa masalah tetapi alhamdulillah dengan sokongan dan bantuan pihak pengurusan universiti masalah tersebut dapat diatasi.

CITU juga tidak terlepas daripada beberapa masalah dalam melaksanakan program dakwah terhadap mahasiswa. Antara masalah yang dapat dikenalpasti, ialah masalah kekangan masa dan tempat penganjuran program yang seringkali bertembung dengan program akademik. Selain itu, masalah pembatalan dan perubahan tempat di saat-saat akhir program menyukarkan pihak CITU mencari tempat baru.

Ada kalanya, CITU juga pernah berhadapan dengan masalah penceramah yang dijemput memaklumkan tidak dapat hadir di saat-saat akhir program yang bakal berlangsung. Justeru, untuk mencari pengganti penceramah yang baik dan berpengalaman bukanlah suatu perkara yang mudah. Untuk itu, sebagai langkah mengatasi masalah ini, CITU telah merancang untuk mencadangkan beberapa orang penceramah *back-up* sebagai persediaan mengganti penceramah yang tidak hadir.

Selain itu, antara kekangan dakwah yang dihadapi CITU adalah datangnya dari mahasiswa yang kurang berminat menghadiri program dakwah CITU. Oleh itu, pihak CITU perlu sentiasa berusaha memikirkan apakah pendekatan dakwah yang paling sesuai kepada mahasiswa untuk menarik minat mereka menghadiri program dakwah CITU. Pengkaji merasakan mungkin pihak CITU perlu lebih kreatif dalam hal ini.

3.5.3 Kesimpulan

Kesimpulannya, masalah keruntuhan akhlak di kalangan remaja terutamanya mereka yang bergelar mahasiswa bukanlah suatu fenomena yang baru, malah telah berlaku sejak sekian lama. Di Malaysia juga, masalah ini berlaku juga di institusi pengajian tinggi, tidak terkecuali juga masalah akhlak yang berlaku di UiTM, cuma ianya tidaklah terlalu serius, yang perlu kepada penambahbaikan yang sedia ada, di tahap sederhana baik kepada yang lebih baik. Faktor yang mendorong kepada berlakunya masalah akhlak di kalangan mahasiswa seperti pengaruh persekitaran keluarga yang negatif, iaitu ibu bapa mengabaikan tanggungjawab, kurang mendapat perhatian dan kasih sayang keluarga kerana Ibu bapa kesibukan dengan kerjaya masing-masing. Apapun, setiap program dakwah yang diadakan pastinya akan ada sedikit sebanyak masalah. Ianya sesuai dengan fitrah jalan dakwah yang dilakui oleh junjungan besar Nabi Muhammad SAW yang menghadapi pelbagai halangan, cabaran dalam menyampaikan kebenaran Islam. Cuma, apa yang ingin diketengahkan di sini, masalah yang berlaku seharusnya kita sebagai pendakwah perlu merujuk kembali kepada al-Quran dan al-Sunnah.

KESIMPULAN

Dalam bab ini, telah dijelaskan serba sedikit tentang latar belakang, sejarah penubuhan dan maklumat korporat Universiti Teknologi MARA (UiTM) secara umumnya, dan UiTM Cawangan Kelantan kampus Machang secara khususnya. Begitu juga dengan sejarah pendidikan Islam di UiTM bermula dengan Pusat Pendidikan Islam (PPI), dan diikuti dengan CITU hasil gabungan antara akademik dan bukan akademik. CITU yang berpusat di UiTM Shah Alam telah diberikan kepercayaan oleh pihak universiti untuk memperkasakan akhlak mahasiswa di seluruh sistem UiTM termasuk di Sabah dan Sarawak. Selain itu juga, menyentuh tentang peranan CITU di UiTM Cawangan Kelantan kampus Machang secara khususnya. CITU yang mempunyai dua jabatan di bawahnya iaitu Jabatan Pendidikan dan Tamadun Islam (JPIT) dan Jabatan Kemajuan Islam (JKI) mempunyai peranan masing-masing. Dakwah CITU pula boleh dibahagi kepada dua iaitu dakwah melalui akademik yang dilaksanakan oleh pensyarah CITU dan dakwah menerusi program pembangunan akhlak yang dianjurkan oleh Jabatan Kemajuan Islam (JKI). Pelbagai program pembangunan akhlak telah dilaksanakan oleh pihak CITU dengan kerjasama pihak HEP. Setiap program yang diadakan mempunyai pendekatan tersendiri bagi menarik minat sasaran dakwah yang terdiri di kalangan mahasiswa UiTM. Namun, tidak dinafikan bahawa, masalah akhlak berlaku di mana-mana insititusi pengajian tinggi di dunia ini dan setiap sesuatu program yang diadakan, secara lumrahnya akan berhadapan dengan masalah. Semua pihak perlu memainkan peranan mereka masing-masing untuk bersama-sama membantu membangunkan akhlak mahasiswa dari akhlak yang kurang baik kepada baik, dari akhlak yang baik kepada yang lebih baik dan dari lebih baik kepada yang terbaik.

BAB 4 :

ANALISIS KAJIAN

4.1 HASIL KAJIAN.

4.1.1 Pengenalan.

Dalam kajian ini, Pengkaji telah membuat tinjauan terhadap beberapa aspek yang menyumbang kepada pembangunan akhlak mahasiswa di UiTM Kelantan kampus Machang berpandukan kepada objektif kajian yang telah digariskan. Ini kerana fokus utama kajian ini adalah untuk mencapai objektif kajian.

Selain itu, Pengkaji juga merangka beberapa soal selidik berkaitan tiga pendekatan dakwah CITU terhadap mahasiswa. Pendekatan dakwah yang digunakan oleh CITU adalah berdasarkan kepada metode pendekatan dakwah yang ditentukan dalam Islam. Tujuan soal selidik ini dibuat adalah untuk mengenal pasti pendekatan dakwah manakah yang menjadi pilihan utama mahasiswa. Pendekatan dakwah yang mempunyai kekerapan tertinggi menunjukkan bahawa pendekatan tersebut menjadi pilihan utama.

Begitu juga, untuk mengetahui signifikan program dakwah CITU kepada mahasiswa dan masalah yang dihadapi, Pengkaji telah membuat soal selidik mengenai masalah yang dialami oleh mahasiswa sebelum, semasa dan selepas program dakwah CITU diadakan. Tujuan soal selidik ini adalah untuk mengetahui masalah dalam pelaksanaan program dakwah tersebut. Dengan mengenal pasti punca masalah ini, maka pihak CITU boleh membuat penambahbaikan dari masa ke semasa.

Responden dalam kajian ini terdiri dari kalangan mahasiswa UiTM Kelantan kampus Machang yang mengikuti pengajian diploma sepenuh masa sehingga kemasukan Semester 1, sesi September 2012/2013. Untuk mengetahui maklumbalas responden terhadap pendekatan dakwah CITU, sebanyak 400 set borang soal selidik telah diedarkan, tetapi hanya 380 set borang sahaja yang lengkap diisi dengan sempurna. Sampel dalam kajian ini dipilih secara rawak berdasarkan peratusan

anggaran atau bilangan secara tepat kes, terdiri daripada mahasiswa yang menyertai program dakwah CITU dari 2010-2012.

Sebelum analisis kajian dibuat, Pengkaji telah menggunakan perisian *Sample Saiz Calculator by Raosoft*, untuk mendapatkan jumlah sebenar sample saiz kajian, di mana mengikut perisian ini, didapati seramai 362 orang daripada 6020 orang telah terpilih untuk mendapatkan bilangan sample kajian yang sepatutnya. Jumlah populasi seramai 6020 orang diperolehi dari Bahagian Akademik UiTM, ketika kajian sedang dijalankan.

Setelah merujuk dan mendapatkan nasihat dari beberapa orang pensyarah Fakulti Sains Komputer & Matematik UiTM Kelantan, mereka berpendapat bahawa objektif kajian dalam penyelidikan ini dapat dicapai dengan hanya menggunakan analisis komparatif dan analisis statistik deskriptif yang menunjukkan peratusan, kekerapan dan min. Oleh itu, Pengkaji merasakan sudah memadai menganalisis dengan menggunakan metode analisis komparatif dan analisis statistik deskriptif.³⁸⁶

Mereka berpandangan, berdasarkan kepada objektif kajian yang ditetapkan, didapati kajian ini tidak perlu kepada analisis berbentuk inferensi kerana dalam objektif kajian tidak menunjukkan sebarang perkaitan antara sesuatu hubungan yang perlu diuji dengan ujian seperti ANOVA, T-Test, Chi Square Test dan sebagainya. Penggunaan Skala Likert dalam soal selidik juga telah menghadkan kaedah analisis inferensi untuk digunakan.

³⁸⁶Analisis Statistik Deskriptif adalah satu angka tunggal yang boleh digunakan untuk memperihalkan sesuatu taburan data atau nilai-nilai pengamatan. Statistik-statistik deskriptif yang lazimnya digunakan untuk analisis data adalah sukatan kecenderungan tengah (atau sukatan lokasi) dan sukatan serakan (atau sebaran). Lihat Azhar Harun & Nawi Abdullah, *Metodologi Penyelidikan Ekonomi dan Sains Sosial*, 82.

4.1.2 ANALISIS KAJIAN.

Pendahuluan.

Sebelum borang soal selidik diedarkan, untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan borang soal selidik, Pengkaji telah melakukan ujian rintis (*pilot test*) kepada 30 orang mahasiswa di UiTM Kelantan kampus Kota Bharu. Kemudian barulah diedarkan borang soal selidik sebenar.

Untuk menyemak kebolehpercayaan skala pada borang soal selidik, Pengkaji telah menguji menggunakan prosedur *Cronbach Alpha* dengan memperolehi nilai skala 0.925 pada Bahagian B, nilai skala 0.976 pada Bahagian C dan nilai skala 0.952 pada Bahagian D. Justeru, ketiga-tiga nilai tersebut adalah tinggi dan boleh diterima pakai dalam kajian.

Dalam kajian ini, hanya dua bentuk analisis digunakan iaitu analisis komparatif yang bertujuan untuk membuat perbandingan antara kekerapan tertinggi skala Pernah dengan Tidak Pernah dan skala Setuju dengan Tidak Setuju. Begitu juga dengan analisis statistik deskriptif yang menunjukkan nilai kekerapan, peratusan dan min.

Analisis demografi responden terdiri daripada beberapa perkara seperti maklumat latar belakang responden iaitu jantina, umur, pendidikan menengah, program diploma, semester pengajian dan sosio ekonomi penjaga/ayah seperti pekerjaan ayah/penjaga, pendapatan gaji bulanan dan asal tempat tinggal. Pengkaji menggunakan analisis statistik deskriptif yang memaparkan kekerapan, peratusan dan min.

Bagi mengenal pasti penerimaan responden terhadap pendekatan dakwah CITU, terdapat beberapa kaedah digunakan antaranya dengan melihat kepada frekuensi kekerapan dan peratus tertinggi penerimaan mereka terhadap program yang diajurkan oleh CITU, di samping menjelaskan pendekatan dakwah yang menjadi pilihan utama serta memahami masalah yang dihadapi.

4.2 ANALISIS DEMOGRAFI RESPONDEN : BAHAGIAN A.

(a) Hasil Dapatan.

4.2.1 : Taburan Responden Mengikut Jantina.

Jadual 4.2.1 (A) : Ringkasan Taburan Responden Mengikut Jantina.


JANTINA		FREKUANSI	PERATUS	MIN	SISIHAN PIAWAI
Jantina	Lelaki	141	39.0	1.61	0.488
	Perempuan	221	61.0		
	JUMLAH	362	100.0		

Jadual 4.2.1 (B) : Laporan Descriptive Statistics Jantina Responden.

Descriptive Statistics

	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
Jantina	362	1	2	1.61	.488
Valid N (listwise)	362				

Rajah 4.2.1 : Taburan Responden Mengikut Jantina



Jadual 4.2.1 (A)+(B) dan Rajah 4.2.1 di atas memberikan gambaran umur responden yang terdiri daripada mahasiswa UiTM Kelantan kampus Machang sehingga sesi kemasukan September 2012/2013, yang mengikuti pengajian secara sepenuh masa di peringkat diploma adalah seramai 6020 orang. Sample kajian yang terpilih adalah 362 orang. Maklumat daripada 362 orang responden (N) menunjukkan seramai 141 orang

lelaki (39%), dan seramai 221 perempuan (69%). Nilai Min bagi Jantina ialah 1.61 dan sisihan piawai ialah 0.488. Lihat Jadual 4.2.1 (A)+(B) dan Rajah 4.2.1 di atas.

4.2.2. : Taburan Responden Mengikut Umur.

Jadual 4.2.2 (A) : Ringkasan Taburan Responden Mengikut Umur.


UMUR	FREKUANSI	PERATUS	MIN	SISIHAN PIAWAI
Umur	18-20 tahun	321	88.7	1.12
	21-23 tahun	37	10.2	
	24-26 tahun	4	1.1	
	JUMLAH	362	100.0	

Jadual 4.2.2 (B) : Laporan Descriptive Statistics Umur Responden.

Descriptive Statistics

	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
Umur	362	1	3	1.12	.362
Valid N (listwise)	362				

Rajah 4.2.2 : Taburan Responden Mengikut Umur.



Jadual 4.2.2 (A)+(B) dan Rajah 4.2.2 di atas memaparkan responden yang berumur antara 18-20 tahun adalah seramai 321 orang (88.7%), berumur antara 21-23 tahun

adalah seramai 37 orang (10.2%) dan berumur 24-26 tahun adalah seramai 4 orang (1.1%) dengan purata umur ialah pada skala 1.12 iaitu antara 18-20 tahun dengan Sisihan Piawai ialah 0.362. Lihat Jadual 4.2.2 (A)+(B) dan Rajah 4.2.2 di atas.

4.2.3. : Taburan Responden Mengikut Latar Belakang Pendidikan Menengah.

Jadual 4.2.3 (A) : Ringkasan Taburan Responden Mengikut Pendidikan Menengah.


SEKOLAH MENENGAH	FREKUANSI	PERATUS	MIN	SISIHAN PIAWAI
Sekolah Menengah				
Sekolah Berasrama Penuh/Integrasi/SM Sains/MRSM	25	6.9	3.00	0.870
Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA)/SMA/SMU	35	9.7		
Sekolah Menengah Kebangsaan	245	67.7		
Sekolah Menengah Harian	30	8.3		
Lain-Lain	27	7.5		
JUMLAH	362	100.0		

Jadual 4.2.3 (B) : Laporan Descriptive Statistics Pendidikan Menengah Responden.

Descriptive Statistics

	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
Pendidikan_Menengah	362	1	5	3.00	.870
Valid N (listwise)	362				

Rajah 4.2.3 : Taburan Responden Mengikut Pendidikan Menengah



Jadual 4.2.3 (A)+(B) dan Rajah 4.2.3 di atas menjelaskan tentang responden yang mendapat pendidikan menengah di Sekolah Berasrama Penuh/Integrasi/SM Sains/MRSM seramai 25 orang (6.9%), di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA)/SMA seramai 35 orang (9.7%), di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) seramai 245 orang (67.7%) dan di Sekolah Menengah Harian seramai 30 orang (8.3%). Adapun responden yang mendapat pendidikan menengah di lain-lain sekolah menengah seperti Sekolah Menengah Teknik seramai 27 orang (7.5%). Min Pendidikan Menengah ialah 3.00 dan Sisihan Piawai ialah 0.870. Lihat Jadual 4.2.3 (A)+(B) dan Rajah 4.2.3.

4.2.4. : Taburan Responden Mengikut Pekerjaan Ayah/Penjaga.

Jadual 4.2.4 (A): Ringkasan Taburan Responden Mengikut

PekerjaanAyah/Penjaga


	PEKERJAAN AYAH/PENJAGA	FREKUANSI	PERATUS	MIN	SISIHAN PIAWAI
Pekerjaan Ayah/Penjaga	Profesional Pendidikan Pegawai Kerajaan Anggota	7 24 42	1.9 6.6 11.6	5.49	2.141

Keselamatan Negara	23	6.4		
Bekerja Sendiri/Kerja Swasta	116	32.0		
Usahawan/Peniaga	30	8.3		
Kerja Kampung	64	17.7		
Kemahiran Teknikal	11	3.0		
Pesara Kerajaan	32	8.8		
Lain-Lain	13	3.6		
JUMLAH	362	100.0		

Jadual 4.2.4 (B) : Laporan Descriptive Statistics Pekerjaan Ayah/Penjaga Responden

Descriptive Statistics					
	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
Pekerjaan_AyahPenjaga	362	1	10	5.49	2.141
Valid N (listwise)	362				

Rajah 4.2.4 : Taburan Responden Mengikut Pekerjaan Ayah/Penjaga.



Jadual 4.2.4 (A)+(B) dan Rajah 4.2.4 di atas menyatakan bilangan latar belakang pekerjaan ayah/penjaga sebagai kerjaya dalam bidang profesional (Doktor, Doktor Gigi, Peguam, Jurutera, Akauntan, Arkitek, Hakim) seramai 7 orang (1.9 %), kerjaya dalam bidang Pendidikan (Pensyarah/Ustaz/Guru/Pendidik) seramai 24 orang (6.6%), kerjaya sebagai Pegawai Kerajaan (Pengurusan&Pentadbiran) seramai 42 orang (11.6%), bekerja sebagai Anggota Keselamatan Negara (Tentera/Polis/Pengawal Keselamatan) seramai 23 orang (6.4%), Bekerja Sendiri / Kerja Swasta seramai 116 orang (32.0%), kerja sebagai Usahawan / Peniaga seramai 30 orang (8.3%), membuat kerja Kampung (Petani/Nelayan/Tukang Rumah) seramai 64 orang (17.7%), bekerja dalam Kemahiran Teknikal (Mekanik/Teknikal/Buruh Binaan) seramai 11 orang (3.0 %), sebagai Pesara Kerajaan seramai 32 orang (8.8 %) dan lain-lain pekerjaan seramai 13 orang (3.6%). Nilai Min bagi Pekerjaan Ayah/Penjaga ialah 5.49 dan Sisihan Piawai ialah 2.141. Lihat Jadual 4.2.4 (A)+(B) dan Rajah 4.2.4 di atas.

4.2.5. : Taburan Responden Mengikut Pendapatan Gaji Bulanan Ayah/Penjaga.

Jadual 4.2.5 (A): Ringkasan Taburan Responden Mengikut Pendapatan Gaji Bulanan Ayah /Penjaga


PENDAPATAN BULANAN	FREKUANSI	PERATUS	MIN	SISIHAN PIAWAI
Pendapatan Gaji Bulanan				
RM 5,000 ke atas	23	6.4	4.62	1.509
RM 4,000- RM 4,999	16	4.4		
RM 3,000- RM 3,999	41	11.3		
RM 2,000- RM2,999	52	14.4		
RM 1,000- RM 1,999	101	27.9		
RM 999 ke bawah	123	34.0		
Lain-Lain	6	1.7		
JUMLAH	362	100.0		

Jadual 4.2.5 (B) : Laporan Descriptive Statistics Pendapatan Gaji Bulanan Ayah/Penjaga

Descriptive Statistics

	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
Pendapatan_GajiBulanan	362	1	7	4.62	1.509
Valid N (listwise)	362				

Rajah 4.2.5 : Taburan Responden Mengikut Pendapatan Gaji Bulanan



Jadual 4.2.5 (A)+(B) dan Rajah 4.2.5 di atas menyatakan bahawa Ayah/Penjaga responden yang berpendapatan gaji bulanan kurang daripada RM999 ke bawah seramai 123 orang (34.0 %), Pendapatan RM1,000-RM1,999 seramai 101 orang (27.9%), Pendapatan RM2,000-RM2,999 seramai 52 orang (14.4%), Pendapatan RM3,000-RM3,999 seramai 41 orang (11.3%), Pendapatan RM4,000-RM4,999 seramai 16 orang (4.4%), dan Pendapatan RM5,000 ke atas seramai 23 orang (6.4%). Lain-Lain seramai 6 orang (1.7%). Lihat Jadual 4.2.5 (A)+(B) dan Rajah 4.2.5 di atas.

4.2.6. : Taburan Responden Mengikut Asal Tempat Tinggal.

Jadual 4.2.6 (A): Ringkasan Taburan Responden Mengikut Asal Tempat Tinggal


ASAL TEMPAT TINGGAL	FREKUANSI	PERATUS	MIN	SISIHAN PIAWAI
Asal Tempat Tinggal	Kota Metropolitan	12	3.3	3.89
	Bandaraya	21	5.8	
	Bandar	129	35.6	
	Pinggir Bandar	39	10.8	
	Kampung	154	42.5	
	Pedalaman	7	1.9	
JUMLAH		362	100.0	

Jadual 4.2.6 (B) : Laporan Descriptive Statistics Asal Tempat Tinggal

Descriptive Statistics

	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
Asal_TempatTinggal	362	1	6	3.89	1.175
Valid N (listwise)	362				

Rajah 4.2.6 : Taburan Responden Mengikut Asal Tempat Tinggal.



Jadual 4.2.6 (A)+(B) dan Rajah 4.2.6 adalah responden yang mendiami tempat tinggal berasal dari Kota Metropolitan seramai 12 orang (3.3%), yang mendiami tempat tinggal di Bandaraya seramai 21 orang (5.8%), mereka yang mendiami di kawasan bandar seramai 129 orang (35.6%) dan tinggal di pinggir bandar seramai 39 orang (10.8%). Kebanyakan mereka adalah yang berasal dalam kampung seramai 154 orang (42.5%). Mereka yang berasal dari pedalaman seramai 7 orang (1.9%). Lihat Jadual 4.2.6 (A)+(B) dan Rajah 4.2.6 di atas.

4.2.7. : Taburan Responden Mengikut Program Diploma.

Jadual 4.2.7 (A) :Ringkasan Taburan Responden Mengikut Program Diploma


	PROGRAM DIPLOMA	FREKUANSI	PERATUS	MIN	SISIHAN PIAWAI
Program Diploma	AC110- Diploma Perakaunan AD113- Diploma Seni Lukis & Seni Reka (Seni Logam Halus) AD118- Diploma Seni Lukis & Seni Reka (Seni Halus) AM110- Diploma Pentadbiran Awam BM111- Diploma Pengajian Perniagaan	39	10.8	5.82	2.759
	BM112- Diploma Pengurusan Bank	46	12.7		
	IS110- Diploma Pengurusan Maklumat	38	10.5		
	CS 110- Diploma Sains	55	15.2		
		23	6.4		
		17	4.7		
		87	24.0		
		29	8.0		

Komputer			
CS111-			
Diploma Statistik	18	5.0	
CS113-	10	2.8	
Diploma Sains			
Kuantitatif			
JUMLAH	362	100.0	

Jadual 4.2.7 (B) : Laporan Descriptive Statistics Program Diploma.

Descriptive Statistics					
	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
Program_Diploma	362	1	11	5.82	2.759
Valid N (listwise)	362				

Rajah 4.2.7 : Taburan Responden Mengikut Program Diploma.



Jadual 4.2.7 (A)+(B) dan Rajah 4.2.7 memperlihatkan pecahan responden mengikut Program Diploma sepenuh masa, AC110-Diploma Perakaunan seramai 39 orang (10.8%), AD113- Diploma Seni Lukis & Seni Reka (Seni Logam Halus) seramai 46 orang (12.7%), AD118-Diploma Seni Lukis & Seni Reka (Seni Halus) seramai 38 orang (10.5%), AM110-Diploma Pentadbiran Awam seramai 55 orang (15.2%), BM111-Diploma Pengajian Perniagaan seramai 23 orang (6.4%), BM112-Diploma Pengurusan Bank seramai 17 orang (4.7%), IS110-Diploma Pengurusan Maklumat seramai 87 orang (24.0%), CS110-Diploma Sains Komputer seramai 29 orang (8.0%), CS111-Diploma Statistik seramai 30 orang (5.0%), dan CS113-Diploma Sains Kuantitatif seramai 18 orang (2.8%).

seramai 38 orang (10.5%), AM110-Diploma Pentadbiran Awam seramai 55 orang (15.2%), BM111-Diploma Pengajian Perniagaan seramai 23 orang (6.4%), BM112-Diploma Pengurusan Bank seramai 17 orang (4.7%), IS110-Diploma Pengurusan Maklumat seramai 87 orang (24%), CS110-Diploma Sains Komputer seramai 29 orang (8.0%), CS111-Diploma Statistik seramai 18 orang (5%), dan Diploma Sains Kuantitatif seramai 10 orang (2.8%). Lihat Jadual 4.2.7 (A)+(B) dan Rajah 4.2.7 di atas.

4.2.8. : Taburan Responden Mengikut Semester Pengajian.

Jadual 4.2.8 (A) : Ringkasan Taburan Responden Mengikut Semester Pengajian


	SEMESTER PENGAJIAN	FREKUANSI	PERATUS	MIN	SISIHAN PIAWAI
Semester Pengajian	Semester 1	77	21.3	5.82	2.759
	Semester 2	62	17.1		
	Semester 3	94	26.0		
	Semester 4	23	6.4		
	Semester 5	96	26.5		
	Semester 6	8	2.2		
	Semester 7	2	0.6		
	JUMLAH	362	100.0		

Jadual 4.2.8 (B) : Laporan Descriptive Statistics Semester Pengajian

Descriptive Statistics

	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
Sem_Pengajian	362	1	7	3.09	1.560
Valid N (listwise)	362				

Rajah 4.2.8 : Taburan Responden Mengikut Semester Pengajian.



Jadual 4.2.8 (A)+(B) dan Rajah 4.2.8 menunjukkan responden terdiri daripada mahasiswa pengajian Diploma sehingga sesi kemasukan Semester 1, Sesi September 2012/2013 mengikut pengajian semester. Bagi mahasiswa semester 1 seramai 77 orang (21.3%), semeseter 2 seramai 62 orang (17.1%), semester 3 seramai 94 orang (26%), semester 4 seramai 23 orang (6.4%), semester 5 seramai 96 orang (26.5%), semester 6 seramai 8 orang (2.2%) dan semester 7 seramai 2 orang (0.06%). Lihat Jadual 4.2.8 (A)+(b) dan Rajah 4.2.8 di atas.

(b) Kesimpulan

Bahagian A merupakan demografi profil responden yang memaparkan jantina, umur, latar belakang pendidikan sekolah menengah, pekerjaan ayah/penjaga, pendapatan gaji bulanan, asal tempat tinggal, kursus pengajian Diploma dan semester pengajian. Antara tujuannya adalah untuk mengetahui latar belakang responden yang terpilih daripada jumlah asal populasi mahasiswa UiTM Kelantan kampus Machang Kelantan yang mengikut pengajian Diploma secara sepenuh masa sehingga kemasukan

Semester 1, sesi September 2012/2013 seramai 6020 orang, dan bilangan sample saiz kajian yang diperlukan hanya seramai 362 orang. Jumlah sample saiz kajian ini ditentukan menggunakan kaedah perisian *Sample Saiz Calculator by Raosoft*. Tujuan analisis dibuat pada Bahagian A, adalah untuk mengetahui beberapa isu dalam kajian seperti jantina, latar belakang pendidikan. Responden yang terpilih adalah seramai 362 daripada jumlah asal populasi seramai 6020 orang mahasiswa UiTM Kelantan kampus Machang. (Sumber bilangan mahasiswa diperolehi dari Puan Kamarul Hayati, Bahagian Hal Ehwal Akademik UiTM Kelantan kampus Machang). Setelah merujuk dan mendapat bimbingan dari beberapa orang pensyarah Fakulti Sains Komputer dan Matematik UiTM Kelantan, Pengkaji mula mengedarkan borang soal selidik sebenar kepada responden. Dalam kajian ini, hanya dua jenis analisis yang digunakan iaitu analisis komparatif yang bertujuan untuk membuat perbandingan antara kekerapan tertinggi skala Pernah dengan Tidak Pernah dan skala Setuju dengan Tidak Setuju. Begitu juga dengan analisis statistik deskriptif yang menunjukkan nilai kekerapan, peratus dan min.

Analisis dimulakan terhadap jantina menunjukkan, responden terdiri daripada 141 orang lelaki (39%) dan 221 orang perempuan (61%). Umur responden antara 18 tahun sehingga 26 tahun, majoritinya adalah berumur antara 18-20 tahun seramai 321 orang dengan peratusan tertinggi, 88.7%. Dari segi latar belakang pendidikan menengah, majoritinya mendapat pendidikan menengah di Sekolah Menengah Kebaangsaan (SMK) seramai 245 orang (67.7%). Dari aspek sosio-ekonomi dapat dilihat kepada taburan pekerjaan ayah/penjaga yang menunjukkan kebanyakannya ayah/penjaga responden bekerja sendiri/kerja swasta seramai 116 orang (32.0%) dengan pendapatan gaji bulanan kebanyakannya kurang daripada RM999 ke bawah seramai 123 orang (34.0 %) dan asal tempat tinggal rata-ratanya adalah yang berasal dalam kampung seramai 154 orang (42.5%). Adapun dari 13 jenis kursus pengajian Diploma yang ditawarkan, majoriti

responden terdiri daripada mahasiswa Diploma Pengurusan Maklumat seramai 87 orang (24%), dan kita dapat melihat bahawa kebanyakan responden adalah mahasiswa semester 5 seramai 96 orang (26.5%). Dengan adanya maklumat tentang latar belakang profil, sedikit sebanyak dapat mempengaruhi maklumbalas yang diberikan responden mengenai penerimaan mahasiswa terhadap pendekatan dakwah CITU dan signifikan program dakwah CITU kepada usaha untuk membangunkan akhlak mahasiswa. Secara keseluruhannya, didapati kebanyakan responden adalah terdiri dari kalangan mahasiswa yang mendapat pendidikan menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK). Kebanyakan ayah/penjaga mereka bekerja sendiri dengan pendapatan gaji bulanan sekitar RM999 ke bawah yang tinggal di kampung. Mereka majoritinya merupakan mahasiswa Diploma Pengurusan Maklumat semester 5.

4.3 ANALISIS PENERIMAAN MAHASISWA TERHADAP PROGRAM DAKWAH CITU : BAHAGIAN B

(a) Hasil Dapatkan.

Untuk memahami pendekatan dakwah dalam pembangunan akhlak terhadap mahasiswa, pihak CITU telah merancang pelbagai aktiviti kerohanian atau program dakwah kepada mahasiswa. Aktiviti atau program yang dianjurkan tersebut bertujuan untuk membentuk keperibadian mulia dan membangunkan potensi akhlak yang sedia ada pada mahasiswa seperti mana yang telah digariskan dalam Islam.

Justeru, Pengkaji merasakan bahawa elemen terpenting dalam analisis ini adalah dengan melihat penerimaan mahasiswa terhadap program dakwah anjuran CITU. Ianya dapat dilihat dengan membuat analisis terhadap program dakwah manakah yang menjadi pilihan responden berdasarkan maklumbalas mereka dalam borang soal selidik yang diedarkan.

Selain itu, untuk menyemak kebolehpercayaan instrumen, Pengkaji mengujinya dengan menggunakan prosedur *Cronbach Alpha coefficient* dan nilai skala yang

diperolehi berada pada paras 0.925. Ini menunjukkan kebolehpercayaan yang tinggi kerana nilai skala yang diperolehi mestilah berada pada paras 0.7 dan ke atas, nilai maksima ujian ini adalah 1.

Pada kebiasaananya ujian *Cronbach Alpha coefficient* ini diperlukan untuk menguji tahap kesesuaian item-item di dalam satu kajian, misalnya dengan membuat ujian rintis (*pilot test*) terlebih dahulu terhadap beberapa sampel responden, dan apabila ujian *Reliability Analysis* memberikan keputusan positif, barulah kajian sebenar dijalankan.³⁸⁷

Pengkaji menggunakan analisis komparatif untuk melihat perbandingan program dakwah CITU manakah mendapat penerimaan tertinggi dan mendapat perhatian responden dengan program yang tidak mendapat sambutan. Manakala analisis statistik deskriptif menunjukkan kekerapan tertinggi dan peratus tertinggi yang menunjukkan signifikan penerimaan terhadap pendekatan dakwah melalui program dakwah CITU.


Jadual 4.3.1 : Sambutan Responden Terhadap Program Dakwah CITU.

	PROGRAM DAKWAH CITU	Tidak Pernah	Jarang-Jarang	Sederhana-Kerap	Kerap	Sangat Kerap
1	<i>Solat Hajat</i>	16	78	148	87	33
2	<i>Bacaan Yasin dan tahlil</i>	9	81	165	91	16
3	<i>Kuliah Maghrib</i>	60	183	99	13	6
4	<i>Motivasi pelajar</i>	8	85	146	108	15
5	<i>Kursus Pra Perkahwinan</i>	43	120	136	56	7
6	<i>Advance Camp</i>	32	92	129	83	26
7	<i>Solat Sunat Tarawih</i>	19	66	142	98	37
8	<i>Kursus Kepimpinan Pelajar</i>	31	70	127	96	38
9	<i>Kursus Pengurusan Jenazah</i>	18	92	170	70	12
10	<i>Sambutan Awal Muharram</i>	29	92	157	71	13
11	<i>Sambutan Maulid al-Rasul</i>	19	72	164	84	23
12	<i>Sambutan Nuzul al-Quran</i>	29	96	148	74	15
13	<i>Sambutan Isra' wa Mikraj</i>	22	90	163	73	14
14	<i>Kursus Penghayatan Solat</i>	32	106	163	52	9
15	<i>Program Pemantapan Modal Insan (PPMI)</i>	30	104	156	64	8

³⁸⁷Rahim Utah, *Manual SPSS Versi 17.0* (Pusat Sistem Maklumat Bersepadu, UiTM Shah Alam : Selangor, 2009), 107.

Jadual 4.3.1. di atas menunjukkan program dakwah dan maklumbalas responden mengenai sambutan mereka terhadap program dakwah yang dianjurkan oleh CITU. Seramai 354 orang daripada 362 orang responden memilih PERNAH mengikuti Program Motivasi Pelajar dengan pecahan frekuansi kekerapan [Sangat Kerap : 15 orang, Kerap : 108 orang dan Sederhana Kerap : 148 orang] dan bagi mereka yang memilih TIDAK PERNAH mengikutinya seramai 8 orang sahaja.

Rajah 4.3.2 : Program Dakwah CITU Paling Mendapat Sambutan Responden.



Jika dilihat dalam Rajah 4.3.2, menunjukkan bahawa frekuansi kekerapan Sederhana Kerap seramai 146 orang (40.3%), Kerap seramai 108 orang (29.8%) dan Sangat Kerap seramai 15 orang (4.1%) dan Jarang-Jarang seramai 85 orang (23.5%). Manakala bagi responden yang Tidak Pernah menyertai Program Motivasi Pelajar hanya seramai 8 orang (2.2%).

Jadual 4.3.2 : Perbezaan Jantina yang pernah dan tidak pernah hadir ke Program Motivasi

	PROGRAM MOTIVASI					JUMLAH
	Tidak Pernah	Jarang-Jarang	Sederhana Kerap	Kerap	Sangat Kerap	
LELAKI	1	31	52	52	5	141
Peratus	.3%	8.6%	14.4%	14.4%	1.4%	39.0%
PEREMPUAN	7	54	94	56	10	221
Peratus	1.9%	14.9%	26.0%	15.5%	2.8%	61.0%
JUMLAH RESPONDEN	8	85	146	108	15	362
PERATUS	2.2%	23.5%	40.3%	29.8%	4.1%	100.0%

Jadual 4.3.2 di atas menunjukkan perbezaan bilangan responden mengikut jantina yang PERNAH menyertai Program Motivasi. Jumlah Lelaki adalah seramai 140 orang (38.7%) daripada 141 orang (39%) PERNAH menyertainya [Sangat Kerap : 5 orang, Kerap : 52 orang, Sederhana Kerap : 52 orang, Jarang-jarang : 31 orang]. Mereka yang TIDAK PERNAH hanya seramai 1 orang sahaja. Manakala Jumlah Perempuan adalah seramai 214 orang (59.1%) daripada 221 orang (61%) PERNAH menyertainya [Sangat Kerap : 10 orang, Kerap : 56 orang, Sederhana Kerap : 94 orang, Jarang-jarang : 54 orang]. Mereka yang TIDAK PERNAH hanya seramai 7 orang.


HASIL PENEMUAN :

Program Motivasi adalah SIGNIFIKAN dengan usaha CITU dalam membangunkan akhlak mahasiswa di UiTM Kelantan kampus Machang, berdasarkan kepada sambutan tertinggi responden yang pernah mengikuti Program Motivasi seramai 354 orang.

Menurut Saudara Amjad Naufal, mahasiswa Diploma Sains Kuantitatif berpendapat, pengalamannya dalam program ini sangat teruja kerana program tersebut telah menyuntik semangatnya untuk menjadi pelajar cemerlang dan berjaya kelak³⁸⁸.

Bagi seorang lagi mahasiswi, Saudari Ainul Mardhiyah yang pernah menyertai Program Motivasi ada menyuarakan rasa isi hatinya dan berkongsi pengalaman menyertai program ini dengan berpendapat program yang dihadiri sedikit sebanyak dapat membina keyakinan dan keterampilan peribadi mahasiswa/i. Jadi, tidak hairan kenapa program ini menjadi pilihan di kalangan mahasiswa.³⁸⁹

Rajah 4.3.3 : Program Dakwah CITU Paling Tidak Mendapat Sambutan.



Rajah 4.3.3 menunjukkan program dakwah CITU yang paling tidak mendapat sambutan. Responden yang memilih PERNAH [kekerapan Sangat Kerap : 6 orang (1.7%), Kerap : 13 orang (3.6%) dan Sederhana Kerap : 99 orang (27.3%) Jarang-Jarang : 183 orang (50.6%)]. Manakala mereka yang memilih TIDAK PERNAH seramai 60 orang (16.6%).

³⁸⁸ Amjad Naufal (Mahasiswa, UiTM Kelantan Kampus Machang), dalam temu bual dengan penulis, 7 November 2012.

³⁸⁹ Ainul Mardhiyah (Mahasiswi, UiTM Kelantan Kampus Machang), dalam temu bual dengan penulis, 7 November 2012.

Kebiasaannya Kuliah Maghrib diadakan selepas solat Maghrib sehingga azan Isyak berkumandang. Ia diadakan di Pusat Islam UiTM, Surau Kolej Dato Onn, Surau Kolej Tun Hussien Onn dan Surau Kolej Tun Mahathir dengan menjemput penceramah yang terdiri di kalangan pensyarah dan Pegawai Hal Ehwal Islam CITU.

Jadual 4.3.4 : Perbezaan Jantina yang pernah dan tidak pernah hadir ke Kuliah Maghrib

	KULIAH MAGHRIB					JUMLAH
	Tidak Pernah	Jarang-Jarang	Sederhana Kerap	Kerap	Sangat Kerap	
LELAKI	15	69	47	7	3	141
Peratus	10.6%	48.9%	33.3%	5.0%	2.1%	100.0%
PEREMPUAN	45	114	52	6	3	221
Peratus	20.4%	51.6%	23.5%	2.7%	1.4%	100.0%
JUMLAH RESPONDEN	60	183	99	13	6	362
Peratus	16.6%	50.6%	27.3%	3.6%	1.7%	100.0%

Jadual 4.3.4 di atas menunjukkan perbezaan bilangan responden mengikut jantina yang PERNAH menyertai Kuliah Maghrib. Jumlah Lelaki adalah seramai 126 orang (89.3%) daripada 141 orang PERNAH menyertainya [Sangat Kerap : 3 orang, Kerap : 7 orang, Sederhana Kerap 47 orang, Jarang-jarang : 69 orang]. Mereka yang TIDAK PERNAH ikuti seramai 15 orang. Manakala Jumlah Perempuan adalah seramai 175 (79.2%) daripada 221 orang PERNAH menyertainya [Sangat Kerap : 3 orang, Kerap : 6 orang, Sederhana Kerap 52 orang, Jarang-jarang : 114 orang]. Mereka yang TIDAK PERNAH seramai 45 orang. Jurang perbezaan antara kehadiran Lelaki dan Perempuan berpunca dari beberapa faktor seperti perbezaan latar belakang pendidikan yang mendapat didikan di sekolah agama dan sekolah biasa.

HASIL PENEMUAN :

Program Kuliah Maghrib adalah **TIDAK SIGNIFIKAN** dengan usaha CITU untuk membangunkan akhlak mahasiswa di UiTM Kelantan kampus Machang, berdasarkan kepada program dakwah yang paling tinggi tidak mendapat sambutan seramai 60 orang.

Namun, terdapat beberapa persoalan yang timbul. Kenapa Kuliah Maghrib tidak mendapat penerimaan yang baik di kalangan responden? Adakah disebabkan oleh sikap pelajar sendiri atau mungkin beberapa faktor seperti tempat atau waktu yang tidak sesuai?.

Menjawab persoalan tersebut, maka Pengkaji telah menemu bual beberapa orang responden. Menurut pendapat Saudara Iruwan Affendi,³⁹⁰ punca kenapa Kuliah Maghrib tidak ramai yang dapat hadir kerana beberapa faktor iaitu ada di kalangan mahasiswa yang mempunyai kelas pengajian sehingga malam, ada juga yang menyatakan bahawa waktu Kuliah Maghrib adalah yang tidak sesuai, ada yang terlalu letih dan sebagainya.

Bagi Saudari Nurul Iman,³⁹¹ beliau merasakan bahawa mahasiswa/i kurang berminat atau tidak berminat untuk menghadiri Kuliah Maghrib disebabkan mereka tidak mempunyai kesedaran dan maklumat mengenai kelebihan menghadiri sesuatu majlis ilmu. Oleh itu, katanya sudah menjadi tanggungjawabnya untuk bersama-sama mengajak rakannya yang terdekat untuk menghadiri Kuliah Maghrib.

Apapun, menurut pandangan Pegawai Hal Ehwal Islam UiTM Kelantan, Ustaz Husaini Ab Razab antara punca kenapa Kuliah Maghrib tidak mendapat sambutan di kalangan mahasiswa adalah berpunca dari diri mahasiswa itu sendiri. Rasionalnya tidak mungkin setiap hari ada kelas sehingga malam.³⁹²

³⁹⁰Iruwan Affendi (Mahasiswa, UiTM Kelantan Kampus Machang), dalam temu bual dengan penulis, 7 November 2012.

³⁹¹Nurul Iman (Mahasiswi, UiTM Kelantan Kampus Machang), dalam temu bual pada 7 November 2012.

³⁹²Husaini Ab Razab (Pegawai Hal Ehwal Islam CITU, UiTM Kelantan Kampus Machang), dalam temu bual dengan penulis, 21 November 2012.

Jadual 4.3.5 : Peratusan Sambutan Responden Terhadap Program Dakwah.

	PROGRAM DAKWAH CITU	Tidak Pernah	Jarang-Jarang	Sederhana Kerap	Kerap	Sangat Kerap
1	<i>Solat Hajat</i>	4.4%	21.5%	40.9%	24%	9.1%
2	<i>Bacaan Yasin dan tahlil</i>	2.5%	22.4%	45.6%	25.1%	4.4%
3	<i>Kuliah Maghrib</i>	16.6%	50.6%	27.3%	3.6%	1.7%
4	<i>Motivasi pelajar</i>	2.3%	23.5%	40.3%	29.8%	4.1%
5	<i>Kursus Pra Perkahwinan</i>	11.9%	33.1%	37.65%	15.5%	1.9%
6	<i>Advance Camp</i>	8.8%	25.4%	35.6%	22.9%	7.2%
7	<i>Solat Sunat Tarawih</i>	5.2%	18.2%	39.2%	27.1%	10.2%
8	<i>Kursus Kepimpinan Pelajar</i>	8.6%	19.3%	35.1%	26.5%	10.5%
9	<i>Kursus Pengurusan Jenazah</i>	5%	25.4%	47%	19.3%	3.3%
10	<i>Sambutan Awal Muharram</i>	8%	25.4%	43.4%	19.6%	3.6%
11	<i>Sambutan Maulid al-Rasul</i>	5.2%	19.9%	45.3%	23.2%	6.4%
12	<i>Sambutan Nuzul al-Quran</i>	8%	26.5%	40.9%	20.4%	4.1%
13	<i>Sambutan Isra' wa Mikraj</i>	6.1%	24.9%	45%	20.2%	3.9%
14	<i>Kursus Penghayatan Solat</i>	8.8%	29.3%	45%	14.4%	2.5%
15	<i>Prgm Pemantapan Modal Insan</i>	8.3%	28.7%	43.1%	17.7%	2.2%

Jadual 4.3.5 di atas memaparkan peratusan sambutan program dakwah CITU di kalangan mahasiswa UiTM Kelantan kampus Machang. Peratus tertinggi program yang mendapat sambutan ialah Program Motivasi iaitu sebanyak 97.7%, diikuti Program Bacaan Yasin dan Tahlil sebanyak 97.5 %. dan Kursus Pengurusan Jenazah 95%.

Peratusan program dakwah CITU yang paling tidak mendapat sambutan dapat diketahui melalui peratus tertinggi pada frekuansi Tidak Pernah iaitu Kuliah Maghrib, sebanyak 16%. Ia diikuti dengan Kursus Pra Perkahwinan sebanyak 11.9% dan Kursus Penghayatan Solat sebanyak 8.8%.

(b) Kesimpulan

Bahagian B merupakan analisis untuk mengetahui sejauh manakah penerimaan responden terhadap program dakwah yang dianjurkan oleh CITU. Dengan melihat kepada kekerapan tertinggi program yang dihadiri oleh responden dapat menggambarkan signifikan sesuatu program itu dengan usaha membangunkan akhlak mahasiswa. Program yang mempunyai kekerapan pernah tertinggi menunjukkan

program dakwah tersebut diminati oleh responden. Analisis mendapati, Program Motivasi mendapat sambutan tertinggi di kalangan responden seramai 354 orang (97.7%). Ini menunjukkan bahawa program ini signifikan dengan usaha CITU untuk membangunkan akhlak mahasiswa. Beberapa temu bual yang dilakukan mendapati antara faktor penyumbang kepada penerimaan yang baik di kalangan responden adalah publisiti yang baik, program yang menarik dan galakan daripada rakan yang pernah menyertainya sebelum ini. Adapun analisis terhadap program yang paling tidak mendapat sambutan ialah Kuliah Maghrib mencatatkan kekerapan tertinggi tidak pernah hadir seramai 60 orang (16.6%). Ini menjelaskan Kuliah Maghrib ini tidak signifikan dengan usaha CITU untuk membangunkan akhlak mahasiswa. Hasil tinjauan dan pemerhatian mendapati antara sebab ianya tidak mendapat sambutan yang baik kerana bertembung dengan kuliah sehingga malam, responden terlibat dengan aktiviti sukan dan sikap mereka sendiri yang tidak pandai menguruskan masa dengan baik. Penerimaan terhadap program dakwah CITU berada pada tahap sederhana. Petunjuk ini bukanlah suatu yang muktamad kerana Pengkaji berpendapat bukan program dakwah CITU seperti Kuliah Maghrib yang menunjukkan tidak signifikan dengan usaha CITU tetapi responden itu yang harus diperbetulkan dengan memberikan kefahaman tentang keutamaan untuk menghadirinya.

4.4 ANALISIS PENDEKATAN DAKWAH CITU – BAHAGIAN C

(a) Hasil Dapatan.

Dalam usaha membangunkan akhlak mahasiswa UiTM, pihak CITU telah menyusun strategi termasuklah menggunakan tiga pendekatan dakwah yang dirasakan dapat menarik minat mahasiswa untuk menyertai program yang dianjurkan. Pendekatan dakwah tersebut ialah hikmah dan nasihat yang berkesan, contoh teladan yang baik serta mengadakan perbincangan, forum dan penerangan yang berkesan.

Pengkaji menggunakan borang soal selidik untuk mengetahui pendekatan dakwah CITU terhadap pembangunan akhlak mahasiswa, seperti untuk mengetahui sambutan responden terhadap program dakwah yang dianjurkan oleh CITU. Begitu juga, Pengkaji mengujinya dengan menggunakan prosedur *Cronbach Alpha coefficient* dan nilai skala yang diperolehi berada pada paras 0.976. Ini menunjukkan kebolehpercayaan yang tinggi.

Analisis dibahagikan kepada tiga jenis pendekatan dakwah yang digunakan seperti di atas dengan memaparkan kekerapan dan peratusan tertinggi. Pendekatan pertama ialah hikmah dan nasihat yang berkesan. Begitu juga pada pendekatan kedua iaitu contoh dan teladan yang baik serta pendekatan ketiga ialah mengadakan perbincangan, forum dan penerangan yang berkesan. Kekerapan dan peratusan tertinggi dapat menggambarkan pendekatan yang paling diminati serta menjadi pilihan.

Jadual 4.4.1 (A) : Penerimaan Responden kepada Pendekatan Dakwah CITU.

	PENDEKATAN DAKWAH CITU	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Sederhana Setuju	Setuju	Sangat Setuju
1	<i>CITU menganjurkan program pembangunan akhlak mahasiswa dengan berhikmah</i>	1	4	76	163	118
2	<i>CITU mengajak secara berhikmah dan memberi nasihat yang berkesan kepada mahasiswa</i>	0	8	75	148	131
3	<i>CITU mengajak mahasiswa secara berhikmah kepada amalan “Amar Ma’aruf Nahi Mungkar”.</i>	1	6	80	148	127
4	<i>CITU memberikan nasihat yang berkesan tentang kesedaran untuk melakukan ibadah sunat</i>	0	10	74	164	114
5	<i>CITU memberikan contoh yang baik tentang kelebihan membaca, mempelajari al-Quran dan menguasai ilmu tajwid</i>	1	2	70	151	138
6	<i>CITU memberikan contoh teladan baik yang dipetik dari kisah-kisah para nabi</i>	1	8	77	146	130
7	<i>CITU menunjukkan contoh dan teladan yang baik kepada mahasiswa</i>	0	4	87	164	107

8	<i>CITU memberikan contoh dan teladan yang baik dengan ajak mahasiswa bersifat mahmudah</i>	1	7	62	157	135
9	<i>CITU memberikan penerangan berkesan tentang signifikan sambutan Hari Kebesaran Islam</i>	3	9	76	153	121
10	<i>CITU mengadakan penerangan berkesan tentang tuntutan untuk memakai pakaian menutup aurat</i>	2	8	74	136	142
11	<i>CITU mengadakan perbincangan, forum dan penerangan berkesan kepada mahasiswa</i>	2	10	84	171	95
12	<i>CITU mengadakan perbincangan dan forum dalam usaha membangunkan akhlak mahasiswa</i>	4	9	70	160	120
13	<i>CITU memberikan kesan yang positif dalam diri saya dari segi kefahaman dan penghayatan</i>	1	4	82	153	122
14	<i>CITU menjadi tempat rujukan saya sekiranya ada kemusykilan tentang agama</i>	1	12	72	135	142
15	<i>CITU mengamalkan sepenuhnya pendekatan dakwah secara berhikmah, memberikan nasihat yang berkesan, menunjukkan contoh teladan yang baik serta mengadakan perbincangan, forum dan memberikan penerangan berkesan</i>	1	7	71	146	137

Jadual 4.4.1 (B): Ringkasan Penerimaan Responden Mengikut Pendekatan Dakwah

PENERIMAAN RESPONDEN MENGIKUT PENDEKATAN DAKWAH

	3 PENDEKATAN DAKWAH CITU	PENDEKATAN PALING DIMINATI	PENDEKATAN PALING TIDAK DIMINATI
1	HIKMAH & NASIHAT BERKESAN	<i>CITU menganjurkan program pembangunan akhlak mahasiswa dengan berhikmah</i>	<i>CITU memberikan nasihat yang berkesan tentang kesedaran untuk melakukan ibadah sunat</i>
2	CONTOH & TELADAN YANG BAIK	<i>CITU memberikan contoh yang baik tentang kelebihan membaca, mempelajari al-Quran dan menguasai ilmu tajwid</i>	<i>CITU memberikan contoh teladan baik yang dipetik dari kisah-kisah para nabi</i>

3	PERBINCANGAN,FORUM,PENERANGAN	CITU mengadakan penerangan berkesan tentang tuntutan untuk memakai pakaian menutup aurat	CITU mengadakan perbincangan dan forum dalam usaha membangunkan akhlak mahasiswa
---	--------------------------------------	---	---

Analisis Pendekatan Pertama : Hikmah dan Nasihat Berkesan.

Dalam kitab *Tafsīr al-Kabīr*, Imām Fakhr al-Rāzī menyatakan bahawa Allah SWT memerintahkan Nabi Muhammad SAW supaya mencontohi dakwah Nabi Ibrahim a.s dengan mengajak manusia secara berhikmah, memberikan nasihat yang berkesan, memberikan contoh teladan yang baik serta mengadakan perbincangan, forum dan penerangan berkesan.³⁹³

Justeru, CITU yang telah diberikan kepercayaan pihak universiti untuk membangunkan akhlak mahasiswa UiTM telah menjadikan asas pertama dalam pendekatan motede dakwah yang telah disarankan oleh Allah ini sebagai panduan untuk melaksanakan kerja dakwah mengajak warga kampus UiTM untuk kembali kepada cara hidup Islam yang sebenarnya.

CITU menggunakan pendekatan hikmah dan nasihat berkesan dalam program dakwahnya sama ada dakwah melalui program akademik yang ditawarkan oleh Jabatan Pendidikan dan Tamadun Islam (JPIT) mahupun program pembangunan modal insan yang disediakan oleh Jabatan Kemajuan Islam (JKI), CITU.

Secara umumnya, di UiTM Kelantan kampus Machang, JKI CITU telah menganjurkan beberapa program yang menggunakan pendekatan hikmah dan nasihat yang berkesan seperti CITU menganjurkan program pembangunan akhlak mahasiswa dengan berhikmah dan mengajak mereka secara berhikmah kepada amalan amar ma'ruf nahi mungkar dan seperti mana dalam Jadual 4.4.1 (A) di atas, serta seperti faktor-faktor yang terdapat dalam borang soal selidik.

³⁹³ Fakhr al-Rāzī, *Tafsīr al-Kabīr*, 62.

Rajah 4.4.2 :Kekerapan Tertinggi Penerimaan Pendekatan Hikmah dan Nasihat Berkesan- CITU menganjurkan program pembangunan akhlak mahasiswa dengan berhikmah



Rajah 4.4.2 memaparkan pendekatan hikmah dan nasihat berkesan yang paling mendapat sambutan responden iaitu pendekatan CITU menganjurkan program pembangunan akhlak mahasiswa dengan berhikmah. Responden yang memilih SETUJU [Kekerapan sangat setuju seramai 118 orang (32.6%), setuju seramai 163 orang (45%) dan sederhana setuju seramai 76 orang (21.0%)]. Manakala mereka yang memilih TIDAK SETUJU dapat dilihat pada frekuansi tertinggi sangat tidak setuju seramai 1 orang (0.3%), dan tidak setuju seramai 4 orang (1.1%).

Jadual 4.4.3 : Perbezaan Jantina yang Setuju dan Tidak Setuju dengan Pendekatan Pertama : Hikmah dan Nasihat Berkesan


PENDEKATAN 1 : HIKMAH DAN NASIHAT BERKESAN						
CITU menganjurkan program pembangunan akhlak mahasiswa dengan berhikmah						
	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Sederhana Setuju	Setuju	Sangat Setuju	JUMLAH
LELAKI	0	2	34	54	51	141
Peratus	.0%	1.4%	24.1%	38.3%	36.2%	100.0%
PEREMPUAN	1	2	42	109	67	221
Peratus	.5%	.9%	19.0%	49.3%	30.3%	100.0%
JUMLAH RESPONDEN	1	4	76	163	118	362
Peratus	.3%	1.1%	21.0%	45.0%	32.6%	100.0%

Jadual 4.4.3 di atas menunjukkan perbezaan bilangan responden mengikut jantina yang SETUJU dan TIDAK SETUJU dengan **Pendekatan Pertama CITU**. Jumlah Lelaki adalah seramai 139 orang (98.6%) daripada 141 orang SETUJU [Sangat Setuju : 51 orang, Setuju : 54 orang, Sederhana Setuju 34 orang]. Mereka yang TIDAK SETUJU hanya seramai 2 orang (1.4%). Manakala Jumlah Perempuan adalah seramai 219 orang (99.86%) daripada 221 orang SETUJU [Sangat Setuju : 67 orang, Setuju : 109 orang, Sederhana Setuju : 42 orang]. Mereka yang TIDAK SETUJU hanya seramai 3 orang(0.14%) [Tidak Setuju : 2 orang, Sangat Tidak Setuju : 1 orang]. (Analisis dari aspek SETUJU tertinggi dengan pendekatan pertama CITU iaitu seramai 357 orang).

HASIL PENEMUAN :

CITU menganjurkan program pembangunan akhlak mahasiswa dengan pendekatan berhikmah dan nasihat berkesan adalah **SIGNIFIKAN** dengan usaha CITU membangunkan akhlak mahasiswa di UiTM Kelantan kampus Machang

Rajah 4.4.4 : Pendekatan Hikmah dan Nasihat Berkesan yang Paling Kurang Diminati- CITU Beri Nasihat & Kesedaran Melakukan Ibadah Sunat



Rajah 4.4.4 menunjukkan Pendekatan hikmah dan nasihat berkesan yang paling kurang diminati iaitu dalam nasihat untuk menuaikan ibadah sunat dengan kekerapan tertinggi tidak setuju seramai 10 orang pada pendekatan CITU memberikan nasihat yang berkesan tentang kesedaran untuk melakukan ibadah sunat. Pendekatan pertama iaitu, pendekatan hikmah dan nasihat berkesan didapati memaparkan kekerapan tertinggi yang tidak setuju seramai 10 orang.

Rajah 4.4.3 menunjukkan Pendekatan hikmah dan nasihat berkesan yang paling kurang diminati iaitu dalam nasihat untuk menuaikan ibadah sunat dengan kekerapan tertinggi tidak setuju seramai 10 orang. Menurut salah seorang mahasiswa, Saudara Raif Masoud berpendapat, bahawa pendekatan ini kurang diminati kerana sikap mahasiswa

itu sendiri yang pandang enteng terhadap tuntutan melaksanakan amalan dan ibadah sunat.³⁹⁴

Jadual 4.4.5 : Perbezaan Jantina yang Setuju dan Tidak Setuju dengan Pendekatan Pertama : Hikmah dan Nasihat Berkesan.

PENDEKATAN 1 : HIKMAH DAN NASIHAT BERKESAN					
CITU memberi nasihat dan kesedaran untuk melakukan ibadah sunat					JUMLAH
	Tidak Setuju	Sederhana Setuju	Setuju	Sangat Setuju	
LELAKI	3	30	64	44	141
Peratus	2.1%	21.3%	45.4%	31.2%	100.0%
PEREMPUAN	7	44	100	70	221
Peratus	3.2%	19.9%	45.2%	31.7%	100.0%
JUMLAH RESPONDEN	10	74	164	114	362
Peratus	2.8%	20.4%	45.3%	31.5%	100.0%

Jadual 4.4.5 di atas menunjukkan perbezaan bilangan responden mengikut jantina yang SETUJU dan TIDAK SETUJU dengan **Pendekatan Pertama CITU**. Jumlah Lelaki adalah seramai 138 orang (97.9%) daripada 141 orang SETUJU [Sangat Setuju : 44 orang, Setuju : 64 orang, Sederhana Setuju 30 orang]. Mereka yang TIDAK SETUJU 3 orang. Manakala Jumlah Perempuan adalah seramai 214 orang (99.2%) daripada 221 orang SETUJU [Sangat Setuju : 70 orang, Setuju : 100 orang, Sederhana Setuju : 44 orang]. Mereka yang TIDAK SETUJU hanya seramai 7 orang(3.2%) Tidak Setuju:7 orang.(Analisis aspek TIDAK SETUJU tertinggi dengan pendekatan pertama CITU iaitu seramai 10 orang).

³⁹⁴ Raif Masoud (bekas Mahasiswa, UiTM Kelantan Kampus Machang), dalam temu bual dengan penulis, 21 Februari 2013.

HASIL PENEMUAN :

Pendekatan CITU memberi nasihat dan kesedaran menunaikan ibadat sunat adalah TIDAK SIGNIFIKAN dengan usaha CITU membangunkan akhlak mahasiswa di UiTM Kelantan kampus Machang.-

Analisis Pendekatan Kedua : Contoh Teladan yang baik


Al-Alūsi dalam kitab *Tafsīr Ruh al-Ma’āni* menyatakan contoh teladan yang baik itu sebagai percakapan, perbualan yang berfaedah dan memberikan pengajaran yang bermanfaat, memberi nasihat yang tidak memberikan ancaman kepada mereka dan memberi nasihat yang baik. Ianya juga perlu memahami realiti semasa dan bersesuaian dengan keadaan sesuatu zaman³⁹⁵

Oleh itu, dengan menjadikan pendekatan kedua dalam asas metode dakwah dalam Islam iaitu memberikan contoh teladan yang baik, maka CITU telah merancang semua aktiviti kerohanian dan pembangunan akhlak mahasiswa dengan memperkasakan barisan penggerak staf CITU yang berkaliber, mempunyai sahsiah dan akhlak terpuji serta mampu dijadikan sebagai contoh *role-model* kepada mahasiswa.

Contoh teladan yang baik adalah sangat penting kepada pendakwah, apatah lagi sebagai organisasi yang membawa imej Islam. Masyarakat kampus khususnya, sangat memerlukan CITU sebagai sebuah organisasi Islam yang menjadi tempat rujuk dalam masalah yang dapat diselesaikan dengan cara mendapatkan bimbingan dan nasihat.

³⁹⁵ Al-Alūsi, *Tafsīr Ruh al-Ma’āni*, 62.

Rajah 4.4.6 :Kekerapan Tertinggi Penerimaan Pendekatan Contoh Teladan yang baik – Kelebihan Membaca Al-Quran, Mempelajari dan Menguasai Ilmu Tajwid.



Rajah 4.4.6 memaparkan kekerapan tertinggi penerimaan responden terhadap Pendekatan CITU dengan memberikan contoh yang baik tentang kelebihan membaca, mempelajari al-Quran dan menguasai ilmu tajwid sebanyak 138 orang (75.6%), memilih sangat setuju dengan pendekatan yang digunakan. Ini menunjukkan bahawa pendekatan ini adalah sangat diminati oleh responden.

Pada kebiasaan dalam ceramah motivasi atau Kuliah Maghrib terutamanya ketika Minggu Destini Siswa (MDS) untuk pelajar baru, pihak CITU akan menasihati mahasiswa/i dengan menjelaskan akan kelebihan membaca, mempelajari dan menguasai ilmu tajwid. Dalam borang soal selidik juga, Pengkaji mendapati kebanyakan responden semester 1 telah memilih kekerapan sangat setuju pada pendekatan ini. Mereka terkesan dengan apa yang disampaikan oleh staf CITU mengenai kelebihan membaca al-Quran.

Jadual 4.4.7 : Perbezaan Jantina yang Setuju dan Tidak Setuju dengan Pendekatan Kedua : Contoh Teladan yang baik


PENDEKATAN 2 : CONTOH TELADAN YANG BAIK					
CITU memberi contoh yang baik tentang kelebihan membaca Al-Quran dan Ilmu Tajwid					
	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Sederhana Setuju	Setuju	Sangat Setuju
LELAKI	0	2	30	58	51
Peratus	.0%	1.4%	21.3%	41.1%	36.2%
PEREMPUAN	1	3	39	91	87
Peratus	.5%	1.4%	17.6%	41.2%	39.4%
JUMLAH RESPONDEN	1	5	69	149	138
Peratus	.3%	1.4%	19.1%	41.2%	38.1%
					JUMLAH
					141
					100.0%
					221
					100.0%
					362
					100.0%

Jadual 4.4.7 di atas menunjukkan perbezaan bilangan responden mengikut jantina yang SETUJU dan TIDAK SETUJU dengan Pendekatan Kedua CITU. Jumlah Lelaki adalah seramai 139 orang (98.6%) daripada 141 orang SETUJU [Sangat Setuju : 51 orang, Setuju : 58 orang, Sederhana Setuju: 30 orang]. Mereka yang TIDAK SETUJU hanya 2 orang. Manakala Jumlah Perempuan adalah seramai 217 orang (98.1%) daripada 221 orang SETUJU [Sangat Setuju : 87 orang, Setuju : 91 orang, Sederhana Setuju : 39 orang]. Mereka yang TIDAK SETUJU hanya seramai 4 orang (1.9%) [Tidak Setuju : 3 orang, Sangat Tidak Setuju : 1 orang]. Analisis dari aspek SETUJU tertinggi dengan pendekatan ke 2 CITU).

HASIL PENEMUAN :

CITU memberi contoh baik kelebihan baca al-Quran adalah SIGNIFIKAN dengan usaha CITU membangunkan akhlak mahasiswa di UiTM Kelantan kampus Machang.

**Rajah 4.4.8 : Pendekatan Contoh Teladan Baik yang Paling Kurang Diminati
-CITU beri Contoh Teladan Baik yang dipetik dari Kisah-Kisah Nabi**



Rajah 4.4.8 menunjukkan Pendekatan contoh teladan baik yang paling kurang diminati dengan kekerapan tertinggi tidak setuju seramai 7 orang iaitu Pendekatan CITU dengan memberikan contoh teladan baik yang dipetik dari kisah-kisah Nabi. Analisis dibuat dari aspek tidak setuju tertinggi dengan pendekatan kedua.

Jadual 4.4.9 : Perbezaan Jantina yang Setuju dan Tidak Setuju dengan Pendekatan Kedua : Contoh Teladan yang baik

	PENDEKATAN 2 : CONTOH TELADAN YANG BAIK					JUMLAH
	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Sederhana Setuju	Setuju	Sangat Setuju	
LELAKI	0	3	36	51	51	141
Peratus	.0%	2.1%	25.5%	36.2%	36.2%	100.0%
PEREMPUAN	1	4	41	96	79	221
Peratus	.5%	1.8%	18.6%	43.4%	35.7%	100.0%
JUMLAH RESPONDEN	1	7	77	147	130	362
Peratus	.3%	1.9%	21.3%	40.6%	35.9%	100.0%

Jadual 4.4.9 di atas menunjukkan perbezaan bilangan responden mengikut jantina yang SETUJU dan TIDAK SETUJU dengan **Pendekatan Kedua CITU**. Jumlah Lelaki adalah seramai 138 orang (97.9%) daripada 141 orang SETUJU [Sangat Setuju : 51 orang, Setuju : 51 orang, Sederhana Setuju 36 orang]. Mereka yang TIDAK SETUJU 3 orang. Manakala Jumlah Perempuan adalah seramai 216 orang (97.7%) daripada 221 orang SETUJU [Sangat Setuju : 79 orang, Setuju : 96 orang, Sederhana Setuju : 41 orang]. Mereka yang TIDAK SETUJU 5 orang(2.3%) Tidak Setuju : 4 orang, Sangat Tidak Setuju : 1 orang. (Analisis aspek TIDAK SETUJU tertinggi dengan pendekatan kedua CITU iaitu seramai 9 orang).

HASIL PENEMUAN :

CITU memberikan contoh teladan baik yang dipetik dari kisah-kisah Nabi adalah **TIDAK SIGNIFIKAN** dengan usaha CITU membangunkan akhlak mahasiswa UiTM Kelantan kampus Machang.

Saudari Tasnim berpendapat, pendekatan CITU dengan memetik kisah-kisah Nabi untuk dijadikan contoh teladan yang baik adalah suatu pendekatan yang sangat baik, tepat dan realistik. Cuma apabila minda dan pemikiran mahasiswa telah diasuh sejak kecil untuk lebih mengenal artis maka sikap untuk memahami kisah teladan dari kisah Nabi dipandang sebelah mata.³⁹⁶

Analisis Pendekatan Ketiga: Pendekatan Perbincangan, Forum dan Penerangan

Menurut Imām al-Syaukānī, dalam kitabnya *Tafsīr Fath al-Qadīr* menjelaskan bahawa perdebatan yang dianjurkan dalam Islam adalah sebaik-baiknya berbentuk perbincangan, forum atau penerangan berkesan, sejajar dengan arahan Allah SWT untuk manusia berhujah secara rasional dan matang.³⁹⁷

³⁹⁶ Tasnim (Mahasiswi, UiTM Kelantan Kampus Machang), dalam temu bual dengan penulis, 8 November 2012.

³⁹⁷ Al-Syaukānī, *Tafsīr Fath al-Qadīr*, 123.

Di sebalik kewujudan CITU sebagai organisasi Islam di UiTM, CITU juga tidak sunyi daripada mendapat pelbagai halangan, dugaan dan tentangan dari pihak tertentu yang merasakan bahawa terdapat program dakwah CITU yang tidak menyenangkan mereka. Kebijaksanaan Ketua CITU dalam menangani masalah dengan mengadakan perbincangan dan penerangan berkesan dapat menyelesaikan masalah ini.

CITU menjadikan pendekatan ketiga ini untuk memikat hati masyarakat dan menarik perhatian warga UiTM untuk menyertai program dakwah CITU. Pendekatan tersebut berjaya diterjemahkan dalam kampus dan majoritinya dapat menerima pendekatan dakwah yang cuba dilaksanakan di UiTM. Sehingga kini, imej CITU sebagai pusat kecemerlangan Islam masih dihormati dan disegani oleh semua lapisan masyarakat.

Bagi pendekatan mengadakan perbincangan/forum dengan kekerapan tertinggi ialah CITU mengadakan perbincangan dan forum dalam usaha membangunkan akhlak mahasiswa seramai 123 orang. Manakala, pendekatan penerangan berkesan dengan kekerapan paling tinggi yang memilih sangat setuju adalah CITU mengadakan penerangan berkesan tentang tuntutan memakai pakaian menutup aurat seramai 142 orang.

Rajah 4.4.10 :Kekerapan Tertinggi Penerimaan Pendekatan Perbincangan, Forum dan Penerangan- Penerangan Berkesan & Kesedaran Tutup Aurat



Rajah 4.4.10 menunjukkan kekerapan tertinggi penerimaan responden terhadap pendekatan CITU mengadakan penerangan berkesan tentang tuntutan untuk memakai pakaian menutup aurat seramai 142 orang memilih sangat setuju. Kekerapan yang tertinggi ini menggambarkan pendekatan ini berjaya memikat hati mahasiswa dan mahasiswi untuk menutup aurat dengan sempurna seperti yang digariskan dalam Islam.

Jadual 4.4.11 : Perbezaan Jantina yang Setuju dan Tidak Setuju dengan Pendekatan Ketiga : Perbincangan, Forum dan Penerangan

	PENDEKATAN 3 : PERBINCANGAN, FORUM DAN PENERANGAN					JUMLAH	
	CITU memberi penerangan berkesan dan kesedaran untuk menutup aurat						
	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Sederhana Setuju	Setuju	Sangat Setuju		
LELAKI	1	3	35	46	56	141	
Peratus	0.7%	2.1%	24.8%	32.6%	39.7%	100.0%	
PEREMPUAN	1	6	38	90	86	221	
Peratus	0.5%	2.7%	17.2%	40.7%	38.9%	100.0%	
JUMLAH RESPONDEN	2	9	73	136	142	362	
Peratus	.6%	2.5%	20.2%	37.6%	39.2%	100.0%	


Jadual 4.4.11 di atas menunjukkan perbezaan responden mengikut jantina yang SETUJU dan TIDAK SETUJU dengan Pendekatan Ketiga CITU. Jumlah Lelaki adalah seramai 137 orang (97.1%) daripada 141 orang SETUJU [Sangat Setuju : 56 orang, Setuju : 46 orang, Sederhana Setuju 35 orang]. Manakala Jumlah Perempuan adalah seramai 214 orang (96.8%) daripada 221 orang SETUJU [Sangat Setuju : 86 orang, Setuju : 90 orang, Sederhana Setuju: 38 orang]. Mereka yang TIDAK SETUJU hanya seramai 7 orang (3.2%) [Tidak Setuju : 9 orang, Sangat Tidak Setuju : 2 orang]. (Analisis dari aspek SETUJU tertinggi dengan pendekatan ketiga dakwah CITU iaitu seramai 351 orang)

HASIL PENEMUAN :

CITU beri penerangan berkesan tutup aurat adalah **SIGNIFIKAN** dengan usaha CITU membangunkan akhlak mahasiswa di UiTM Kelantan kampus Machang.

Menurut Ustaz Shamsul Baharin Bin Zakaria, Pembantu Hal Ehwal Islam (Bilal) menyatakan bahawa CITU telah banyak melakukan pelbagai usaha untuk memberikan kefahaman dan kesedaran kepada mahasiswa mengenai tuntutan menutup aurat dengan sempurna dengan mengedarkan risalah/pamflet menutup aurat, memberikan nasihat secara berhikmah tanpa paksaan, motivasi dari masa ke semasa dan sebagainya.³⁹⁸

Rajah 4.4.12: Pendekatan Perbincangan, Forum dan Penerangan yang Paling Kurang Diminati – Usaha Membangunkan Akhlak Mahasiswa



Rajah 4.4.12 memaparkan pendekatan CITU melalui perbincangan, forum dan penerangan berkesan yang paling kurang diminati iaitu usaha CITU membangunkan akhlak mahasiswa. Pendekatan ketiga ini menjelaskan bahawa kekerapan tertinggi tidak setuju seramai 7 orang. Ini memberikan isyarat kepada pendekatan ini tidak mendapat sambutan di kalangan responden.

³⁹⁸Shamsul Baharin Zakaria (Pembantu Hal Ehwal Islam (Bilal), CITU UiTM Kelantan Kampus Machang), dalam temu bual dengan penulis, 7 November 2012.

Jadual 4.4.13 : Perbezaan Jantina yang Setuju dan Tidak Setuju dengan Pendekatan Ketiga : Perbincangan, Forum dan Penerangan

PENDEKATAN 3 : PERBINCANGAN, FORUM DAN PENERANGAN					
CITU mengadakan perbincangan, forum dalam usaha membangunkan akhlak mahasiswa					
	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Sederhana Setuju	Setuju	Sangat Setuju
LELAKI	2	2	35	56	46
Peratus	.7%	.7%	25.5%	40.5%	32.6%
PEREMPUAN	2	7	35	103	74
Peratus	.7%	5.3%	15.8%	45.4%	32.8%
JUMLAH RESPONDEN	4	9	70	159	120
Peratus	.8%	1.8%	19.4%	44%	34.0%
					JUMLAH

Jadual 4.4.13 di atas menunjukkan perbezaan bilangan responden mengikut jantina yang SETUJU dan TIDAK SETUJU dengan **Pendekatan Ketiga CITU**. Jumlah Lelaki adalah seramai 137 orang (98.6%) daripada 141 orang SETUJU [Sangat Setuju : 46 orang, Setuju : 56 orang, Sederhana Setuju 35 orang]. Mereka yang TIDAK SETUJU 4 orang. Manakala Jumlah Perempuan adalah seramai 212 orang (94%) daripada 221 orang SETUJU [Sangat Setuju:74 orang, Setuju :103 orang, Sederhana Setuju :35 orang]. Mereka yang TIDAK SETUJU 9 orang (6%) [Tidak Setuju : 2 orang, Sangat Tidak Setuju : 7 orang]. (Analisis aspek TIDAK SETUJU tertinggi dengan pendekatan ketiga CITU iaitu seramai 13 orang)

HASIL PENEMUAN :

CITU adakan perbincangan, forum dalam usaha membangunkan akhlak mahasiswa adalah TIDAK SIGNIFIKAN dengan usaha CITU membangunkan akhlak mahasiswa di UiTM Kelantan kampus Machang.

Menurut Imam UiTM Kelantan kampus Machang, Ustaz Mohd Miqdad Aswad bin Ahmad berpandangan bahawa pendekatan yang digunakan oleh CITU adalah

pendekatan yang terbaik kerana ia adalah berasaskan kepada metode dakwah yang telah ditentukan oleh Allah. Sebenarnya segala masalah itu datangnya dari sikap mahasiswa sendiri, bukan kerana pendekatan dakwah yang telah ditetapkan dalam Islam.³⁹⁹

Pengkaji berpendapat bahawa, bagi setiap jenis pendekatan yang menunjukkan kekerapan tertinggi setuju merupakan pendekatan dakwah yang paling mendapat pilihan dan berjaya menarik minat responden. Manakala pendekatan dakwah yang menunjukkan kekerapan tertinggi tidak setuju adalah pendekatan yang kurang diminati oleh responden.

Pada hemat Pengkaji, walaupun kajian yang dilakukan untuk mengetahui pendekatan dakwah dalam pembangunan akhlak dengan mendapatkan maklumbalas responden, ia bukanlah suatu yang muktamad dan tidak boleh disangkalkan. Maklumbalas yang diperolehi daripada responden tidak boleh dijadikan sandaran sepenuhnya untuk menolak mana-mana pendekatan yang tidak diminati responden.

Jadual 4.4.14 (A) : Peratusan Penerimaan Responden kepada Pendekatan Dakwah

	PENDEKATAN DAKWAH CITU	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Sederhana Setuju	Setuju	Sangat Setuju
1	CITU menganjurkan program pembangunan akhlak mahasiswa dengan berhikmah	0.30%	1.10%	21%	45%	32.60%
2	CITU mengajak secara berhikmah dan memberi nasihat yang berkesan kepada mahasiswa	0	2.20%	20.70%	40.90%	36.20%
3	CITU mengajak mahasiswa secara berhikmah kepada amalan “Amar Ma’aruf Nahi Mungkar”.	0.30%	1.70%	22.10%	40.90%	35.10%
4	CITU memberikan nasihat yang berkesan tentang kesedaran untuk melakukan ibadah sunat	0	2.80%	20.40%	45.30%	31.50%
5	CITU memberikan contoh yang baik tentang kelebihan membaca, mempelajari al-Quran dan menguasai ilmu tajwid	0.30%	0.60%	19.40%	41.00%	38.70%

³⁹⁹Mohd Miqdad Aswad Ahmad (Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam (Imam), CITU UiTM Kelantan Kampus Machang), dalam temu bual dengan penulis, 7 November 2012.

6	<i>CITU memberikan contoh teladan baik yang dipetik dari kisah-kisah para nabi</i>	0.30%	2.20%	21.30%	40.30%	35.90%
7	<i>CITU menunjukkan contoh dan teladan yang baik kepada mahasiswa</i>	0	1.10%	24%	45.30%	29.60%
8	<i>CITU memberikan contoh dan teladan yang baik dengan ajak mahasiswa bersifat mahmudah</i>	0.30%	1.90%	17.10%	43.40%	37.30%
9	<i>CITU memberikan penerangan berkesan tentang signifikan sambutan Hari Kebesaran Islam</i>	0.60%	1.70%	21%	43.40%	33.40%
10	<i>CITU mengadakan penerangan berkesan tentang tuntutan untuk memakai pakaian menutup aurat</i>	0.60%	2.40%	20.20%	37.60%	39.20%
11	<i>CITU mengadakan perbincangan, forum dan penerangan berkesan kepada mahasiswa</i>	0.30%	1.90%	23.50%	48.10%	26.10%
12	<i>CITU mengadakan perbincangan dan forum dalam usaha membangunkan akhlak mahasiswa</i>	0.80%	1.80%	19.40%	44%	34%
13	<i>CITU memberikan kesan yang positif dalam diri saya dari segi kefahaman dan penghayatan</i>	0.30%	1.10%	22.70%	42.30%	33.70%
14	<i>CITU menjadi tempat rujukan saya sekiranya ada kemusyilan tentang agama</i>	0.30%	3.30%	19.90%	37.30%	39.20%
15	<i>CITU mengamalkan sepenuhnya pendekatan dakwah secara berhikmah, memberikan nasihat yang berkesan, menunjukkan contoh teladan yang baik serta mengadakan perbincangan, forum dan memberikan penerangan berkesan</i>	0.30%	1.90%	19.60%	40.30%	37.80%

Jadual 4.4.14 (B): Ringkasan Peratusan Penerimaan Responden Mengikut Pendekatan Dakwah

PERATUSAN PENERIMAAN PENDEKATAN DAKWAH CITU

	3 PENDEKATAN DAKWAH CITU	PENDEKATAN PALING DIMINATI	PENDEKATAN PALING TIDAK DIMINATI
1	HIKMAH & NASIHAT BERKESAN	CITU menganjurkan program pembangunan akhlak mahasiswa dengan berhikmah (98.6%)	CITU memberikan nasihat yang berkesan tentang kesedaran untuk melakukan ibadah sunat (2.8%)

2	CONTOH & TELADAN YANG BAIK	CITU memberikan contoh yang baik tentang kelebihan membaca, mempelajari al-Quran dan menguasai ilmu tajwid : (98.4%)	CITU memberikan contoh teladan baik yang dipetik dari kisah-kisah para nabi : (2.5%)
3	PERBINCANGAN,FORUM,PENERANGAN	CITU mengadakan penerangan berkesan tentang tuntutan untuk memakai pakaian menutup aurat (97%)	CITU mengadakan perbincangan dan forum dalam usaha membangunkan akhlak mahasiswa (2.6%)

Jadual 4.4.14 (B) di atas menunjukkan peratusan penerimaan responden kepada pendekatan dakwah. Pengkaji telah membahagi peratusan penerimaan mahasiswa mengikut pendekatan dakwah dengan memaparkan peratusan tertinggi sangat setuju sebagai pendekatan dakwah yang paling diminati. Begitu juga, peratusan tertinggi tidak setuju menggambarkan pendekatan yang kurang mendapat pilihan.

Peratusan tertinggi pada pendekatan pertama, iaitu pendekatan hikmah dan nasihat berkesan ialah CITU menganjurkan program pembangunan akhlak mahasiswa dengan berhikmah dengan mencatat peratusan sebanyak 98.6% dan pendekatan paling tidak diminati dalam pendekatan ini ialah CITU memberikan nasihat yang berkesan tentang kesedaran untuk melakukan ibadah sunat sebanyak 2.8 %.

Peratusan tertinggi pada pendekatan kedua iaitu pendekatan contoh dan teladan baik ialah CITU memberikan contoh yang baik tentang kelebihan membaca, mempelajari al-Quran dan menguasai ilmu tajwid dengan peratusan sebanyak 98.4%. Adapun peratusan terendah dalam pendekatan ini yang memberikan isyarat kepada pendekatan yang tidak mendapat sambutan responden ialah CITU memberikan contoh teladan baik yang dipetik dari kisah-kisah para nabi dengan peratusan tertinggi tidak setuju sebanyak 2.50%.

Peratusan tertinggi pada pendekatan ketiga iaitu pendekatan dengan mengadakan perbincangan, forum dan penerangan berkesan ialah CITU mengadakan penerangan berkesan tentang tuntutan untuk memakai pakaian menutup aurat dengan peratusan tertinggi sebanyak 97%. Manakala peratusan terendah dalam pendekatan ini ialah CITU mengadakan perbincangan dan forum dalam usaha membangunkan akhlak mahasiswa dengan peratusan tertinggi tidak setuju sebanyak 2.60%.

(b) Kesimpulan

Bahagian C merupakan analisis untuk mengenal pasti apakah pendekatan dakwah yang digunakan oleh CITU dalam pembangunan akhlak mahasiswa dan sejauhmanakah pendekatan tersebut mampu membangunkan akhlak mahasiswa. CITU menggunakan pendekatan dakwah yang telah ditentukan oleh Allah dalam Islam berpandukan mafhum Al-Quran dari surah al-Nahl : ayat 125. Tiga pendekatan tersebut ialah hikmah dan nasihat yang berkesan, memberi nasihat dan contoh teladan yang baik serta mengadakan perbincangan, forum dan penerangan berkesan. Analisis dimulakan dengan melihat kepada pendekatan pertama iaitu pendekatan hikmah dan nasihat berkesan ialah CITU menganjurkan program pembangunan akhlak mahasiswa dengan berhikmah dengan mencatat peratusan sebanyak 98.6% dan pendekatan paling tidak diminati dalam ialah CITU memberikan nasihat yang berkesan tentang kesedaran untuk melakukan ibadah sunat sebanyak 2.8%. Peratusan tertinggi pada pendekatan kedua iaitu pendekatan contoh dan teladan baik ialah CITU memberikan contoh yang baik tentang kelebihan membaca, mempelajari al-Quran dan menguasai ilmu tajwid dengan peratusan sebanyak 99.1%. Peratusan terendah dalam pendekatan ini yang memberikan isyarat pendekatan yang tidak mendapat sambutan responden ialah CITU memberikan contoh teladan baik yang dipetik dari kisah-kisah para nabi dengan peratusan tertinggi tidak setuju sebanyak 2.50%. Peratusan tertinggi pada pendekatan ketiga iaitu pendekatan mengadakan

perbincangan, forum dan penerangan berkesan ialah CITU mengadakan penerangan berkesan tentang tuntutan untuk memakai pakaian menutup aurat dengan peratusan tertinggi sebanyak 98%. Peratusan terendah ialah CITU mengadakan perbincangan dan forum dalam usaha membangunkan akhlak mahasiswa dengan peratusan tertinggi tidak setuju 2.60%.

4.5 ANALISIS SIGNIFIKAN PROGRAM DAKWAH CITU DAN MASALAH YANG DIHADAPI MAHASISWA – BAHAGIAN D.

(a) Hasil Dapatan

Bagi melihat signifikan atau kewajaran dan kemunasabahan program dakwah yang dianjurkan oleh CITU menepati usaha membangunkan akhlak mahasiswa, maka kita perlu dilihat sejauhmanakah penerimaan mahasiswa terhadap program dakwah CITU dan pendekatan yang digunakan mampu menarik minat mereka dengan mengambil kira masalah-masalah yang mereka hadapi sebelum, semasa dan selepas program diadakan.

Untuk tujuan tersebut, maka Pengkaji sekali lagi merangka beberapa persoalan yang dimuatkan dalam borang soal selidik bertujuan bagi mendapatkan maklumbalas responden terhadap masalah yang mereka hadapi terhadap pendekatan dakwah CITU melalui program dakwah. Dengan adanya maklumbalas ini, Pengkaji dapat menilai dan seterusnya membuat analisis berdasarkan maklumbalas responden.

Seperti dalam borang soal selidik sebelum ini, pada Bahagian B iaitu mengenai penerimaan mahasiswa terhadap program dakwah anjuran CITU didapati nilai skala yang diperolehi berada pada paras 0.925 dan pada Bahagian C iaitu Pendekatan dakwah CITU terhadap pembangunan akhlak mahasiswa dengan nilai skala yang diperolehi berada pada paras 0.976.

Begitu juga, pada Bahagian D iaitu masalah yang dihadapi responden terhadap pendekatan CITU melalui program dakwah, Pengkaji juga telah mengujinya dengan menggunakan prosedur *Cronbach Alpha coefficient* dan nilai skala yang diperolehi

berada pada paras 0.952. Ini menunjukkan bahawa kebolehpercayaan yang tinggi. Pengkaji telah menguji kesahan dan kebolehpercayaan pada ketiga-tiga bahagian dalam borang soal selidik yang dibina.

Untuk melihat signifikan program dakwah CITU terhadap pembangunan akhlak mahasiswa, Pengkaji menggunakan analisis statistik deskriptif menunjukkan kekerapan dan peratusan tertinggi menunjukkan signifikan terhadap program dakwah CITU. Selain itu, analisis komparatif juga digunakan bagi membandingkan antara maklumbalas yang memilih SETUJU dengan TIDAK SETUJU. Ia dapat diketahui melalui masalah yang dihadapi sebelum, semasa dan selepas program diadakan.

Jadual 4.5.1 : Signifikan Program Dakwah CITU dan Masalah Responden

	SIGNIFIKAN PROGRAM DAKWAH CITU & MASALAHNYA	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Sederhana Setuju	Setuju	Sangat Setuju
1	<i>Saya tiada masa untuk menyertai program dakwah CITU</i>	56	110	147	32	17
2	<i>Saya kurang berminat dengan program dakwah yang dianjurkan CITU</i>	107	155	80	17	3
3	<i>Saya rasa segan /malu untuk menghadiri program dakwah CITU</i>	59	155	93	17	2
4	<i>Saya rasa cepat bosan dengan program dakwah CITU yang dihadiri</i>	84	143	114	15	6
5	<i>Saya rasa letih ketika program dakwah CITU sedang berlangsung</i>	94	149	105	10	4
6	<i>Saya rasa mengantuk semasa program dakwah CITU berlangsung</i>	73	122	128	30	9
7	<i>Saya berpendapat, CITU menganjurkan program pada masa yang tidak sesuai</i>	80	146	103	25	8
8	<i>Saya berpendapat, CITU menganjurkan program di tempat yang kurang sesuai</i>	100	140	96	21	5
9	<i>Saya tidak dapat menghayati sepenuhnya apa yang disampaikan oleh penceramah</i>	76	128	117	17	2
10	<i>Saya tidak faham dengan apa yang disampaikan oleh penceramah</i>	80	152	111	17	2

11	<i>Saya rasa tempoh masa program dakwah CITU terlalu panjang</i>	82	141	110	22	7
12	<i>Saya rasakan tiada sebarang faedah dan manfaatnya jika menyertai program dakwah CITU</i>	0	147	125	79	11
13	<i>Saya rasakan program dakwah CITU tidak relevan dengan perubahan dunia moden hari ini</i>	140	135	72	13	2
14	<i>Saya lebih suka menghadiri program berbentuk hiburan daripada menyertai program kerohanian</i>	120	128	101	11	2
15	<i>Saya rasakan program dakwah CITU lebih terikat dengan peraturan Islam yang membebankan</i>	138	123	83	13	5

Jadual 4.5.1 di atas menunjukkan signifikan program dakwah CITU dan masalah yang dihadapi oleh responden dalam menyertai program dakwah dan pendekatan yang dilaksanakan oleh CITU. Didapati jumlah responden yang memilih TIDAK SETUJU adalah seramai 275 orang (78.3%), yang merasakan bahawa program dakwah CITU tidak relevan dengan perubahan dunia moden hari ini. Ini jelas menggambarkan bahawa responden mendapati penganjuran program dakwah yang dianjurkan oleh CITU sebagai suatu bentuk program yang bersesuaian dan mengikut peredaran zaman.

Responden yang merasakan masalah tiada masa untuk menyertai program dakwah anjuran CITU, bilangan mereka yang memilih SETUJU seramai 196 orang (54.2%) daripada 362 orang [Sangat Setuju : 17 orang (9.3%), Setuju : 31 orang (17.1%) dan Sederhana Setuju : 148 orang (84.4%)]. Ini memberikan satu isyarat bahawa kebanyakan responden mempunyai masalah tiada masa untuk menyertai program dakwah CITU. Seramai 166 orang (45.9%) memilih TIDAK SETUJU [Sangat Tidak Setuju : 56 orang, Tidak Setuju:110 orang] yang mempunyai masa untuk menyertai program dakwah .

Rajah 4.5.2: Masalah yang dihadapi responden_Masalah merasakan Program CITU tidak relevan.



Rajah 4.5.2 menunjukkan bilangan responden yang memilih TIDAK SETUJU seramai 275 orang (78.3%) yang merasakan bahawa program dakwah CITU tidak relevan dengan perubahan dunia moden hari ini. Ini menggambarkan bahawa responden mendapati penganjuran program dakwah yang dianjurkan oleh CITU adalah program yang menepati kesesuaian peredaran zaman. Adapun, jumlah responden yang memilih SETUJU seramai 87 orang. Mereka yang memilih SETUJU itu menunjukkan bahawa program dakwah CITU tidak relevan dengan perubahan dunia moden hari ini.

Jadual 4.5.3 : Perbezaan Jantina yang Setuju dan Tidak Setuju dengan masalah merasakan program CITU tidak relevan dengan dunia hari ini

MASALAH MERASAKAN PROGRAM CITU TIDAK RELEVAN DENGAN DUNIA HARI INI						JUMLAH
	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Sederhana Setuju	Setuju	Sangat Setuju	
LELAKI	51	51	29	8	2	141
	36.2%	36.2%	20.6%	5.7%	1.4%	100.0%
PEREMPUAN	89	84	43	5	0	221
	40.3%	38.0%	19.5%	2.3%	.0%	100.0%
JUMLAH RESPONDEN	140	135	72	13	2	362
	38.7%	37.3%	19.9%	3.6%	.6%	100.0%

Jadual 4.5.3 di atas menunjukkan perbezaan bilangan responden mengikut jantina yang SETUJU dan TIDAK SETUJU dengan Kerelevan Program CITU. Jumlah Lelaki hanya seramai 39 orang (27.7%) daripada 141 orang SETUJU [Sangat Setuju : 2 orang, Setuju : 8 orang, Sederhana Setuju:29 orang]. Mereka yang TIDAK SETUJU seramai 102 orang [Sangat Tidak Setuju : 51 orang, Tidak Setuju : 51 orang]. Manakala Jumlah Perempuan hanya seramai 48 orang (21.8%) daripada 221 orang SETUJU [Setuju : 5 orang, Sederhana Setuju : 43 orang]. Mereka yang TIDAK SETUJU seramai 173 orang (78.3%) [Sangat Tidak Setuju : 89 orang, Tidak Setuju : 84 orang]. Ini memberikan isyarat bahawa Program CITU adalah relevan dengan dunia hari ini.

HASIL PENEMUAN :

Masalah responden merasakan program CITU adalah relevan dengan dunia hari ini adalah SIGNIFIKAN dengan usaha CITU membangunkan akhlak mahasiswa di UiTM Kelantan kampus Machang.

Menjawab persoalan ini, Pengkaji cuba mendapatkan jawapan dari seorang pensyarah CITU UiTM Kelantan kampus Machang, Ustaz Che Bakar bin Che Mat. Menurut pandangannya, sesuatu program dakwah itu bukan hanya dilihat pada relevan atau tidak dengan perubahan dunia moden hari ini, tapi apa yang lebih penting sesuatu program dakwah itu mestilah menepati syarak, kesan jangka masa panjang, bentuk pengisian yang sesuai dan mahasiswa dapat terkesan dengan program tersebut.⁴⁰⁰

Bagi pandangan Ustazah Rokiyah Bt Jusoh, Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan UiTM Kelantan kampus Machang, selaku orang yang terlibat secara langsung dengan program pembangunan modal insan pelajar dan staf di UiTM, melihat sesuatu program dakwah itu relevan atau tidak adalah berdasarkan kepada program itu dibuat menepati syarak, dengan mengambil kira kesesuaian masa, tempat dan bentuk pengisian yang disusun.⁴⁰¹


Pada hemat Pengkaji, ada benarnya apa yang telah diperkatakan oleh Ustaz Che Bakar bin Che Mat dan Ustazah Rokiyah bt Jusoh dalam menentukan relevan atau tidak sesuatu program dakwah itu dilaksanakan. Ini kerana, sebelum semua program dakwah CITU diadakan, maka pihak CITU telah meneliti dan mengambil kira pelbagai aspek bagi memastikan objektif sesuatu program dakwah itu tercapai.

Sepanjang pengamatan Pengkaji yang melihat sendiri perjalanan program dakwah CITU, tidak timbul soal relevan atau tidak kerana pihak CITU akan memastikan bahawa program yang dianjurkan terlebih dahulu mesti menepati syarak, kebiasaananya program ini diadakan pada hari minggu dan cuti kelepasan am, walaupun kadang-kadang ada juga program yang dibuat pada hari waktu bekerja.

⁴⁰⁰Che Bakar Che Mat (Pensyarah Kanan CITU, UiTM Kelantan Kampus Machang), dalam temu bual dengan penulis, 19 November 2012.

⁴⁰¹Rokiyah Jusoh (Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan CITU, UiTM Kelantan Kampus Machang), dalam temu bual dengan penulis, 14 November 2012.

Rajah 4.5.4: Masalah yang dihadapi responden_Masalah merasakan Tiada Masa Menyertai Program CITU



Rajah 4.5.4 menunjukkan alasan responden yang merasakan masalah tiada masa untuk menyertai program dakwah anjuran CITU, dengan bilangan responden memilih SETUJU seramai 196 orang (54.2%) daripada 362 orang [Sangat Setuju : 17 orang (9.3%), Setuju : 31 orang (17.1%) dan Sederhana Setuju : 148 orang (84.4%)]. Ini memberikan satu isyarat bahawa kebanyakan responden mempunyai masalah tiada masa untuk menyertai program dakwah CITU. Jumlah responden yang memilih TIDAK SETUJU seramai 166 orang (45.9%) [Sangat Tidak Setuju : 56 orang (15.5%) dan Tidak Setuju : 110 orang (30.4%)]. Ini bermakna, hanya seramai 166 orang (45.9%) yang mempunyai masa untuk menyertai program dakwah.

Jadual 4.5.5 : Perbezaan Jantina yang Setuju dan Tidak Setuju dengan masalah merasakan tiada masa ikuti program dakwah CITU

	MASALAH TIADA MASA IKUTI PROGRAM DAKWAH CITU					JUMLAH
	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Sederhana Setuju	Setuju	Sangat Setuju	
LELAKI	21	34	68	12	6	141
Peratus	14.9%	24.1%	48.2%	8.5%	4.3%	100.0%
PEREMPUAN	35	76	80	19	11	221
Peratus	15.8%	34.4%	36.2%	8.6%	5.0%	100.0%
JUMLAH RESPONDEN	56	110	148	31	17	362
Peratus	15.5%	30.4%	40.9%	8.6%	4.7%	100.0%

Jadual 4.5.5 di atas menunjukkan perbezaan bilangan responden mengikut jantina yang SETUJU dan TIDAK SETUJU dengan masalah tiada masa untuk menyertai program dakwah CITU. Jumlah Lelaki adalah seramai 86 orang (61%) daripada 141 orang SETUJU [Sangat Setuju : 6 orang, Setuju : 12 orang, Sederhana Setuju : 68 orang]. Mereka yang TIDAK SETUJU 55 orang. Manakala bilangan Perempuan adalah seramai 110 orang (49.8%) daripada 221 orang SETUJU [Sangat Setuju : 11 orang, Setuju : 19 orang, Sederhana Setuju : 80 orang]. Mereka yang TIDAK SETUJU seramai 111 orang (50.2%).

HASIL PENEMUAN :

Masalah mahasiswa tiada masa sertai program dakwah CITU adalah **SIGNIFIKAN** dengan usaha CITU membangunkan akhlak mahasiswa di UiTM Kelantan kampus Machang.

Menurut Ustaz Husaini Ab Razab, Pegawai Hal Ehwal Islam UiTM Kelantan kampus Machang, yang juga merupakan salah seorang penggerak utama dalam program pembangunan modal insan mahasiswa menyatakan bahawa pihak CITU meletakkan

sasaran yang tertentu dalam setiap program dakwah yang dianjurkan. Ini bertujuan untuk mencapai objektif program yang dilaksanakan.⁴⁰²

Bagi pendapat Encik Zafian Zawawi, pensyarah di Fakulti Sains Komputer UiTM Kelantan kampus Machang, beliau tidak bersetuju dengan alasan yang diberikan oleh mahasiswa, tiada masa untuk menyertai program dakwah CITU kerana pada pendapatnya kebanyakannya program dakwah yang dianjurkan oleh CITU diadakan pada hari kelepasan am/cuti umum. Jadi, tidak timbul soal mahasiswa tiada masa untuk menyertai program.⁴⁰³

Seorang mahasiswa yang sempat ditembual, Saudara Muhammad Ismail memberi pandangan mengenai masalah mahasiswa yang tiada masa untuk menyertai program dakwah CITU sebagai mereka yang tidak mempunyai jadual perancangan pengajian yang sempurna. Ini kerana, beliau akui kehidupan sebagai mahasiswa memang sibuk tetapi sekiranya kita pandai menyusun atur jadual dengan baik ia dapat diatasi.⁴⁰⁴

Pada pendapat Saudari Nur Liyana Bt Rusli, mahasiswi Fakulti Pengajian Perniagaan berpandangan bahawa masalah mahasiswa yang tiada masa untuk menyertai program dakwah CITU sebenarnya adalah berpunca pada sikap mahasiswa/i sendiri kerana untuk menghadiri majlis berbentuk hiburan tidak timbul pula istilah tiada masa untuk pergi.⁴⁰⁵

⁴⁰²Husaini Ab Razab (Pegawai Hal Ehwal Islam CITU, UiTM Kelantan Kampus Machang), dalam temu bual dengan penulis, 11 November 2012.

⁴⁰³Mohd Zafian Zawawi (Pensyarah Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat, UiTM Kelantan Kampus Machang), dalam temu bual dengan penulis, 11 Februari 2013.

⁴⁰⁴Muhammad Ismail (Mahasiswa UiTM Kelantan Kampus Machang), dalam temu bual dengan penulis, 10 Disember 2012.

⁴⁰⁵Nur Liyana Rusli, (Mahasiswi UiTM Kelantan Kampus Machang), dalam temu bual dengan penulis, 10 Disember 2012.

Jadual 4.5.6: Peratusan Signifikan Program Dakwah CITU dan Masalah.

	SIGNIFIKAN PROGRAM DAKWAH CITU & MASALAHNYA	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Sederhana Setuju	Setuju	Sangat Setuju
1	<i>Saya tiada masa untuk menyertai program dakwah CITU</i>	15.5%	30.4%	40.9%	8.6%	4.7%
2	<i>Saya kurang berminat dengan program dakwah yang dianjurkan CITU</i>	29.6%	42.8%	22.1%	4.7%	0.8%
3	<i>Saya rasa segan /malu untuk menghadiri program dakwah CITU</i>	26.2%	42.8%	25.7%	4.7%	0.6%
4	<i>Saya rasa cepat bosan dengan program dakwah CITU yang dihadiri</i>	23.2%	39.5%	31.5%	4.1%	1.7%
5	<i>Saya rasa letih ketika program dakwah CITU sedang berlangsung</i>	26%	41.2%	29%	2.8%	1.1%
6	<i>Saya rasa mengantuk semasa program dakwah CITU berlangsung</i>	20.2%	33.7%	35.4%	8.3%	2.5%
7	<i>Saya berpendapat, CITU menganjurkan program pada masa yang tidak sesuai</i>	22.1%	40.3%	28.5%	6.9%	2.2%
8	<i>Saya berpendapat, CITU menganjurkan program di tempat yang kurang sesuai</i>	27.6%	38.7%	26.5%	5.8%	1.4%
9	<i>Saya tidak dapat menghayati program CITU</i>	21%	35.4%	32.3%	9.9%	1.4%
10	<i>Saya tidak faham dengan apa yang disampaikan oleh penceramah</i>	22.1%	42%	30.7%	4.7%	0.6%
11	<i>Saya rasa tempoh masa program dakwah CITU terlalu panjang</i>	22.7%	39%	30.4%	6.1%	1.9%
12	<i>Saya rasakan tiada sebarang faedah dan manfaatnya jika menyertai program CITU</i>	0	40.6%	34.5%	21.8%	3%
13	<i>Saya rasakan program dakwah CITU tidak relevan dengan perubahan dunia moden hari ini</i>	38.7%	37.3%	19.9%	3.6%	0.6%
14	<i>Saya lebih suka menghadiri program berbentuk hiburan daripada menyertai program kerohanian</i>	33.1%	35.4%	27.9%	3%	0.6%
15	<i>Saya rasakan program dakwah CITU lebih terikat dengan peraturan Islam yang membebankan</i>	38.1%	34%	22.9%	3.6%	1.4%

Jadual 4.5.6 menjelaskan tentang peratusan signifikan program dakwah CITU dan masalahnya.Untuk mengukuhkan lagi kajian yang dibuat, Pengkaji telah menemubual

beberapa orang responden untuk mendapatkan maklumbalas mereka mengenai dua bentuk masalah yang dihadapi oleh mahasiswa dalam program dakwah iaitu masalah tiada masa untuk menyertai program dakwah CITU dan masalah merasakan tiada sebarang faedah dan manfaatnya jika menyertai program dakwah CITU.

Saudara Amirul Ashraf menyuarakan rasa hatinya mengenai masalah yang dihadapi untuk menyertai program dakwah CITU. Beliau berterus terang tanpa rasa segan mengatakan bahawa tanggungjawabnya sebagai mahasiswa sepertinya sangat besar. Apabila beliau tidak dapat menyesuaikan diri dan salah memilih kawan, itulah puncanya kenapa beliau tidak dapat berikan komitmen kepada program kerohanian.⁴⁰⁶

Saudari Maisarah pula, berpandangan masalah seperti merasakan tiada sebarang faedah dan manfaatnya jika menyertai program dakwah CITU adalah suatu yang keterlaluan. Rasionalnya, tidak wajar dikatakan sesuatu program kerohanian itu tidak ada sebarang faedah dan manfaatnya. Semuanya bertitik tolak dari dalam diri sendiri.⁴⁰⁷

Menurut pendapat Ustaz Zuhairi bin Safuan, pensyarah CITU UiTM Kelantan kampus Machang, beliau merasakan masalah yang dihadapi oleh mahasiswa seperti tiada masa untuk menyertai program dakwah dan merasakan tiada sebarang faedah dan manfaat jika sertai program dakwah CITU adalah masalah yang berpunca dari sikap mahasiswa. Mereka perlu diberikan kesedaran dan tunjuk ajar yang berterusan.⁴⁰⁸

⁴⁰⁶ Amirul Asyraf (Mahasiswa, UiTM Kelantan Kampus Machang), dalam temu bual dengan penulis, 10 Disember 2012.

⁴⁰⁷ Maisarah, (Mahasiswi, UiTM Kelantan Kampus Machang), dalam temu bual dengan penulis, 10 Disember 2012.

⁴⁰⁸ Zuhairi Safuan (Pensyarah CITU, UiTM Kelantan Kampus Machang), dalam temu bual dengan penulis, 22 Oktober 2012.

(b) Kesimpulan

Bahagian D adalah analisis untuk mengenal pasti bagaimanakah penerimaan mahasiswa terhadap pendekatan dakwah CITU dan apakah masalah-masalah yang dihadapi dalam usaha membangunkan akhlak mahasiswa. Penerimaan mereka terhadap pendekatan dakwah CITU dapat diketahui melalui sikap mereka terhadap sambutan program yang dianjurkan, di samping melihat kepada pendekatan dakwah yang paling mendapat sambutan dalam ketiga-tiga jenis pendekatan dan melihat bentuk masalah yang dihadapi terhadap pendekatan dakwah CITU. Kekerapan tidak setuju seramai 140 orang (38.7%) yang merasakan bahawa program dakwah CITU tidak relevan dengan perubahan dunia moden hari ini. Ia menggambarkan bahawa responden mendapati pengajuran program dakwah yang dianjurkan oleh CITU adalah relevan dengan perubahan dunia moden hari ini. Maka hasil penemuannya, masalah rasa program CITU tidak relevan adalah signifikan dengan usaha CITU membangunkan akhlak mahasiswa di UiTM Kelantan kampus Machang. Adapun, masalah tiada masa untuk menyertai program dakwah CITU mencatatkan kekerapan setuju seramai 196 orang (54.2%). Ini bermakna kebanyakan responden menghadapi masalah tiada masa untuk menghadiri program kerohanian anjuran CITU. Untuk mengatasi masalah tiada masa untuk mengikuti program dakwah CITU, penyelesaiannya adalah terletak kepada sejauhmana seseorang mahasiswa/i itu menggunakan kebijaksanaannya menyusun atur jadual perancangan sehari dan membahagikan masa dengan baik. Hasil penemuannya, masalah mahasiswa tiada masa serta program dakwah CITU adalah tidak signifikan dengan usaha CITU membangunkan akhlak mahasiswa di UiTM Kelantan kampus Machang.

BAB 5 :

PENUTUP

5.1 Pengenalan

Masalah akhlak dan kebejatan sosial di kalangan remaja ataupun mereka yang bergelar mahasiswa di institusi pengajian tinggi bukanlah satu fenomena baru. Masalah ini berlaku di mana-mana saja, sejak zaman dahulu hingga kini. Masalah ketandusan akhlak adalah suatu fitrah yang memerlukan kepada usaha untuk meningkatkan potensi diri dan membangunkan akhlak mereka. Oleh itu, penerapan nilai-nilai murni perlu disemai sejak kecil lagi untuk mengelakkan berlakunya masalah dalam pembangunan akhlak. Kepincangan pendidikan akhlak dalam sistem pendidikan negara hari ini juga sedikit sebanyak menyumbang kepada berlaku masalah akhlak di kalangan mahasiswa.

Perbahasan tentang akhlak dan pembangunannya banyak dibincangkan oleh para sarjana cendiakawan Islam dan tokoh-tokoh ilmuan akhlak Islam. Hakikatnya, martabat manusia itu terletak pada ketinggian akhlaknya. Akhlak berpaksikan aqidah yang betul akan membawa seseorang itu mendekati Allah SWT. Ini kerana dasar pembinaan manusia ialah mempunyai peribadi yang bersifat sejagat, baik, sihat, seimbang, harmoni, bersatupadu yang berfungsi sebagai unit asas yang aktif dalam pembinaan masyarakat.

Atas kesedaran inilah, maka pihak CITU menjadikan faktor akhlak sebagai strategi pembangunan Insan yang merupakan salah satu dari fakulti keinsanan. CITU merasakan bahawa akhlak yang baik merupakan elemen penting selepas kejernihan aqidah yang betul, ibadah yang sahih dan akhlak yang mulia. Demikianlah halnya dengan kajian yang dilakukan terhadap mahasiswa UiTM Kelantan kampus Machang. Hasil dapatan kajian menunjukkan akhlak mereka berada pada tahap yang sederhana baik dan ini memberikan isyarat bahawa program-program dakwah CITU mendapat sambutan yang baik dan pendekatannya dapat diterima oleh masyarakat kampus pada skala sederhana.

Setiap organisasi Islam yang berhasrat untuk melaksanakan tuntutan dakwah kepada sasaran dakwahnya, seharusnya mempunyai pendekatan, metode dakwah atau cara dakwah yang tersendiri untuk menarik minat *mad'u* (orang yang diseru) kepada cara hidup Islam yang sebenarnya. Justeru, sebagai sebuah entiti Islam di UiTM, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU) UiTM juga mempunyai pendekatan dakwahnya yang tersendiri dengan menjadikan al-Quran dan al-Hadith sebagai rujukan utama.

Sebagai salah seorang kakitangan CITU UiTM, Pengkaji merasa terpanggil melakukan satu kajian untuk mengenal pasti sejauh manakah sambutan mahasiswa UiTM program dakwah CITU dan bagaimanakah penerimaan mereka terhadap pendekatan dakwah CITU. Penerimaan terhadap pendekatan CITU ini dapat diketahui melalui maklum balas mahasiswa sebagai responden dalam kajian ini, khususnya mahasiswa di UiTM Kelantan kampus Machang.

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mencapai objektif kajian yang telah digariskan bermula objektif pertama iaitu memahami program dan pendekatan dakwah dalam pembangunan akhlak terhadap mahasiswa. Keduanya, mengenal pasti program dan pendekatan Pusat Pemikiran & Kefahaman Islam (CITU) dalam pembangunan akhlak mahasiswa UiTM Kelantan kampus Machang. Ketiganya, mengenal pasti masalah pelaksanaan program dan pendekatan Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU) UiTM dan keempatnya, mengenal pasti penerimaan mahasiswa terhadap pendekatan dakwah Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU).

5.2 Rumusan Kajian

CITU menggunakan metode dakwah yang disarankan Allah dalam surah al-Nahl : ayat 125 iaitu pendekatan berhikmah dan nasihat yang berkesan, pendekatan memberi nasihat yang baik/contoh teladan dan pendekatan mengadakan perbincangan, forum dan penerangan berkesan. Ini kerana CITU merasakan bahawa pendekatan dakwah yang digariskan dalam Al-Quran adalah yang terbaik untuk dilaksanakan kepada mahasiswa UiTM khususnya di UiTM Kelantan kampus Machang.

Penemuan kajian mendapati, masalah akhlak yang berlaku di kalangan mahasiswa UiTM Kelantan kampus Machang tidak sampai ke tahap yang terlalu serius dan membimbangkan. Ia tidak lebih dari masalah biasa yang sering berlaku di mana-mana pusat pengajian tinggi, tetapi usaha ke arah pencegahan dan penambahbaikan harus dilaksanakan. Analisis menunjukkan akhlak mereka berada pada tahap sederhana baik dan boleh dipertingkatkan lagi dari masa ke semasa.

Amanah dan tanggungjawab untuk membangunkan akhlak mereka bukanlah hanya diletakkan di atas bahu pihak CITU UiTM semata-mata, malah semua pihak harus bekerjasama membantu pengurusan universiti mendidik dan membentuk jatidiri mereka dengan acuan dan cara hidup Islam yang sebenar. Hakikat yang perlu diakui, tugas membentuk dan membina akhlak mereka adalah tidak semudah yang disangkakan. Ia menuntut kepada keikhlasan, komitmen yang tinggi, pengorbanan masa, tenaga dan harta.

Selain itu, pelbagai aspek perlu dipertimbangkan sebelum menganjurkan sesuatu program dakwah agar menepati dengan kesesuaian sasaran dakwah. Antara aspek yang perlu diberikan perhatian sebelum menganjurkan program adalah faktor kesesuaian masa, tempat, pendekatan yang digunakan dan bentuk program yang ditawarkan. Begitu juga, aspek pendekatan dakwah yang dilaksanakan harus menepati syarak bukan menepati citarasa mahasiswa. Citarasa atau kehendak manusia sentiasa berbeza-beza

dan secara fitrahnya pasti tidak dapat penuhi semua, tetapi sekiranya standard piawaian itu datangnya dari Allah SWT sudah pasti dapat memenuhi kehendak dan keperluan manusia. Pendekatan dakwah yang digunakan oleh CITU adalah berbeza mengikut program, dengan mengambil kira kesesuaian masa, tempat dan sasaran dakwah.

Sekiranya pendekatan dakwah yang dilakukan oleh CITU berjaya menarik minat ramai mahasiswa untuk menyertai program dakwah dan menunjukkan penerimaan tertinggi pada ketiga-tiga pendekatan dakwah CITU, maka usaha membangunkan akhlak dapat dilaksanakan dengan jayanya dan masalah akhlak yang dihadapi dapat dikurangkan. Ini juga menunjukkan bahawa program dakwah tersebut adalah signifikan dengan usaha membangunkan akhlak mahasiswa. Begitu juga, penerimaan tertinggi terhadap pendekatan dakwah menunjukkan bahawa ia signifikan dengan usaha membangunkan akhlak mahasiswa, tetapi sebaliknya jika program dan pendekatan CITU tidak mendapat sambutan mahasiswa mengisyaratkan bahawa ia adalah tidak signifikan.

Terdapat beberapa isu yang dapat diketengahkan dalam analisis ini seperti isu ketidakseimbangan gender atau jantina dalam menghadiri sesuatu program di mana, hasil kajian mendapati majoriti kehadiran program lebih ramai dihadiri oleh mahasiswa berbanding mahasiswa dan beberapa faktor lain turut mempengaruhi responden seperti latar belakang pendidikan sekolah menengah yang berbeza.

Persoalannya, adakah bentuk program yang ditawarkan oleh CITU mempengaruhi ketidakseimbangan ini atau mungkin ianya berpunca dari sikap mahasiswa itu sendiri yang kurang kefahaman dan kesedaran tentang kepentingan menghadiri program tersebut?

Untuk mendapatkan kepastian dan mengukuhkan hasil penemuan, maka Pengkaji telah menjalankan sesi temu bual dengan beberapa orang responden yang sempat ditemui. Hasil temu bual menunjukkan bahawa ketidakseimbangan ini berlaku berpunca

dari beberapa sebab antaranya masalah tidak dapat menguruskan masa dengan baik, masalah peribadi seperti malas, letih dan bosan, masalah pertembungan program dengan waktu kuliah, dan masalah merasakan tiada manfaat sekiranya mereka menyertainya.

Oleh itu, pihak CITU perlu memikirkan sesuatu dan berusaha untuk memberikan kesedaran dan menyampaikan kefahaman yang betul serta memperbetulkan persepsi negatif mereka terhadap program dakwah yang dilaksanakan. Selain itu, pendekatan dakwah yang sesuai dapat membantu ke arah pembangunan akhlak mahasiswa dengan melihat kepada pendekatan yang signifikan dengan usaha membina akhlak mereka untuk bersikap dengan lebih positif.

Masalah yang dihadapi dalam membangunkan akhlak mahasiswa dapat diketahui melalui pengedaran borang soal, temu bual dan pemerhatian. Apapun maklumbalas responden, CITU perlu memastikan bahawa usaha dakwahnya dapat dilaksanakan secara konsisten dalam membangunkan akhlak mahasiswa, dan perlu ada penambahbaikan.

Pada hemat Pengkaji, pihak CITU perlu berusaha dengan lebih gigih untuk menerapkan pendidikan akhlak yang mulia dalam kehidupan seharian mahasiswa. Akhlak yang mulia ini mencerminkan keperibadian mereka sebagai mahasiswa Muslim contoh. Pada hakikatnya, kebolehan serta potensi yang ada dalam diri setiap mahasiswa harus digilap dengan kegemerlapan gilapan ruh iman dan Islam.

5.3 Cadangan dan Saranan

Mahasiswa adalah aset yang penting bagi sesebuah negara. Mereka adalah bakal pewaris tampuk pemerintahan negara kita suatu hari nanti. Apa saja yang berlaku kepada mereka, akan memberikan impak kepada masa depan negara. Sekiranya kita berjaya menyediakan acuan akhlak yang baik kepada mereka, maka akan lahirlah bakal pemimpin negara yang berpegang teguh kepada aqidah yang benar, ibadah yang sahih dan akhlak yang mulia bagi memastikan masa depan Islam sentiasa cemerlang.

Masalah yang berlaku di kalangan mahasiswa pada hari ini memerlukan perhatian yang serius bagi menanganinya secara bersama. Semua pihak harus mengambil sikap prihatin dan bertanggungjawab untuk bersama-sama berganding bahu bekerjasama untuk memastikan masalah akhlak di kalangan mahasiswa dapat ditangani dengan sebaik mungkin. Masalah akhlak ini tidak sepatutnya diletakkan di bahu CITU UiTM sahaja, malah melibatkan semua pihak termasuk Ibu bapa, universiti dan masyarakat.

Pengkaji ingin mencadangkan kepada bakal Penyelidik, diharapkan dapat melakukan kajian lebih mendalam dan terperinci pada masa akan datang untuk meneroka kajian dalam bidang ini serta dapat memperkasakan lagi dapatan kajian yang bakal dibuat nanti. Kajian seumpama ini adalah sangat penting supaya hasil penemuan dapat dijadikan sebagai rujukan dan panduan kepada semua lapisan masyarakat.

Untuk merealisasikan harapan tersebut, di sini dikemukakan beberapa saranan kepada pihak yang bertanggungjawab seperti Ibu bapa, pengurusan universiti, dan masyarakat untuk membantu dan memberikan kerjasama menangani masalah ini. Mereka harus mengembeling tenaga untuk mencari punca kepada masalah akhlak di kalangan mahasiswa dan cara penyelesaiannya.

Saranan Kepada Universiti.

Pengkaji akan datang, disarankan agar dapat melakukan kajian yang lebih mendalam dan terperinci supaya dapat memperkasakan lagi dapatan kajian seumpama ini agar dapat membantu pihak universiti untuk membangunkan akhlak mahasiswa. Hasil penemuan tentang pendekatan dakwah secara berhikmah dan nasihat yang baik membuktikan bahawa pendekatan yang digunakan dalam program motivasi ini mendapat sambutan yang tinggi di kalangan mahasiswa. Ini memberikan isyarat bahawa program-program dakwah CITU mendapat sambutan yang baik dan pendekatannya dapat diterima oleh masyarakat kampus.

Saranan Kepada CITU.

Pensyarah UiTM, terutamanya Pensyarah CITU disarankan supaya mengambil berat tentang akhlak, disiplin, adab dan etika pelajarnya di dalam bilik kuliah Begitu juga, Pegawai Hal Ehwal Islam CITU di UiTM boleh memainkan peranan mereka untuk mendekati mahasiswa secara lebih berhikmah supaya mereka dapat menyelami masalah yang dihadapi oleh mahasiswa yang menyumbang kepada masalah akhlak di UiTM. Peranan mereka sebagai *murabbi* dalam membangunkan akhlak mahasiswa UiTM dilihat sebagai salah satu faktor penyumbang utama kepada pembangunan akhlak mahasiswa.

Saranan Kepada Masyarakat

Ketua Kampung/Pemimpin masyarakat disarankan supaya saling bekerjasama dan berganding bahu berusaha mengadakan aktiviti yang bermanfaat seperti khidmat masyarakat kepada mahasiswa. Jiran tetangga/komuniti masyarakat disarankan supaya bersikap mengambil berat terhadap jirannya. Masyarakat setempat pula disarankan agar mengambil sikap prihatin terhadap persekitaran dan sekeliling mereka. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa pendekatan *al-Mujadalah* digunakan untuk menghadapi golongan yang tidak dapat dicapai dengan hikmah dan tidak sesuai pula apabila dilayan seperti golongan awam, mereka suka berbahas tentang sesuatu.

Saranan Kepada Ibu bapa.

Ibu bapa disarankan supaya menunjukkan contoh teladan yang baik kepada anak-anak dengan mendidik mereka menggunakan pendekatan dakwah seperti mana yang dianjurkan dalam Islam. Selain itu, mereka juga disarankan agar menggunakan pendekatan pendidikan anak-anak yang positif. Hasil penemuan tentang pendekatan dakwah memberi contoh teladan yang baik membuktikan bahawa pendekatan yang digunakan dengan memberikan didikan agama yang sempurna seperti memberi contoh yang baik tentang kelebihan baca al-Quran boleh diamalkan oleh ibu bapa di rumah.

5.4 Kesimpulan

Kajian ini merupakan kajian di peringkat permulaan mengenai pendekatan CITU terhadap pembangunan akhlak mahasiswa. Pengkaji merasakan adalah lebih sempurna sekiranya ada Penyelidik pada masa akan datang melakukan kajian yang lebih mendalam untuk memastikan usaha pembangunan akhlak yang dijalankan secara berterusan dan tidak diabaikan oleh sesetengah pihak. Ini sangat penting kerana implikasinya akan dirasai oleh mahasiswa sendiri. Pengkaji berpendapat, untuk menangani masalah akhlak di kalangan mahasiswa, semua pihak harus bersatupadu dan bekerjasama mengembeleng tenaga, mengorbankan masa, wang dan sumbangan buah fikiran untuk dilaburkan sebagai saham akhirat, dalam rangka usaha membangunkan akhlak melalui program dakwah CITU dan apa saja program kerohanian yang dapat membentuk jatidiri dari mana-mana institusi Islam yang ikhlas melaksanakan tuntutan dakwah. Ibu bapa terutamanya mempunyai peranan yang sangat besar dalam menyemaikan pendidikan akhlak sejak kecil kerana pendidikan awal bermula sejak dari rumah lagi. Selain itu, masyarakat setempat juga tidak kurang pentingnya. Sikap mengambil berat keadaan sekeliling dapat membantu mencegah masalah akhlak dan gejala sosial di kalangan mahasiswa. Pihak kerajaan juga perlu bijak memanfaatkan kecanggihan zaman teknologi maklumat dan alternatif yang ada untuk manfaat mahasiswa. Akhirnya, secara peribadinya Pengkaji mengharapkan agar potensi diri yang ada pada setiap mahasiswa digunakan dengan sebaik mungkin dan berikan peluang kepada mereka untuk memanfaatkan semaksimanya kebolehan yang terpendam dalam diri dan mudah-mudahan peningkatan akhlak tersebut dapat diperbaiki pada masa hadapan. Kita hanya mampu berusaha untuk menyampaikan kebenaran Islam, tetapi Allah SWT yang memberi kesedaran, kefahaman dan hidayah.